




PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS
2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat
Daripada Kementerian-Kementerian**

**11/10/2010 HINGGA 16/12/2010
SOALAN NO. 401 HINGGA SOALAN NO.521**



JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah keberkesanan Bahagian Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti KPM dalam mengupayakan sekolah dan institusi pendidikan mencapai kecemerlangan serta standard kualiti pendidikan yang tinggi dan apakah Kementerian akan mewujudkan dasar supaya laporan penilaian kualiti sekolah-sekolah di Malaysia oleh Jemaah Nazir diadakan secara online membolehkan masyarakat mengakses laporan tersebut seperti yang dilakukan oleh Education Review Office (ERO) New Zealand.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada dasarnya, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mempunyai standard untuk menilai setiap sekolah di negara. Mekanisme yang diguna pakai oleh KPM ialah **Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM)** yang merupakan instrument menyeluruh yang berfokus ke arah kemenjadian murid. Instumen Pemastian Standard – SKPM telah berjaya memandu dan membantu meningkatkan pencapaian sekolah ke arah kecemerlangan.

Kementerian melaksanakan pemeriksaan, pemverifikasian, pemantauan dan penilaian terhadap institusi pendidikan. Hasil setiap pemeriksaan ditulis laporan beserta cadangan penambahbaikan dan dibentangkan kepada pihak sekolah/institusi pendidikan untuk tindakan pihak sekolah dan institusi yang diperiksa. Segala amalan

yang baik yang terdapat di sekolah, dinasihati supaya diteruskan manakala kekurangan dan kelompongan yang berlaku dicadangkan/dinasihatkan diambil tindakan pembetulan/penambahbaikan. Semua sekolah akan membuat Penarafan Kendiri Sekolah menggunakan Instrumen Pemastian Standard – Standard Kualiti Pendidikan Malaysia. JNJK akan membuat pemverikasian terhadap sekolah berdasarkan skor penarafan kendiri sekolah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI

KAWASAN : GOMBAK

NO. SOALAN : 408

TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menambah pelaburan daripada luar negara sepanjang 2 tahun yang lepas. Adakah laporan Bank of Amerika Merrill Lynch (Survey of Fund Managers) yang mentakrifkan Malaysia di dalam kategori least favoured market di kalangan negara-negara Asia Pasifik telah menjaskan pelaburan asing ke dalam negara.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Di antara langkah-langkah yang telah diambil untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) adalah:

- memperkenalkan beberapa program bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP), Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang mengandungi sistem pemantauan pertumbuhan ekonomi yang kukuh;
- memperkenalkan 12 bidang ekonomi utama negara (NKEA) melalui makmal yang diperkenalkan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU). Bidang tersebut dijangka akan menarik pelaburan yang tinggi ke Malaysia;
- memfokus kepada sektor-sektor yang bernilai ditambah tinggi, berintensifkan modal dan pengetahuan serta teknologi baru muncul;

Singapura, China, Australia, India, Norway, Itali, Jerman, Belanda, Denmark, Belgium, Singapura dan Hong Kong.

Di samping itu, Kementerian juga turut menjemput dan menerima lawatan rasmi Menteri Perdagangan dari luar negara di mana antara program yang digariskan oleh Kementerian termasuklah menjalankan program business matching serta sesi networking, dengan izin, antara pelabur Malaysia dan pelabur dari negara pelawat.

Tuan Yang Dipertua,

Laporan Bank of America Merrill Lynch (Survey of Fund Managers) Julai 2010 menyatakan bahawa bukan sahaja Malaysia tetapi Taiwan, Chile dan China merupakan negara yang kurang digemari oleh Pengurus Dana di Asia Pasifik bagi pelaburan portfolio. Laporan tersebut adalah satu pandangan dari sekumpulan pengurus dana. Malaysia melihat pandangan berkenaan sebagai satu kritikan positif yang seterusnya mendorong Kerajaan untuk melipatgandakan usaha untuk menarik FDI. Pelabur masih berminat untuk melabur di Malaysia dan ini dapat dilihat melalui peningkatan tren FDI bagi sektor perkilangan dan

perkhidmatan perkilangan bagi tempoh Januari hingga Ogos 2010 seperti berikut:

<u>Tempoh (2010)</u>	<u>Jumlah FDI (bilion)</u>
Jan - Feb	2.9
Jan - Mac	3.2
Jan - April	3.8
Jan - Mei	4.4
Jan - Jun	7.5
Jan - Julai	9.6
Jan - Ogos	11.5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB. MOHAMED AZMIN ALI
[GOMBAK]**

SOALAN : NO. 405

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan lokasi pembinaan loji nuklear yang akan dibina dan dijangka beroperasi pada tahun 2021. Berapakah jangkaan nilai kos pembinaan loji tersebut dan bagaimanakah Kerajaan bercadang membiayai kos tersebut.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan masih belum membuat keputusan yang muktamad mengenai penggunaan tenaga nuklear sebagai salah satu sumber penjanaan tenaga elektrik bagi memenuhi keperluan permintaan bekalan elektrik di Semenanjung. Walau bagaimanapun, tenaga nuklear telah dikenalpasti sebagai salah satu sumber alternatif yang berpotensi untuk menjana elektrik pada masa hadapan ekoran kekangan-kekangan yang dihadapi dalam pembekalan serta peningkatan harga bahan api fosil seperti gas dan arang batu.

Keputusan muktamad mengenai pembangunan loji jana kuasa nuklear (NPP) akan hanya dibuat setelah mengambil kira hasil kajian-kajian tertentu yang akan dilaksanakan, termasuklah pengenalpastian lokasi-lokasi tapak NPP yang bersesuaian. Oleh itu, Kerajaan masih belum menentukan lokasi tapak yang bersesuaian untuk pembinaan NPP di negara ini.

Namun, sekiranya Kerajaan membuat keputusan muktamad untuk melaksanakan NPP, pembinaannya akan tertakluk kepada pematuhan piawaian serta peraturan yang bersesuaian. Dari segi kos pula, memang tidak dinafikan kos yang besar diperlukan untuk membina sesebuah NPP tetapi kos sebenar akan hanya dapat diketahui setelah saiz, spesifikasi teknikal, ciri-ciri keselamatan, jenis serta pembekal teknologi dan sebagainya ditentukan. Namun, anggaran kos berdasarkan NPP terbaru berkapasiti 1000MW yang dibina di Emiriyah Arab Bersatu dan Turki, iaitu sekitar USD2.5 billion hingga USD4 billion boleh dijadikan panduan dalam mendapatkan gambaran awal berhubung kos pembinaan tersebut. Walaupun kos tersebut agak tinggi tetapi kos pengurusan dan operasinya termasuklah kos bahan api nuklear yang rendah menjadikan kos seunit penjanaan elektrik yang kompetitif dengan sumber-sumber lain.

Memandangkan kos pembinaan NPP yang besar, penglibatan Kerajaan amatlah kritikal dalam memudahkan urusan mendapatkan pembiayaan. Kerajaan akan mengkaji secara menyeluruh dan terperinci segala aspek pembiayaan kewangan yang difikirkan perlu melalui perbincangan dengan pihak perunding bertauliah dan juga pembekal yang bakal dilantik sekiranya Kerajaan membuat keputusan untuk membina NPP ini kelak.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 11.10.2010 – 15.12.2010

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pinjaman perniagaan mikrokredit yang telah diberikan kepada usahawan-usahawan kecil sepanjang lima tahun lepas menurut negeri-negeri. Senaraikan jumlah penerima yang menerima bantuan pinjaman tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat dua agensi yang mendapat dana melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi membiayai Program Mikrokredit iaitu TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Jumlah Pinjaman mengikut negeri dan jumlah penerima bantuan pinjaman mengikut institusi adalah seperti berikut:-

i) TEKUN Nasional

Bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2006 hingga September 2010 sejumlah 98,187 pinjaman telah dikeluarkan kepada 80,692 usahawan dengan nilai RM989.34 juta seperti berikut:-

NEGERI	TAHUN 2006 – 2010 (sehingga September)		
	BILANGAN PINJAMAN	BILANGAN PENERIMA PINJAMAN	NILAI (RM)
JOHOR	13,015	10,952	138,877,200
KEDAH	8,399	6,756	79,325,000
KELANTAN	8,558	6,236	72,879,500
MELAKA	3,591	3,168	39,535,700
NEGERI SEMBILAN	3,894	3,406	44,931,500
PAHANG	7,314	6,050	73,958,500
PERAK	8,628	7,440	84,436,800
PERLIS	1,541	1,308	12,974,400
PULAU PINANG	4,559	3,959	45,292,100
SABAH	6,095	5,562	50,912,200
SARAWAK	4,770	3,600	29,817,600
SELANGOR	13,966	12,348	180,471,400
TERENGGANU	10,048	6,685	85,679,000
WILAYAH PERSEKUTUAN	3,809	3,222	50,244,400
JUMLAH	98,187	80,692	989,335,300

ii) Amanah Ikhtiar Malaysia

Bagi tempoh tempoh lima (5) tahun dari tahun 2005 hingga 2009 sejumlah 770,587 pinjaman telah dikeluarkan kepada 236,075 orang sahabat dengan nilai RM2.42 bilion seperti berikut:-

NEGERI	TAHUN 2005 – 2009		
	BILANGAN PINJAMAN	BILANGAN PENERIMA PINJAMAN	NILAI (RM)
JOHOR	7,918	6,002	15,289,230
KEDAH	112,856	27,702	401,665,140
KELANTAN	153,282	40,309	636,024,468
MELAKA	6,078	3,313	15,359,900
NEGERI SEMBILAN	11,291	6,049	24,580,530
PAHANG	42,682	13,163	123,145,670
PERAK	81,719	23,592	243,017,564
PERLIS	11,867	3,518	43,422,600
PULAU PINANG	11,361	4,264	31,617,050
SABAH	117,627	41,670	242,435,390
SARAWAK	88,318	24,781	198,750,640
SELANGOR	23,859	10,013	72,212,170
TERENGGANU	93,984	24,446	354,914420
WILAYAH PERSEKUTUAN	7,745	7,253	23,231,400
JUMLAH	770,587	236,075	2,425,666,172

No. Soalan: 407

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : Tuan Liang Teck Meng [Simpang
Renggam]**

SOALAN 9 [407] : Tuan Liang Teck Meng [Simpang
Renggam] minta **MENTERI LUAR
NEGERI** menyatakan tindakan-
tindakan Kerajaan selanjutnya
terhadap aktiviti-aktiviti **BENDERA**
yang merusuh di Kedutaan Malaysia di
Jakarta dan mencemari nama baik
Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN LIAN TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]**

**TARIKH JAWAPAN : -
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 408

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan perkembangan terkini stesen penjanaan elektrik arang batu di Lahad Datu, Sabah. Bilakah projek ini boleh mula dibina bagi mengatasi masalah kekangan bekalan elektrik di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,
Seperti yang telah diperjelaskan berulangkali di Dewan Yang Mulia ini, pelaksanaan Projek Stesen Jana Kuasa Berasaskan Arang Batu di Lahad Datu merupakan opsyen terbaik dalam menyediakan kapasiti tambahan di kawasan Pantai Timur Sabah memandangkan ketiadaan sumber bahan api lain seperti gas serta keupayaan penjanaan yang terhad melalui tenaga boleh diperbaharu.

Sehubungan dengan itu, bagi membolehkan projek ini diteruskan demi manfaat kepada seluruh penduduk di negeri Sabah, pihak Lahad Datu Energy Sdn Bhd kini sedang dalam peringkat mengemaskini Laporan Terperinci Impak Ke Atas Alam Sekitar (DEIA) sebelum dikemukakan semula untuk pertimbangan Jabatan

Alam Sekitar (JAS) pada akhir Januari 2011. Dengan mengambilkira tempoh penilaian selama 3 bulan di pihak JAS, dan kelulusan terhadap laporan DEIA, adalah dijangkakan tarikh paling awal bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan di tapak projek disambung semula adalah pada awal Jun 2011 dan stesen jana kuasa ini dijangka akan mula tugas secara komersil (COD) pada tahun 2015.

Buat masa ini, Kementerian saya juga sedang mengkaji dan meneliti langkah-langkah interim lain yang dapat diambil bagi menangani masalah bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah. Kapasiti penjanaan juga dijangka dapat dipertingkatkan melalui pelaksanaan projek-projek penjanaan lain yang telah diluluskan Kerajaan seperti Projek Loji Jana Kuasa 190MW oleh Ranhill Powertron II di kawasan *Kota Kinabalu Industrial Park*, Projek Loji Jana Kuasa 100MW oleh SPR Energy(M) Sdn.Bhd. dan Projek Loji Jana Kuasa 300MW oleh PETRONAS / Yayasan Sabah di Kimanis bagi Pantai Barat Sabah dengan kapasiti tambahan keseluruhan sebanyak 590MW. Dengan pelaksanaan projek-projek tersebut, masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah dijangka dapat diatasi dan Kerajaan akan meneruskan usaha agar penduduk di negeri Sabah akan dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik yang lebih baik pada masa akan datang.

NO. AUM : ~~415~~ 409

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
[SIMPANG RENGGAM]**

TARIKH :

RUJUKAN : 3199

SOALAN:

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja asing yang masuk ke Malaysia dari tahun 2005-2010 mengikut negara. Apakah tindakan-tindakan Kementerian terhadap agen-agen pekerja asing yang lewat atau langsung tidak mengambil mereka dari KLIA.

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat dari Simpang Renggam di atas pertanyaan ini.

Jumlah pekerja asing yang masuk ke Malaysia dari tahun 2005 – 2010 mengikut negara adalah seperti berikut:-

Tahun	2005	2006	2007	2008	2009	Sehingga Ogos 2010
Negara						
AUSTRIA	0	1	0	0	0	0
BANGLADESH	55364	62669	217238	316401	319020	8992
KEMBOJA	5832	8222	10765	12887	11542	7157
CHINA	1428	2482	6633	9822	9038	6845
MESIR	3	2	0	0	0	0
ETHIOPIA	0	2	0	0	0	0
FIJI	1	1	0	0	0	0
INDIA	134947	138313	142031	130265	122382	61710
INDONESIA	1211584	1174013	1148050	1085658	991940	417773
LAOS	70	58	32	62	57	42
MOROCCO	1	1	0	0	0	0
MYANMAR	88573	109219	104305	144612	139731	102849
NEPAL	192332	213551	189389	201997	182668	164575
PAKISTAN	13297	11551	16511	21278	21891	19887
FILIPINA	21735	24088	23283	26713	24384	11502
KOREA	44	36	0	0	0	0
RUSSIA	1	1	0	0	0	0
SINGAPURA	0	1	0	0	0	0
SRI LANKA	3050	4421	3964	3940	3321	2796
SYRIA	4	2	0	0	0	0
STATELESS	0	1	0	0	0	0
TAIWAN	2	0	0	0	0	0
THAILAND	5751	13811	18456	21065	19402	12182
UZBEKISTAN	24	12	11	3	4	0
VIETNAM	81195	106751	113903	87806	72682	30116
KAZAKHSTAN	0	0	0	1	1	0
LAIN-LAIN	0	0	50234	86	83	75
JUMLAH	1,815,238	1,869,209	2,044,805	2,062,596	1,918,146	846,501

* Statistik Pengeluaran PLKS, Jabatan Imigresen Malaysia

Agen-agen pekerja asing yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan adalah Agensi Pekerjaan Pembantu Rumah Asing dan Syarikat-syarikat Penyumberan Luar (*Out-sourcing*) sahaja.

Sekiranya agen-agen yang sah ini tidak melaksanakan urusan pengambilan pekerja asing secara teratur termasuklah tidak mengambil pekerja asing dari KLIA, mereka boleh disenaraihitamkan dan tidak dibenarkan untuk membuat sebarang urusan pengambilan pekerja asing dengan Kerajaan.

SOALAN NO: 410

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: TUAN LIANG TECK MENG

SOALAN:

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah sektor swasta seperti TNB dan TM berniat untuk menaikkan umur persaraan staf mereka.

PR-1233-T39407

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terma dan syarat pekerjaan pekerja-pekerja di TNB dan TM adalah ditentukan melalui perundingan kolektif antara syarikat berkenaan dan kesatuan sekerja pekerja masing-masing.
2. Perjanjian Kolektif yang masih berkuatkuasa bagi kedua-dua syarikat dengan kesatuan-kesatuan sekerja masing-masing menetapkan umur persaraan wajib bagi pekerja-pekerja yang dipersetujui adalah 56 tahun.
3. Sekiranya umur persaraan ingin dilanjutkan, mana-mana pihak sama ada majikan atau kesatuan sekerja berkenaan boleh mengemukakan cadangan untuk menaikkan had umur persaraan dalam Perjanjian Kolektif akan datang.

4. Berdasarkan kesemua 276 buah perjanjian kolektif yang telah diperakui oleh Mahkamah Perusahaan pada tahun 2009, didapati bahawa sebanyak 41 buah perjanjian kolektif menetapkan umur persaraan 56 tahun ke atas.

SOALAN NO. 411

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN

(PKR) (AMPANG)

TARIKH : 11 OKTOBER 2010 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan merujuk kepada jawapan bertulis yang diberi kepada soalan YB Machang bertarikh 6 Julai 2010, apakah Kerajaan berfikir untuk memastikan jaringan keselamatan sosial dapat melindungi mereka selain daripada memberi peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penerima bantuan.

JAWAPAN :

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau lebih dikenali sebagai *National Key Result Area (NKRA)* meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, sejumlah 49 inisiatif sedang dilaksanakan untuk membantu meningkatkan taraf hidup isi rumah yang berpendapatan rendah. Selain daripada program 1AZAM yang menyediakan peluang penjanaan pendapatan, terdapat inisiatif-inisiatif lain yang akan dilaksanakan sebagai jaringan keselamatan sosial iaitu satu mekanisme yang disediakan oleh pihak Kerajaan bagi memberikan perlindungan (safety net) kepada rakyat miskin atau golongan yang mudah terdedah kepada kesusahan hidup (vulnerable group).

Kerajaan amat komited dalam menyediakan mekanisme ini kerana memahami dan menghayati kesusahan hidup golongan berpendapatan rendah selain dalam usaha menangani isu-isu pembasmian kemiskinan yang mempengaruhi pencapaian pembasmian kemiskinan di bawah NKRA *Low Income Households* dengan izin. Antara perlindungan yang sedang dilaksanakan di bawah NKRA Low Income Households adalah bantuan pelajaran dan latihan, bantuan penjagaan kesihatan anak-anak, perlindungan insurans, bantuan peningkatan kemudahan asas dan awam, bantuan perumahan, bantuan kebajikan dan advokasi. Semua inisiatif yang digariskan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara sedang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan termasuklah Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Seiring dengan Program Transformasi Ekonomi yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan dalam memacu ekonomi bagi mencapai negara berpendapatan tinggi, jaringan keselamatan sosial adalah penting bagi mengagihkan pendapatan dan sumber kepada golongan yang memerlukan supaya mereka tidak terus terjerumus dalam kancang kemiskinan atau kesusahan.

SOALAN NO. (412)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
(PASIR PUTEH)**

SOALAN :-

Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan rancangan bagi memulihkan rumah tinggal yang diakibatkan masalah kehilangan pemilik seperti kematian tanpa waris, lari ke luar negara atau kes-kes lain.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) tidak memperuntukkan kuasa kepada Pihak Bekuasa Tempatan (PBT) untuk memulihkan rumah tinggal akibat kehilangan pemilik seperti kematian tanpa waris atau lari ke luar negara. Namun begitu, PBT boleh memohon kepada mahkamah untuk menutup dan meruntuhkan tempat kediaman yang tidak bersih, kerana tiada pemilik yang menjaga dan menyelenggara tempat kediaman tersebut.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Disember 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN

SOALAN : NO.413

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan :

- (a) Adakah pihak Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) mempunyai mekanisme bagi memantau pelajarnya yang terlibat dengan kegiatan yang bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam; dan
- (b) Berdasarkan rekod, berapakah bilangan pelajar yang diambil tindakan berkaitan kesalahan berkaitan perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sentiasa memantau program dan aktiviti pelajar-pelajar agar tidak terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang melanggar disiplin termasuklah kegiatan yang bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam. Program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pelajar sentiasa diselia oleh pihak pengurusan asrama dan juga Unit Hal Ehwal Pelajar Universiti.

Dalam usaha memastikan pelajar-pelajar tidak terpengaruh dengan kegiatan yang bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam, UIAM sentiasa membudayakan amalan Sunnah Wal Jemaah dalam urusan seharian di kampus dan mengawal sebarang ajaran daripada mazhab lain. Sehingga kini, tiada pelajar yang diambil tindakan kerana terlibat dalam kegiatan yang bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam di UIAM.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH]

SOALAN :

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan-tindakan yang pernah diambil terhadap pengurusan masjid dan surau kerana membenarkan orang bukan Islam melakukan perkara yang salah mengikut hukum syarak di masjid dan surau di bawah jagaan mereka.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Bidangkuasa hukum Syarak di negara ini berkuatkuasa ke atas orang Islam sahaja. Bagaimana pun, jika terdapat orang bukan Islam melakukan kesalahan jenayah isu sensetif mengenai masjid / surau, maka kes itu dirujuk kepada pihak majlis untuk diambil tindakan mengikut undang-undang berkaitan orang

bukan Islam.

Orang bukan Islam masih dibenarkan memasuki kawasan masjid dengan syarat mematuhi adab dan peraturan yang ditetapkan. Ini merujuk kepada Keputusan Muzakarah Fatwa yang menyatakan bahawa :-

“Pelancong bukan Islam diharuskan memasuki masjid dan ruang solat dengan syarat mendapat keizinan pihak pengurusan masjid dan perlakuan dan tingkah laku mereka tidak mencemarkan kesucian masjid dan sentiasa terkawal dan beradab.”

“Walau bagaimanapun, perbuatan berdoa atau bertafakur oleh pelancong bukan Islam mengikut cara agama mereka dalam keadaan yang boleh menimbulkan fitnah adalah dilarang.”

Berikutan keputusan ini, maka Garis Panduan Pelancongan Masjid disediakan sebagai panduan kepada pengurusan masjid. Walau bagaimana pun, tindakan yang diambil tertakluk kepada bidangkuasa Majlis Agama Islam Negeri.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
[PASIR PUTEH]

SOALAN :

TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah kawasan hutan simpan minima yang perlu ada bagi kestabilan ekosistem di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran jumlah kawasan hutan simpan minima yang perlu ada bagi kestabilan ekosistem sememangnya sukar ditentukan kerana ianya bergantung kepada status sumber sedia ada dan juga tuntutan rakyat semasa. Apa yang lebih penting adalah sumber asli yang sedia ada ini harus dikekalkan, diurus dan ditadbir dengan baik bagi memastikan manfaatnya terhadap kesejahteraan rakyat. Pengekalan kawasan hutan akan memberikan faedah-faedah yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat seperti memastikan bekalan air bersih yang mencukupi dan memelihara kekayaan biodiversiti negara.

Semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992, Malaysia telah menyatakan komitmennya untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara supaya dilitupi pokok-pokok dan kawasan berhutan, dengan syarat negara maju mengekalkan 30% daripada keluasan tanah negara mereka sebagai kawasan berhutan.

Sehingga April 2010, luas kawasan berhutan di Malaysia adalah 18.48 juta hektar ataupun 56.42% daripada jumlah keluasan tanah negara. Daripada ini, sejumlah 14.61 juta hektar atau 44.6% daripada jumlah keluasan tanah negara telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang diurus berdasarkan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management - SFM*).

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : ~~422~~ 416

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
[PASIR PUTEH]**

TARIKH :

RUJUKAN : 3200

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pegawai polis yang diambil tindakan kerana gagal menyelesaikan kes akibat kecuaian semasa menjalankan tugas sejak tahun 2000 hingga sekarang.

JAWAPAN

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Puteh yang telah mengemukakan soalan.

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Pasir Puteh, ingin saya menyatakan bahawa jumlah pegawai yang diambil tindakan tatatertib kerana **gagal menyelesaikan kes akibat kecuaian semasa menjalankan tugas** sejak tahun 2006 sehingga bulan Ogos 2010 adalah seramai 27 orang.

Statistik Pegawai dan Anggota yang diambil tindakan kerana gagal menyelesaikan kertas siasatan kes dari tahun 2006 sehingga bulan Ogos 2010 adalah seperti berikut:-

Bil	Tahun	Kategori		Jumlah
		Pegawai	Anggota	
1	2006	4	1	5
2	2007	4	1	5
3	2008	5	2	7
4	2009	5	3	8
5	2010 (Ogos)	1	1	2
	Jumlah	19	8	27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI
[SILAM]**

SOALAN : NO.417

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Dasar Teknologi Hijau Negara menerapkan konsep teknologi hijau dalam pembangunan ekonomi negara melalui empat sektor utama yang dikenal pasti iaitu tenaga, pengangkutan, bangunan dan air serta berapakah jumlah pelabur asing yang melabur di sektor ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Matlamat kebangsaan Dasar Teknologi Hijau Negara adalah untuk menyediakan hala tuju dan motivasi untuk rakyat Malaysia terus menikmati kualiti kehidupan yang baik dan persekitaran yang sihat di samping menjadi pemacu ekonomi negara ke arah pembangunan mapan. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, empat (4) sektor utama yang diberikan fokus dalam pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau Negara adalah tenaga, bangunan, pengangkutan, air dan pengurusan sisa.

Dari aspek tenaga, Kementerian memfokuskan kepada dua aspek yang mempunyai hubungan yang rapat dengan aplikasi Teknologi Hijau iaitu Kecekapan Tenaga dan Tenaga Boleh Diperbaharu.

Pembangunan Tenaga Boleh Diperbaharu (RE) adalah penting bagi mendapatkan sumber tenaga alternatif yang dapat mengurangkan penggunaan bahan api fosil. Kementerian telah memuktamadkan Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharu (*Renewable Energy Policy and Action Plan - REPAP*) yang akan

dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 dan seterusnya. Dasar dan Pelan Tindakan ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 2 April 2010 yang lalu dan bertujuan untuk memacu pembangunan RE negara dengan lebih pesat dan agresif. Ini akan dapat mengatasi kekangan pertumbuhan bidang RE dan merangsang pertumbuhan industri baru bidang RE yang akan memberi pulangan yang menarik kepada pelabur.

Di bawah pelaksanaan REPAP, mekanisme *feed-in tariff* (FiT) akan diperkenalkan dan akan dilaksanakan pada suku ke-2 tahun 2011. Mekanisme FiT membenarkan tenaga elektrik daripada sumber RE oleh pemaju bebas dan individu dijual kepada syarikat utiliti bekalan elektrik pada kadar harga jualan atau tarif premium untuk satu tempoh yang telah ditetapkan. Sumber RE akan memainkan peranan yang lebih signifikan dalam campuran kapasiti tenaga negara di mana, menjelang tahun 2020, sebanyak 11% atau 2080MW daripada campuran kapasiti permintaan puncak tenaga elektrik tenaga akan disumbangkan oleh RE.

Menjelang tahun 2020, pelaksanaan REPAP dilihat memberi impak utama dan mempunyai potensi tinggi dari aspek alam sekitar; dan ekonomi. Dari aspek kemapanan alam sekitar, dianggarkan sebanyak 42 juta tan *green house gase* (GHG) dapat dikurangkan dengan minimum RM2.1 bilion penjimatan kos luaran untuk aktiviti mitigasi pembebasan gas karbon dioksida (CO₂). Manakala dari aspek ekonomi, minimum RM19 bilion dana dalam bentuk pinjaman diperlukan untuk pembentukan projek-projek RE dan mewujudkan sumber pendapatan yang baru untuk institusi perbankan tempatan. Ia juga akan mewujudkan anggaran 52,000 peluang pekerjaan mahir untuk penduduk tempatan.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan juga sedang menjalankan usaha untuk menggunakan tenaga dengan cekap sebagai langkah utama menguruskan sumber tenaga dengan efisien. Antara langkah yang telah diambil adalah Kerajaan dengan kerjasama sebuah badan bukan kerajaan telah memperkenalkan Indeks Bangunan Hijau (GBI) pada tahun lepas. GBI adalah sistem penarafan bangunan yang menggalakkan penggunaan teknologi hijau yang mesra alam dalam bangunan. Bagi menggalakkan pembinaan bangunan hijau, Kerajaan memberikan insentif fiskal seperti pengecualian cukai bersamaan 100% perbelanjaan modal tambahan yang dilakukan bagi memperoleh sijil GBI dan pengecualian duti setem atas surat cara pindah milik bangunan.

Ahli Yang Berhormat,

Selain daripada itu, Putrajaya dan Cyberjaya juga telah dijadikan bandar perintis dalam usaha mewujudkan Perbandaran Hijau di Malaysia. Perbandaran Hijau merupakan antara faktor utama yang mampu mengatasi masalah pemanasan global dan perubahan iklim. Draf Garis Panduan Perbandaran Hijau juga telah siap dibangunkan pada bulan Disember 2010. Penjimatan 10% penggunaan tenaga dan air di bangunan-bangunan Kerajaan di Putrajaya telah pun diperkenalkan dan adalah diharapkan agar kempen ini dapat menunjukkan contoh yang baik kepada komuniti di Putrajaya dan Cyberjaya dan diperluaskan di bandar-bandar utama lain di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekitar Malaysia tahun 2008, sektor pengangkutan darat merupakan penyumbang terbesar kepada pengeluaran gas karbon monoksida dan nitrogen oksida pada tahun 2008. Sehubungan dengan itu, penggunaan kenderaan hibrid dan elektrik di Malaysia merupakan perkembangan yang mampu menangani pencemaran alam sekitar. Penggunaan kenderaan hibrid dan elektrik dijangka akan dapat mengurangkan perbelanjaan subsidi minyak lebih daripada RM21 juta setahun mulai tahun 2012. Ini akan menjadikan penjimatan kumulatif sebanyak RM220 juta bagi subsidi minyak negara berserta pengurangan pembebasan sebanyak 2 juta kilogram karbon daripada kenderaan dijangka akan dicapai menjelang tahun 2020. Inisiatif ini dapat mencerminkan komitmen Kerajaan dan seterusnya melonjakkan nama baik negara di persada antarabangsa sejajar dengan hasrat Kerajaan mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau sebanyak 40% intensiti berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 berdasarkan kepada tahun asas 2005.

Kerajaan merancang untuk mengurangkan pelepasan karbon khususnya dalam sektor pengangkutan awam. Justeru, Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan kenderaan gas asli (NGV) terutama bas dan kenderaan elektrik (EV). Usaha-usaha akan menjurus kepada pendekatan bersepadu khususnya perancangan pengangkutan di kawasan bandar, dengan keutamaan diberikan kepada pelaburan dalam aspek kecekapan tenaga dan mobiliti rendah karbon yang juga kos efektif, misalnya sistem bas rapid transit dan kereta api serta pengangkutan awam bersepadu dan tidak bermotor (non-motorized). Jaringan rel elektrik sedia ada akan dinaiktaraf bagi

memastikan sektor pengangkutan negara dapat diuruskan dengan cara yang lebih efisien dan rendah karbon.

Bagi meneraju pelaksanaan penggunaan EV di negara ini, Kerajaan dalam proses menyediakan *Roadmap* Infrastruktur Bagi Kenderaan Elektrik. Fasa pertama *roadmap* akan menfokuskan kepada pembangunan infrastruktur untuk kenderaan elektrik di Putrajaya dan Cyberjaya. Ini termasuklah ujian *fleet test* untuk kenderaan elektrik. Pelaksanaan ujian ini akan menjadi titik tolak dalam mengembangkan usaha strategik, rangka kerja, dan pengenalan entiti yang akan memberikan faedah dalam industri kenderaan elektrik negara.

Inisiatif ini juga dijangka akan menjana peluang pelaburan domestik dan juga asing dalam keseluruhan segmen pembangunan kenderaan hibrid dan elektrik. Ini seterusnya menyumbang kepada pewujudan peluang pekerjaan dan pembinaan modal insan bertumpu kepada teknologi tinggi dan hijau. Rantaian industri sokongan dan sampingan juga akan dapat diperkuatkuhan. Pengurangan perbelanjaan dari segi kos penyelenggaraan kenderaan dan kos bahan api akan diperolehi pengguna.

Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun ini, Kementerian telah berusaha mempromosi teknologi hijau kepada orang awam melalui media menerusi iklan teknologi hijau di televisyen, hebahan di radio, program Jom Heboh dan Sua Rasa, dan *Roadshow Teknologi Hijau* di seluruh negara. Kemuncak promosi teknologi hijau pada tahun ini adalah penganjuran *International Greentech & Eco-products Exhibition & Conference Malaysia 2010* (IGEM 2010) yang telah diadakan dari 13 hingga 17 Oktober 2010 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Penganjuran IGEM2010 telah memberikan impak yang sangat besar dalam usaha membangunkan sektor teknologi hijau di negara ini. Sebanyak 502 booth yang ditawarkan telah habis dibeli oleh 277 syarikat daripada dalam dan luar negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 93 adalah merupakan syarikat luar negara, 61 adalah syarikat luar negara yang beroperasi di Malaysia dan 123 adalah syarikat tempatan. Sebanyak empat *Business Matching Sessions* telah berlangsung sempena IGEM2010 iaitu MATRADE *International Business Matching Sessions*, *One to One BizMatch Programme*, EUMCCI *Business Matching*, dan *Denmark-Malaysia Environmental Coopertaion B2B Meeting*. Jumlah transaksi perniagaan bagi keempat-empat *Business Matching Sessions* tersebut adalah sebanyak **RM1.2 bilion**.

Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan pengumuman Y.A.B Perdana Menteri bahawa Malaysia akan memberi komitmen secara sukarela untuk mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau, Program Pelabelan Eko amat penting untuk Malaysia. Pelabelan Eko bagi Malaysia akan menyokong perdagangan antarabangsa yang lebih cenderung kepada pasaran yang bercirikan mesra alam serta polisi perolehan hijau (*green procurement*) yang diperkenalkan di kebanyakan negara maju dan merupakan sumbangan penting terhadap usaha ke arah perlindungan alam sekitar untuk mencapai pertumbuhan mapan.

Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan juga telah mengambil beberapa inisiatif bagi menggalakkan penggiat-penggiat industri tempatan menceburkan diri dalam bidang teknologi hijau dengan memperkenalkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (*Green Technology Financing Scheme – GTFS*) berjumlah RM 1.5 bilion untuk membantu pengeluar dan pengguna teknologi hijau. GTFS dijangka dapat menggalakkan pelaburan perniagaan dalam sektor teknologi hijau, pembiayaan hijau dan inovasi. Kerajaan akan memainkan peranannya dengan menanggung 2% kadar faedah pinjaman dan menyediakan jaminan 60% pembiayaan. Baki 40% akan dibiayai oleh pihak bank. Sehingga kini, maklumbalas yang diterima terhadap GTFS amat menggalakkan dan semakin banyak pihak yang berminat untuk memasarkan produk atau sistem teknologi hijau di Malaysia, walaupun kebanyakan teknologinya masih lagi diimport. Kementerian saya mensasarkan dalam jangka masa pendek ini, pelaksanaan GTFS akan dapat meningkatkan pengeluaran dan penggunaan teknologi hijau di Malaysia, seterusnya meningkatkan nilai pelaburan. Sehingga September 2010, dianggarkan sebanyak RM 2.432 bilion kos projek / pelaburan yang mendapat sijil hijau melalui penilaian Jawatankuasa Teknikal GTFS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod yang diterima daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) sehingga bulan Ogos 2010, adalah dianggarkan sebanyak RM 6.62 bilion telah dilaburkan oleh syarikat-syarikat tempatan dan RM 0.98 bilion oleh syarikat asing yang mengeluarkan produk atau sistem berteraskan teknologi hijau di seluruh Malaysia khususnya dalam sektor tenaga.

NO. SOALAN: 418

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]

SOALAN :

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kaedah untuk mengatasi masalah peningkatan pengangguran di kalangan graduan yang baru menamatkan pengajian mereka di universiti luar negara dan apakah peranan *Talent Corporation* dalam mengatasi masalah ini.

JAWAPAN :

Graduan yang baru menamatkan pengajian di luar negara sebenarnya boleh mendapat pekerjaan dengan lebih mudah berbanding sebilangan graduan tempatan berikutkan kebolehan berbahasa asing, terutamanya Bahasa Inggeris. Manakala bidang pengajian yang mereka ceburi pula adalah lebih sesuai dengan keperluan pasaran pekerjaan.

Beberapa langkah telah dilaksanakan bagi mengatasi pengangguran di kalangan graduan yang baru menamatkan pengajian mereka di universiti luar negara. Kerajaan telah menubuhkan Jobsmalaysia untuk dimanfaatkan oleh pencari kerja terutamanya para graduan. Maklumat daripada Jobsmalaysia menyatakan bahawa graduan dari luar negara tidak mempunyai masalah mendapat pekerjaan melainkan bagi mereka yang terlalu

memilih. Di samping itu, para graduan boleh juga mencari pekerjaan melalui agensi mencari pekerjaan swasta seperti Jobstreet.

Bagi graduan yang memerlukan kemahiran tambahan, *Bridging Programme* dan kursus pendek telah dibuka kepada semua graduan untuk meningkatkan lagi kebolehpasaran mereka. Misalnya, Kerajaan membiayai program seumpama ini yang dijalankan oleh Pusat Latihan Kemahiran Negeri.

Mengenai Talent Corporation (TC), penubuhannya juga akan membantu graduan cemerlang mendapat pekerjaan yang sesuai. TC akan mengenal pasti pelajar Malaysia yang cemerlang dan membiayai pengajian mereka supaya mereka boleh ditarik untuk berkhidmat di Malaysia. Kesimpulannya, penubuhan TC bukan sahaja membantu para graduan mendapat pekerjaan bahkan memastikan modal insan yang berbakat diletakkan di tempat yang sesuai.

NO. AUM : 425-419

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN


DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]

TARIKH :

RUJUKAN : 3201

SOALAN:

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik pengawal keselamatan di negara ini mengikut pecahan umur dan apakah kriteria yan diguna pakai dalam mengeluarkan lesen senjata api kepada syarikat yang menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan.



JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen agensi persendirian dan pengawal keselamatan yang dilantik adalah tertakluk di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971. Pengawal keselamatan yang dilantik di bawah akta ini perlu lulus Tapisan keselamatan dan menghadiri Kursus Kemahiran Keselamatan Pengawal Keselamatan Tahap 1. Sehingga 1 Oktober 2010, jumlah keseluruhan pengawal keselamatan yang tertakluk di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971 adalah seramai **167,756 orang**. Berdasarkan pecahan umur, di bawah kategori 18 hingga 32 tahun terdapat seramai 46,972 orang pengawal keselamatan, 33 hingga 46 tahun seramai 73,812 orang manakala bagi kategori umur 40 hingga 60 tahun adalah seramai 87,233.

Manakala kriteria yang digunakan dalam mengeluarkan lesen senjatapi kepada syarikat kawalan keselamatan adalah **berdasarkan tugas dan tanggungjawab syarikat** iaitu:

- Mempunyai tempat simpanan selamat (stor) senjata api syarikat mengikut ciri keselamatan yang ditetapkan oleh pihak polis;
- Perkhidmatan/tugas yang dijalankan oleh sesebuah syarikat itu;
- Kategori pelangan syarikat contohnya bank (kawalan statik dan '*cash in transit*');
- Bilangan pegawai keselamatan syarikat;
- Kawalan ke atas premis-premis penting yang berisiko (kedai emas, premis perniagaan, loji air, janakuasa dan lain-lain); dan
- Kawalan ke atas premis-premis penting yang menjadi sasaran penting.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]

SOALAN:

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tahap keselamatan maklumat yang disebarluaskan melalui sistem telekomunikasi dan siapakah yang bertanggungjawab dalam memastikan segala maklumat pengguna sistem telekomunikasi tidak dicerobohi sewenang-wenangnya

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Maklumat yang disebarluaskan melalui sistem telekomunikasi dilindungi oleh pelbagai ciri keselamatan bagi memastikan ianya tidak diceroboh dan diakses dengan sewenang-wenangnya.

Pihak SKMM bertanggungjawab memastikan keselamatan maklumat dibawah Seksyen 234 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang melarang pemintasan dan pendedahan mana-mana komunikasi. Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen tersebut boleh

didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

MJ:421

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI

SOALAN : NO.421

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian menyedari bahawa terdapat IPTS yang menawarkan kursus-kursus yang tidak diakreditasi dan ke manakah hala tuju pelajar-pelajar yang telah mengikuti pengajian dengan IPTS berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kursus atau program pengajian yang dikendalikan di IPTS hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi sebelum boleh ditawarkan kepada pelajar. Program pengajian tersebut pula perlu mencapai tahap minimum yang ditetapkan sebelum sijil, diploma atau ijazah boleh dianugerahkan seperti mana diperuntukkan dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada pelajar yang telah memenuhi tahap tersebut sebenarnya adalah sah dan boleh digunakan untuk

memasuki pasaran pekerjaan atau menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Manakala, Akreditasi MQA pula merupakan satu pengiktirafan rasmi kepada IPTS bahawa sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada graduan adalah selaras dengan standard yang ditetapkan oleh MQA. Kebiasaananya Akreditasi MQA ini juga akan dijadikan rujukan kepada badan-badan tertentu seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengiktiraf sesuatu sijil, diploma atau ijazah. Permohonan Akreditasi oleh IPTS adalah dibuat secara sukarela/pilihan kecuali bagi beberapa program yang diwajibkan oleh kementerian. Walau bagaimanapun, kementerian akan sentiasa memberi galakan dan sokongan kepada IPTS agar mendapatkan Akreditasi MQA bagi memastikan sesuatu program pengajian yang ditawarkan mempunyai kualiti yang lebih tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]
SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status penyediaan Enakmen atau Akta dalam mengawal dan memantau Pengamal-Pengamal Perubatan Komplemen seperti Radiografi, Fisioterapi, Akupunture, Urut tradisional dan Bekam.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia telah merangka Rang Undang-undang Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) bagi memastikan amalan-amalan PT&K adalah selamat dan berkesan serta pengamalnya adalah berkelayakan. Rang Undang-undang ini telah dirangka dengan mengambil pandangan dari pengamal-pengamal yang terlibat di seluruh negara, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan dalam bidang PT&K, persatuan pengguna dan badan profesional lain serta Akta –Akta lain yang sedia ada. Rang undang-

undang PT&K telah pun dikemukakan ke pejabat Peguam Negara untuk semakan. Dijangkakan semakan akan siap pada akhir Disember 2010 dan dapat di bentangkan ke Kabinet awal tahun 2011.

Rang undang-undang ini akan meliputi amalan perubatan tradisional seperti perubatan tradisional Melayu (bekam, urut tradisional dan lain-lain amalan), perubatan tradisional Cina (akupunktur dan lain-lain amalan), perubatan tradisional India (Ayurveda, Sidha dan Unani), dan perubatan komplementari seperti kiropraktik, osteopati dan lain-lain amalan komplementari. Rang undang-undang ini akan mengawal selia pengamal dan amalan mereka. Hanya mereka yang berkelayakan serta amalan-amalan yang tidak memudaratkan rakyat sahaja yang akan dibenarkan.

Mengikut RUU ini ,semua pengamal PT&K perlu berdaftar dengan Bahagian PT&K,KKM dan sijil amalan akan dikeluarkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DR. CHE ROSLI CHE MAT
[HULU LANGAT]
SOALAN : NO. 423
SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan persediaan yang dibuat dalam membantu menjayakan hasrat menggunakan Tenaga Nuklear sebagai tenaga alternatif.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan masih belum membuat keputusan yang muktamad mengenai penggunaan tenaga nuklear sebagai salah satu sumber penjanaan tenaga elektrik bagi memenuhi keperluan permintaan bekalan elektrik di Semenanjung. Walau bagaimanapun, tenaga nuklear telah dikenalpasti sebagai salah satu sumber alternatif yang berpotensi untuk menjana elektrik pada masa hadapan ekoran kekangan-kekangan yang dihadapi dalam pembekalan elektrik serta harga bahan api fosil seperti gas dan arang batu. Kerajaan perlu membuat persediaan sewajarnya untuk memastikan kelancaran serta kejayaan pembangunan program kuasa nuklear negara sementara menanti keputusan muktamad mengenainya. Ini adalah kerana program kuasa nuklear ini melibatkan teknologi yang sensitif, perlu memenuhi keperluan keselamatan yang tinggi serta menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh *International Atomic Energy Agency* (IAEA).

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan aktiviti dan kualiti pembinaan sesuatu projek perumahan adalah ditadbir di bawah Akta **Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118]**. Akta Kerajaan Tempatan tidak digunakan dalam usaha mengawalselia aktiviti-aktiviti pembinaan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Disember 2010

SOALAN NO. (425)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)**

SOALAN :-

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT (HULU LANGAT) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam memastikan bahan kumbahan dan toksik dari tapak pelupusan sisa terutama sisa bandaran tidak tercemar ke sungai yang menjadi punca bekalan air mentah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan bahan kumbahan dan toksik dari tapak pelupusan terutama sisa bandaran tidak tercemar ke sungai yang merupakan punca bekalan air mentah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil langkah-langkah untuk menutup selamat 16 tapak-tapak pelupusan sisa pepejal tidak sanitari di kawasan-kawasan sensitif seperti kawasan tadahan air.

Di samping itu juga, bagi menangani bahan kumbahan atau *leachate* daripada mencemarkan sungai, Kementerian juga sedang menaiktaraf tapak-tapak pelupusan sisa pepejal tidak sanitari sedia ada yang tidak dapat ditutup selamat kerana tiada tapak alternatif. Kementerian juga sedang membina 9 tapak pelupusan sisa pepejal sanitari baru yang dilengkapi dengan lapisan, sistem pengumpulan air *leachate* dan loji rawatan *leachate* bagi melindungi alam sekitar terutama sungai daripada tercemar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

SOALAN : NO.426

Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan hasil kejayaan Universiti Pertahanan dalam membantu melengkapkan tenaga profesional Angkatan Tentera Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bermula dengan penubuhan Akademi Tentera Malaysia (ATMA) pada 1Jun 1995 sebagai organisasi yang menjalankan program pengajian di peringkat Sarjana Muda dan lantikan ketenteraan kepada Pegawai Kadet Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebelum diwartakan sebagai UPNM pada 10 November 2006.

Program akademik yang ditawarkan di UPNM adalah bagi memenuhi keperluan ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM iaitu Laut, Udara dan Darat. Kurikulum yang ditawarkan adalah merangkumi bidang Sains dan Teknologi Pertahanan berbentuk *hands on*. Pegawai kadet yang dihasilkan oleh UPNM bukan sahaja akan mempunyai pengetahuan dalam bidang

aset pertahanan negara seperti kapal tentera laut, pesawat udara, dan peralatan ketenteraan tetapi juga boleh mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam sektor perindustrian yang berteraskan Sains dan Teknologi terkini.

Enrolmen pelajar UPNM pada tahun 2009 adalah seramai 1,612 orang. Pada Oktober 2010, generasi pertama graduan UPNM telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda kepada 148 graduan dengan pecahan 144 pegawai kadet dan 4 pelajar awam. Ini meliputi 32 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Strategi, 36 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia Pertahanan, 22 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Sistem Komputer) dan 58 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maritim. Dua pelajar awam menerima Ijazah Sarjana (Ms) iaitu Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Awam) dan Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Mekanikal). Kedua-dua ijazah sarjana ini adalah berdasarkan kepada penyelidikan dalam bidang masing-masing. Jumlah pegawai Kadet yang dikeluarkan oleh UPNM adalah memenuhi keperluan tenaga profesional Angkatan Tentera Malaysia.

Ms. 427 .

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING

SOALAN : NO.427

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkembangan kajian Kerajaan untuk menerima kelayakan Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia (UEC) sebagai syarat untuk memasuki IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kelayakan sijil *Unified Examination Certificate (UEC)* atau *Senior Middle Three* yang dikeluarkan oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary Schools (MICSS)* telah diterima sebagai kelayakan masuk ke IPTS.

Walaubagaimanapun, ia masih tidak diterima sebagai kelayakan masuk ke IPTA, Kolej Tuanku Abdul Rahman dan program-program IPTS yang difrancais daripada IPTA, memandangkan sijil UEC dikawal selia oleh sebuah badan pengawal peperiksaan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Bahasa pengantar yang digunakan pakai di MICSS ialah bahasa Mandarin. Justeru, sistem pengajaran

dan pembelajaran MICSS tidak mematuhi Dasar Pendidikan Kebangsaan. Pengiktirafan terhadap UEC akan hanya dapat dibuat sekiranya kurikulum di sekolah persendirian berkenaan mematuhi standard yang ditetapkan dalam sistem pendidikan kebangsaan.

No.: 428

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(35)

**PEMBERITAHUN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 15.12.2010

Puan Teo Nie Ching (Serdang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kesemua peruntukan kewangan yang diluluskan oleh setiap Kementerian, agensi kerajaan ataupun badan berkanun kepada Pertubuhan Pribumi Perkasa. Nyatakan tujuan peruntukan dan nama tabung yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak menyediakan bantuan kewangan kepada Pertubuhan Pribumi Perkasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan takrifan ‘tingkah laku anti-persaingan’ memandangkan Seksyen 133 dan 144 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 telah memberi Menteri kuasa untuk menghalang atau mengurangkan ‘tingkah laku yang mempunyai maksud mengurangkan persaingan dengan cukup besar dalam suatu pasaran komunikasi’.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Pada 1 Februari 2000, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengeluarkan Garis Panduan untuk menjelaskan pengertian “mengurangkan persaingan dengan cukup besar”. Dalam garis panduan tersebut, SKMM telah menjelaskan bahawa sesuatu tingkah laku dianggap anti-persaingan sekiranya tingkah laku tersebut mempunyai maksud mengurangkan persaingan dengan cukup besar. Sebelum mengambil sebarang tindakan di bawah Seksyen 133 dan 144, SKMM akan membuat penilaian mengenai kesan yang mungkin timbul akibat tingkah laku dan membuat penilaian sama

ada tingkah laku tersebut akan mengurangkan persaingan dengan cukup besar.

Tingkah laku anti persaingan merangkumi kesemua aktiviti komersial pemegang lesen yang mengurangkan atau berpotensi untuk mengurangkan persaingan di dalam pasaran komunikasi. Contoh tingkah laku anti-persaingan adalah seperti berikut:

- Harga *predatory* – harga yang ditetapkan adalah lebih rendah dari kos pengeluaran dalam jangka pendek untuk menyingkirkan pesaing dan meningkatkan keuntungan jangka panjang.
- *Bundling* – Pemberi perkhidmatan tidak menawarkan barang atau perkhidmatan secara berasingan dan memaksa konsumen untuk membeli atau melanggan barang atau perkhidmatan secara *bundle* atau ikatan.

SKMM juga telah mengeluarkan garis panduan bagi menjelaskan pengertian mengurangkan persaingan dengan cukup besar sebagaimana peruntukan Seksyen 134 AKM '98 pada tahun 2000.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING
[SERDANG]**

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bilangan lesen radio dan TV untuk kedua-dua terrestrial dan satelit, yang dimiliki oleh agensi kerajaan pusat, agensi kerajaan negeri, individu, pihak swasta dan organisasi tanpa keuntungan masing-masing.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Pelaksanaan perkhidmatan radio dan televisyen adalah tertakluk kepada keperluan Lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan yang akan dikeluarkan mengikut peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM).

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan dan semua jabatan Persekutuan adalah dikecualikan daripada keperluan untuk mendapatkan lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan dalam penyediakan perkhidmatan sedemikian.

Setakat bulan Oktober 2010, pecahan pemilikan lesen radio dan televisyen adalah seperti berikut:-

- a) Terdapat 19 pemegang lesen yang mengendalikan perkhidmatan radio terestrial (bebas ke udara). Hanya 2 adalah tidak bermotifkan keuntungan dan 1 merupakan badan berkanun. Kesemua pemegang lesen yang lain adalah perniagaan biasa (*commercial based*);
- b) Terdapat 5 pemegang lesen yang mengendalikan perkhidmatan televisyen terestrial (bebas ke udara). Hanya satu tidak bermotifkan keuntungan.
- c) Terdapat 10 pemegang lesen yang mengendalikan perkhidmatan televisyen langganan (satelit, IPTV, Televisyen Mudahalih (*Mobile TV*)). 1 pemegang lesen merupakan badan berkanun dan yang selebihnya adalah perniagaan (*commercial based*).

NO. AUM : ~~437~~ 431

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

TARIKH :

RUJUKAN : 3202

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk membina balai polis di atas tapak rezab balai polis Taman Taming Jaya, Balakong. Jika ya, bilakah projek pembinaan akan bermula.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Serdang kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pada masa ini Kementerian tidak mempunyai cadangan untuk membina Balai Polis Taming Jaya dalam masa yang terdekat. Ini kerana tanah rezab sedia ada seluas 2 ekar tidak dapat menampung pembinaan sebuah balai polis yang memerlukan keluasan tanah sekurang-kurangnya 5 ekar. Selain daripada itu, separuh daripada kawasan tanah rezab tersebut telah pun dibangunkan bagi menempatkan sebuah taman permainan dan surau untuk kegunaan penduduk di kawasan Taming Jaya. Cadangan pembinaan Balai Polis Taming Jaya hanya akan dilaksanakan sekiranya terdapat tapak yang sesuai dan pewujudan balai polis tersebut diluluskan oleh jawatankuasa kajian keperluan di bawah PDRM.

Walaubagaimana pun, pada masa ini masyarakat di sekitar Taming Jaya boleh mendapatkan perkhidmatan daripada Balai Polis Komuniti Taming Jaya atau pun Balai Polis Tun Hussein Onn yang terletak dalam lingkungan 7 kilometer daripada kawasan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN GOBIND SINGH DEO**
[PUCHONG]

SOALAN:

YB TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG] Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan masyarakat Malaysia yang miskin tegar, jumlah pendapatan mereka dan kenapa mereka di dalam keadaan seperti itu serta langkah-langkah yang telah pun dan akan diambil mengatasi masalah-masalah tersebut dalam masa yang tersebut.

JAWAPAN:

Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) yang dikunci pada 31 Disember 2009 mencatatkan bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar sebanyak 51,009 orang. Bilangan ini telah berkurang kepada 23,773 KIR miskin tegar pada 18 Oktober 2010.

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan bagi miskin tegar adalah RM430.00 bagi Semenanjung, RM540.00 bagi Sabah dan Labuan serta RM520.00 bagi Sarawak.

KIR miskin tegar masih lagi belum dapat keluar dari status miskin tegar kerana pelbagai faktor, antaranya kekurangan peluang bagi mereka untuk menjana atau meningkatkan pendapatan.

Kerajaan telah mengambil langkah dan tindakan bersepadu dengan menyediakan pelan strategi pembasmian kemiskinan bagi memastikan pelaksanaan program/projek yang sistematik dapat dilaksanakan. Program-program yang telah dilaksanakan adalah berbentuk peningkatan ekonomi, sosio kebajikan dan kemudahan asas diberikan kepada kumpulan sasar yang dikenalpasti. Program/projek ini dirangka bagi memastikan mereka mampu membina upaya dan menjana pendapatan sendiri serta seterusnya mengeluarkan keluarga mereka dari belenggu kemiskinan.

SOALAN NO.: 433

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO
(PUCHONG)**

SOALAN:

Y.B. Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-

- (a) Berapakah kos pembinaan Lebuhraya LDP, NPE dan KESAS, berapa lama konsesi ini, berapa anggaran kutipan tol dari masa mula hingga akhir konsesi; dan
- (b) Berapa kos untuk beli balik konsesi ini dan sama ada Kerajaan ingin membeli balik konsesi ini dan sekiranya tidak, kenapa.

JAWAPAN:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pembinaan, tempoh konsesi beroperasi dan anggaran kutipan tol dari mula hingga akhir konsesi bagi Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya Damansara Puchong (LITRAK) dan Lebuhraya Baru Pantai (NPE) ialah seperti berikut :

BIL	LEBUHRAYA	KOS PEMBINAAN LEBUHRAYA (RM JUTA)	TEMPOH KONSESI	ANGGARAN KUTIPAN TOL DARI MULA HINGGA AKHIR KONSESI (RM JUTA)
1.	Lebuhraya Shah Alam (KESAS)	1,115.88	30 Tahun	7,092.80
2.	Lebuhraya Damansara-Puchong (LITRAK)	1,080.00	33 Tahun	16,679.97
3.	Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	660.00	33 Tahun 6 Bulan	6,176.50
JUMLAH		2,855.88		29,949.27

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak berhasrat untuk mengambil alih semua lebuh raya yang sedang beroperasi dengan mengambil kira faktor-faktor seperti berikut:

- (I) Pengambilalihan sesuatu projek lebuh raya konsesi dengan menggunakan peruntukan wang Kerajaan akan menjelaskan jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi pembangunan lain seperti pembangunan infrastruktur jalan raya;
- (II) Konsep pembinaan lebuh raya adalah '*user pay*' di mana pengguna yang menggunakan kemudahan sahaja yang perlu mengeluarkan bayaran; dan
- (III) Kerajaan memperkenalkan Dasar Penswastaan pada tahun 1983 bagi melibatkan pihak swasta dalam pembangunan negara. Sekiranya Kerajaan mengambil alih lebuh raya, ianya akan melanggar semangat penswastaan dan dikhuatiri akan memburukkan imej Kerajaan di mata pelabur asing dan tempatan.

SOALAN NO.: 434

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kenapa masalah banjir di kawasan Puchong belum diperbaiki dan di manakah lokasi-lokasi khusus wujudnya banjir, sebab-sebabnya dan langkah-langkah yang telah pun dan akan diambil untuk mengatasinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengenali beberapa lokasi banjir di sekitar kawasan Puchong yang sering dilanda banjir berulang. Kawasan yang kritikal merangkumi kawasan Pekan Batu 14 dan Kg.Sri Aman, Mukim Petaling. Punca-punca berlaku kejadian banjir di kedua-dua kawasan ini adalah seperti berikut:

(i) Kawasan Pekan Batu 14

Penyelarasaran melalui Mesyuarat Tindakan Daerah yang dipengerusi oleh Pegawai Daerah dan dianggotai oleh agensi Kerajaan seperti JPS, Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak Utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Indah Water Konsortium (IWK) dan Telekom yang diadakan pada setiap bulan telah mengenal pasti punca masalah yang menyumbang kepada kejadian banjir tersebut.

Di antara punca utama masalah yang telah dikenalpasti adalah saiz pembentung jalan sediada milik JKR di Pekan Batu 14 yang perlu dinaiktaraf bagi menampung kapasiti air larian hujan dan sedang diambil tindakan oleh pihak yang berkaitan.

(ii) Kawasan Kg.Sri Aman

Benteng kolam takungan air di Puchong Prima milik persendirian di dalam daerah Sepang telah pecah menyebabkan limpahan air memasuki Sungai Air Hitam di daerah Petaling. Ini juga menyebabkan kelodak di dalam Sungai Air Hitam bertambah berpunca dari pasir dan benteng yang pecah tersebut.

Kesan daripada ini juga telah mengakibatkan Sungai Air Hitam menjadi cetek. Penyelarasan bersama Pejabat Daerah Sepang telah diadakan dan oleh kerana kolam tersebut merupakan milik persendirian, kerja-kerja pembaikan hanya dapat dilaksanakan sekiranya pemilik tanah memberi kebenaran. Namun sehingga kini pihak JPS masih belum menerima kebenaran. Sebagai langkah alternatif, pihak JPS sedang merancang untuk membuat pengambilan balik tanah di tapak berkenaan sekiranya pemilik tersebut enggan memberi kerjasama.

Langkah-langkah jangka masa pendek untuk mengurangkan masalah banjir di kawasan tersebut meliputi yang berikut:

- a) Kerja-kerja membuang kelodak di Sungai Air Hitam pada awal tahun 2010 (telah siap sepenuhnya);
- b) Kerja-kerja memperkuatkannya tebing Sungai Air Hitam pada bulan April 2010 (telah siap sepenuhnya);
- c) Projek membina saluran keluar kolam takungan iaitu, Kolam Buaya di Jalan Jurutera Kg Sri Aman, Puchong (telah siap sepenuhnya); dan
- d) Kerja-kerja membina ban Sg. Air Hitam menggunakan ‘soft rock’ sepanjang 1.5km dan kerja-kerja melebarkan serta mendalamkan Sg. Air Hitam (telah siap sepenuhnya).

Tindakan-tindakan yang telah diambil setakat ini telah memberi kesan positif seperti berikut:

- a) Projek membina saluran keluar bagi Kolam Buaya yang dilaksanakan telah berjaya mengurangkan paras Kolam Buaya sebanyak 1.5 – 2.0 meter. Ini secara langsung akan menambah kapasiti kolam tersebut untuk menakung air banjir bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku di sekitar Kg. Sri Aman.

- b) Kerja-kerja membina ban, mendalamkan serta melebarkan Sg. Air Hitam akan mengurangkan risiko banjir di sekitar kawasan Kg. Sri Aman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan jangkamasa panjang melibatkan pengambilan balik tanah kolam takungan di kawasan Puchong Prima bagi menyelesaikan punca utama masalah banjir di kawasan Puchong.

Sekian, terima kasih.

NO. AUM : 441 435

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)

TARIKH :

RUJUKAN : 3203

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo (Puchong) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan KPI berkenaan kadar jenayah (semua kategori). Khususnya, berapakah bilangan kes pecah rumah, ragut, rompakan, ugutan jenayah, rogol, kesalahan seksual dan kenderaan yang dilaporkan dalam tahun 2008,2009 dan 2010 dan berapa yang telahpun diselesaikan. Nyatakan juga bagaimana diselesaikan.

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Pihak kerajaan telah menetapkan KPI bagi NKRA mengurangkan Jenayah ialah menurunkan kejadian jenayah Indeks sebanyak 5% menjelang akhir tahun 2010 dibandingkan tahun 2009. Jenayah Indeks adalah terdiri dari jenayah bunuh, rogo, samun berkawan bersenjataapi, samun berkawan tanpa bersenjataapi, samun bersenjataapi, samun tanpa bersenjataapi, mencederakan, curi, curi motokar, curi motosikal, curi ragut, pecah rumah siang dan pecah rumah malam. Bagi tempoh Januari hingga 30 November 2010 sejumlah 162,207 kes Jenayah Indeks telah dilaporkan berbanding 192,775 kes bagi tempoh yang sama tahun 2009. Ini bermakna Jenayah Indeks telah berjaya diturunkan sebanyak 16% berbanding tempoh yang sama tahun 2009.

Mengikut statistik PDRM, Jenayah Indeks yang dilaporkan dalam tahun 2008 adalah sebanyak 211,645 kes, 209,417 kes dalam tahun 2009, manakala dalam tahun 2010 iaitu untuk tempoh Januari hingga 30 November pula ia mencatatkan sebanyak 162,207 kes.

Dari jumlah tersebut, 44.15% peratus atau bersamaan 93,431 telah diselesaikan dalam tahun 2008, 99,254 kes bersamaan 47.4% dalam tahun 2009 dan 79,940 bersamaan 48.17% dalam tahun 2010.

Kes-kes ini dapat diselesaikan hasil dari maklumat risikan, penagkapan dan pendakwaan pesalah-pesalah oleh usaha pelbagai jabatan dalam PDRM.

Statistik ini jelas menunjukkan bahawa segala inisiatif yang dilaksanakan oleh PDRM dan agensi-agensi lain seperti KPKT, Jabatan Perpaduan dan Intergrasi Nasional (JPNIN) serta, JPAM dan RELA berjaya mengurangkan bilangan kejadian jenayah berbagai kategori di negara ini. Sesunguhnya, ini menunjukkan kerajaan begitu iklas dalam melaksanakan pelbagai usaha bagi mengatasi masalah kejadian jenayah.

SOALAN NO 436

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]

SOALAN 159

Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa kos yang digunakan untuk menyediakan sistem komputer di Mahkamah serta mengesahkan berapa lama ianya digunakan dan memandangkan sistem baru tidak menggunakaninya, apakah yang akan dilakukan kepada sistem komputer tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2007 hingga 15hb November 2010, beberapa beberapa projek pengkomputeran telah dijalankan di Mahkamah seluruh Malaysia melibatkan kos berjumlah RM127,712,800.00 Perincian kos projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Kos sewaan dan pembelian perkakasan komputer dari 2007 hingga 15hb November 2010 berjumlah RM18,501,911.00.00; dan
- (b) Kos perolehan sistem aplikasi dari 2007 hingga 15 November 2010 keseluruhannya berjumlah RM109,210,889.00 iaitu melibatkan ;
 - i. Projek Pengkomputeran Mahkamah (eKehakiman) Semenanjung dengan kos berjumlah RM69,984,200.00;
 - ii. Projek Pengkomputeran Mahkamah (eKehakiman) Sabah dan Sarawak dengan kos berjumlah RM31,000,000.00; dan
 - iii. Pembangunan dan penyelenggaraan Sistem Kutipan Hasil Deposit(eSKHD) dengan kos sebanyak RM8,226,689.00

Peralatan ICT yang disewa akan digunakan berdasarkan tempoh kontrak sewaan selama 3 tahun manakala bagi perkakasan yang dibeli akan digunakan selama 5 tahun. Walaubagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada kemampuan dan keadaan semasa peralatan tersebut. Manakala sistem aplikasi akan digunakan secara berterusan dengan kerja-kerja penambahbaikan mengikut keperluan pengguna.

Berkenaan dengan perkakasan lama yang tidak lagi ekonomi pulupusan akan dibuat mengikut peraturan dan prosedur pelupusan seperti yang terkandung dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007.

No: 437

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN GWO-BURNE LOH
(KELANA JAYA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan pernahkah Kerajaan menerima penawaran dari Pakistan untuk membeli pesawat JF-17 adakah Kerajaan dijemput bersama-sama dalam pembelian, pembangunan dan pemasaran pesawat JF-17.

JAWAPAN:

Setakat ini Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) belum pernah mendapat apa-apa tawaran daripada Pakistan untuk membeli jet pejuang JF-17. Pesawat berkenaan merupakan pesawat pejuang yang berada di dalam kategori *light weight* MRCA dan tidak menepati ciri-ciri yang TUDM perlukan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH
[KELANA JAYA – PKR]

SOALAN NO. 438

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya – PKR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sasaran pingat di Sukan Asia di Guangzhou 2010 tahun ini memandangkan majoriti pingat yang kita menangi bukan sukan yang terdapat dalam Sukan Olimpik. Apakah usaha yang dijalankan ke arah mencapai sasaran tersebut.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kontinjen negara yang menyertai temasya **Sukan Asia Guangzhou 2010** pada 12 hingga 27 November 2010 lalu telah berjaya mencapai sasaran **9 pingat emas melalui sukan Berbasikal, Skuasy, Boling, Karate dan Wushu.**
2. Kejayaaan ini merupakan hasil pelaksanakan Program Cabaran 2010 yang dimulakan pada tahun 2007 iaitu suatu program latihan jangka panjang dan bersepada berdasarkan kepada Pelan Periodisasi Latihan yang merangkumi latihan dan pertandingan di dalam dan luar negara.
3. Program tersebut juga sentiasa menilai dari masa ke semasa prestasi atlet-atlet yang disasarkan untuk memenangi pingat khususnya di Sukan Asia Guangzhou 2010 sama ada ianya adalah sukan yang dipertandingkan di peringkat Olimpik ataupun hanya dipertandingkan di peringkat Sukan Asia.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH**
[KELANA JAYA]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA] minta Menteri Pelajaran menyatakan institusi yang dibuka khusus untuk pelajar Bumiputera sahaja, dan populasi pelajar di institusi-institusi ini berdasarkan kepada pendidikan peringkat rendah, menengah dan tinggi sejak 1969 serta apakah pecahannya berdasarkan kepada kawasan Bandar / Luar Bandar, Malaysia Timur / Barat.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tidak terdapat Institusi Pendidikan di negara ini yang khusus hanya untuk bumiputera. Walaupun Matrikulasi diwujudkan untuk bumiputera, tetapi semenjak 2003, kolej matrikulasi bukan lagi eksklusif untuk pelajar bumiputera sahaja. Kuota sebanyak 10% telah diperuntukkan kepada pelajar bukan bumiputera. Bagi sekolah agama pula, pelajar Islam termasuk berketurunan Cina dan India atau lain-lain bangsa layak mengikuti pengajian di sekolah tersebut.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

NO; 440

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]**

SOALAN:

TUAN GWO-BURNE LOH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan akta yang berhubung dengan ICC akan digubal dan dibentangkan di Parlimen berdasarkan kenyataan Parliamentarians for Global Action (PGA) pada 28 Mei 2010.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam jawapan kepada soalan No. 8 oleh YB Ipoh Barat pada 11 November 2010, cadangan untuk '*accede*' kepada Statut Rom merupakan perkara dasar yang tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri berdasarkan suatu Memorandum Jemaah Menteri (MJM). Suatu perbincangan telah diadakan dengan Menteri Luar Negeri dan beliau telah bersetuju tentang perkara ini dan seterusnya MJM yang berkenaan akan disediakan oleh Kementerian Luar Negeri. Penggubalan dan pembentangan Akta berkenaan dengan Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) di Parlimen sedang dikaji

dan diteliti oleh Kerajaan kerana masih terdapat beberapa perkara yang memerlukan perbincangan lanjut berhubung dengan cadangan untuk ‘*accede*’ kepada Statut Rom.

Melalui kajian yang telah dibuat, antara isu-isu penting yang perlu diambil kira dan yang memerlukan pengemaskinian atau pembangunan kerangka undang-undang dan infrastruktur berkaitan bagi tujuan menjadi Negara Pihak Mahkamah Jenayah Antarabangsa adalah:

- (a) Kesan terhadap isu kekebalan jawatan rasmi khususnya yang melibatkan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dalam Perlembagaan Persekutuan;
- (b) Pertindihan kuasa Pendakwaan di bawah Statut Rom dan Perlembagaan Persekutuan;
- (c) Keperluan untuk menggubal suatu Akta kesalahan jenayah antarabangsa yang spesifik dan mengikut tafsiran yang diberikan oleh Statut Rom;
- (d) Pemakaian undang-undang berkaitan peruntukan Artikel 7(1)(e) Statut Rom yang bercanggah dengan undang-undang pencegahan Malaysia sedia ada; dan
- (e) Pemakaian prinsip “*complementarity*” di bawah Artikel 1 Statut Rom yang perlu dibaca bersama Artikel 17 Statut Rom berkenaan konsep “*unable*” dan “*unwilling*”.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dijawab di dalam Dewan sebelum ini, Kerajaan akan terus berusaha bagi memastikan Malaysia ‘*accede*’ kepada Statut Rom.

PEMBERITAHU PERTANYAANDEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN

KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN

NO. SOALAN : 448

TUAN HEE LOY SIAN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah syarikat-syarikat baru konglomerat yang datang melabur di Malaysia dan syarikat apa pula berpindah melabur keluar negara dalam tempoh tiga (3) tahun ini serta nyatakan sebab-sebab utama Carrefour tidak meneruskan operasi di negara ini.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 2008 hingga Ogos 2010, projek-projek yang telah diluluskan Lesen Pengilang untuk beroperasi di Malaysia oleh konglomerat baru adalah seperti:

- Rio Tinto Aluminium (Malaysia) Sdn. Bhd.;
- Sunpower Malaysia Manufacturing Sdn. Bhd.;
- Q-Cells Malaysia Sdn. Bhd.;
- Universal Semiconductor Corp;
- First Solar Malaysia Sdn. Bhd.; dan
- Tokuyama Corporation.

Di antara syarikat yang berupaya mencari pasaran baru bagi mengembangkan operasi mereka adalah:

- Petronas Berhad yang melabur dalam bidang gas dan minyak di Turkmenistan, Uzbekistan, Vietnam dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE);
- Axiata Group Berhad yang melabur di Kemboja dalam bidang telekomunikasi;
- MISC Berhad yang melabur di Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dalam bidang pengangkutan;
- Gamuda Berhad yang melabur di Vietnam dalam bidang pembinaan; dan

- CIMB Group serta Malayan Banking Berhad (Maybank) yang melabur di Indonesia dalam bidang perbankan dan kewangan.

Syarikat-syarikat konglomerat Malaysia juga terlibat di dalam aktiviti pengambilalihan (*acquisition*) syarikat-syarikat milik asing di luar negara. Sebagai contoh, pembelian beberapa syarikat asing oleh Petronas, pengambilalihan kepentingan di dalam beberapa buah bank di Indonesia oleh Maybank dan pengambilalihan kepentingan operasi kasino di luar negara oleh syarikat Genting Malaysia.

Syarikat konglomerat yang berpindah untuk melabur keluar negara membolehkan mereka bersaing di pasaran antarabangsa, memudahkan diversifikasi dan augmentasi bagi barang Malaysia dan juga mempromosi dasar perdagangan antarabangsa negara.

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat Carrefour mempunyai 23 cawangan di Malaysia. Sejak berita berkenaan penutupan operasi Carrefour di Malaysia sehingga hari ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan masih belum menerima

sebarang penjelasan daripada pihak pengurusan pasar raya ini berkenaan perkara tersebut. Carrefour bukan sahaja ingin menutup operasinya di Malaysia tetapi juga di Asia Tenggara dan setakat ini, Carrefour telah menutup operasi di Jepun dan Korea Selatan. Daripada analisa yang telah dibuat, Carrefour akan menumpukan perhatian perniagaannya di India disebabkan perkembangan mendadak bagi kelas-pertengahan di negara itu.

Walaubagaimanapun, sekiranya Carrefour menutup operasinya di Malaysia, ia bukanlah menjadi satu faktor bagi pelabur luar tidak lagi berminat untuk melabur di Malaysia.

SOALAN NO.: 462

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA)**

SOALAN:

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan berapakah jumlah kos yang ditanggung oleh konsesi-konsesi lebuh raya atau Kerajaan untuk memberi potongan harga tol kepada pengguna lebuh raya semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menanggung sebarang kos bagi pemberian diskaun atau pengecualian tol sempena musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2010 baru-baru ini. Pemberian diskaun dan pengecualian tol tersebut merupakan salah satu daripada insentif yang diberikan oleh syarikat-syarikat konsesi di bawah Tanggungjawab Korporat Sosial (*Corporate Social Responsibility:CSR*) kepada pengguna-pengguna lebuh raya.

Sebanyak 3 buah lebuh raya telah menawarkan pengecualian bayaran tol manakala baki 22 buah lebuh raya menawarkan pemberian diskaun sempena sambutan musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri 2010 yang lalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, implikasi kewangan yang ditanggung oleh syarikat-syarikat konsesi tersebut ialah sebanyak RM3,027,305.86 bagi melaksanakan program CSR di atas.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 11.10.2010 – 15.12.2010

Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kereta Proton mengikut jenama yang dieksport ke negara lain dan berapakah peratus dari jumlah keseluruhannya; dan
- (b) apakah langkah yang diambil oleh Proton untuk menyaingi kereta jenama lain dan bagaimana pula untuk meningkatkan eksport kereta Proton ke pasaran dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kereta Proton mengikut jenama yang dieksport ke negara lain dan peratus dari jumlah jualan keseluruhan jenama kereta tersebut bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 (setakat bulan Mei 2010) adalah seperti berikut:

Model	2008		2009		2010 (Jan – Mei)	
	Unit	%	Unit	%	Unit	%
Savvy	2,195	45.92	2,091	53.56	954	32.30
Saga	179	0.27	2,022	2.81	1,639	2.16
Satria Neo	793	18.24	542	12.20	141	2.56
Iswara	0	0	0	0	0	0
Wira	462	26.43	0	0	0	0
Gen-2	7,817	69.07	2,813	68.76	1,084	41.15
Persona	5,419	11.99	2,738	6.15	1,438	2.91
Waja	476	6.80	2,173	42.67	367	8.75
Perdana	1	0.17	0	0	0	0
Exora	0	0	1,483	6.72	2,867	9.09
Arena	370	69.68	282	48.70	580	100.00
JUMLAH	17,712	12.06	14,144	8.89	9,070	5.24

2. PROTON Holdings Berhad (PROTON) pada masa ini, sedang giat melaksanakan pemasaran dan jualan berorientasikan eksport, dengan pelaksanaan beberapa inisiatif yang dijangka akan membantu menaangi kereta jenama lain serta bagi mengukuhkan tapak dan kualiti produk PROTON di pasaran terutamanya pasaran eksport. Di antara inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

i. Meningkatkan *Brand Awareness*

- Menyertai lebih banyak pameran dan pertunjukan motor seperti *Geneva Motorshow 2010* dan *Paris Motorshow 2010*.
- Memberikan sokongan pemasaran bagi pengedarnya dalam pengiklanan dan promosi produk PROTON.
- PROTON membantu wakil pengedarnya melaksanakan kempen perkhidmatan selepas jualan (*after sales services*) dengan menyediakan Pasukan Teknikal PROTON.

- ii. Meningkat kualiti produk
 - Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Peningkatan Kualiti (*Quality Improvement Committee*) secara mingguan di antara PROTON dan vendor bagi membincangkan dan menangani isu berkaitan kualiti.
- iii. Meningkatkan Perkhidmatan Selepas Jualan
 - Memperbaiki dan meningkatkan kompentensi kakitangan PROTON terutamanya dari bahagian yang mengendalikan perkhidmatan selepas jualan melalui latihan yang diberikan di PROTON dan di lokasi wakil pengedar.
 - Memperbaiki perkhidmatan selepas jualan yang disediakan oleh wakil pengedar dengan memastikan fasiliti yang disediakan memenuhi standard 4M PROTON.
- iv. Meningkatkan kepelbagaian produk (*Product Range*)
 - Memperkenalkan model baru, perubahan kosmetik dan menawarkan lebih banyak variasi ke dalam pasaran.
- iv. Menubuhkan Pejabat-Pejabat Wilayah
 - Dekat dengan pasaran bagi membolehkan maklum balas yang lebih pantas dan mempunyai lebih pemahaman (*understanding*) mengenai dinamik pasaran.
 - Di antara pasaran sasaran adalah Negara Timur Tengah/Iran, India dan China.

NW - 4494

SJ.B(TULIS)/(37)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 11.10.2010 – 15.12.2010

Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) apakah status pembinaan Bangunan Bank Negara di Kuala Lumpur, adakah ia masih mengikut jadual asal; dan
- (b) berapakah jumlah kos pembinaan asal, masa tambahan untuk kontraktor menyiapkannya dan kos tambahan yang dikeluarkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan bangunan Pusat Sumber Perkhidmatan Kewangan Bank Negara Malaysia (Sasana Kijang) telah mencapai sebanyak 95% kemajuan kerja dan dijangka siap sepenuhnya dalam bulan Mac 2011. Bangunan

tersebut mengandungi ruang pejabat, pusat pengurusan pengetahuan, pusat latihan dan muzium kewangan untuk Bank Negara Malaysia. Sebahagian bangunan juga akan digunakan sebagai ibu pejabat untuk institusi-institusi antarabangsa iaitu Islamic Financial Services Board dan South East Asian Central Banks Research and Training Centre.

2. Bangunan tersebut yang melibatkan kos pembinaan sebanyak RM420.1 juta pada asalnya dijangka siap dalam bulan Ogos 2007. Bagaimanapun, berikutan masalah berkaitan dengan pembinaan bangunan itu, pihak Bank Negara Malaysia telah menamatkan perkhidmatan kontraktor asal dan melantik kontraktor baru untuk menyiapkan bangunan di bawah konsep '*Managing Contractor*'. Bank Negara Malaysia turut melantik semula sub-kontraktor yang terlibat dalam pembinaan dari peringkat awal untuk meneruskan kerja-kerja yang belum disiapkan. Memandangkan sebut harga untuk baki kerja adalah berdasarkan harga semasa, dan dengan mengambil kira baki peruntukan yang masih ada, amaun tambahan yang diperlukan untuk menyiapkan projek tersebut telah meningkat sebanyak 10.8% berbanding dengan kos asal.
3. Bayaran kemajuan kepada kontraktor-kontraktor telah dibayar sebanyak RM390.5 juta. Bayaran ini termasuk RM359.8 juta untuk kerja superstruktur dan bangunan, RM21.8 juta untuk kerja substruktur serta RM8.9 juta untuk kerja 'facade' bangunan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN – PKR]

SOALAN NO. 445

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan – PKR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha terkini dan pelan jangka panjang untuk meningkatkan tahap prestasi bola sepak negara supaya pasukan negara kita dapat masuk peringkat akhir kelayakan Piala Dunia.

JAWAPAN

1. **Penubuhan Tabung Pembangunan Bola Sepak Negara** dengan dana permulaan sebanyak RM10 juta merupakan salah satu daripada komitmen Kerajaan bagi membantu melaksanakan pelan pembangunan bola yang komprehensif untuk melahirkan pemain-pemain bola sepak yang berkemahiran dan berkualiti tinggi. Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama FAM serta Kementerian Pelajaran Malaysia sedang merangka strategi jangka panjang untuk menerapkan struktur dan pelaksanaan sukan bola sepak yang terdapat di negara-negara Eropah bagi memastikan pasukan muda negara dapat melayakkan diri ke Kejohanan Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun pada tahun 2019. Sasaran ini amatlah penting sebagai tapak asas kukuh persiapan skuad tersebut untuk menghadapi kejohanan kelayakan Piala Dunia 2026.
2. Kerajaan juga akan menubuhkan **Akademi Bola Sepak** bagi memastikan kesinambungan latihan untuk pemain bola sepak negara agar dapat membentuk atlet bola sepak yang berkualiti tinggi serta berupaya bersaing di peringkat antarabangsa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

SOALAN :

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil langkah untuk tidak membenarkan semua makanan GMO (*Genetically Modified*) dijual di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa peka akan isu berhubung keselamatan makanan termasuklah makanan diubah suai secara genetik atau *genetically modified food* (GMF). KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan bertanggungjawab untuk memastikan semua jenis makanan adalah selamat.

Di Malaysia, hanya GMF yang telah melalui proses penilaian keselamatan (*safety assessment*) dan disahkan selamat oleh Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik (GMAC) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dibenarkan diimport atau dipasarkan. GMAC ditubuhkan di bawah Akta Biokeselamatan 2007 dan berfungsi untuk memberikan nasihat saintifik, teknikal dan lain-lain nasihat yang berkaitan.

Malaysia sentiasa berpendirian bahawa pelabelan mandatori bagi makanan yang diubah suai secara genetik amat perlu supaya pengguna dapat membuat pilihan yang bermaklumat. Justeru, pelabelan makanan dan ramuan makanan yang mengandungi GMO telah diwajibkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 iaitu peraturan (2), (3A), (11) dan (17). Peraturan ini menghendaki supaya pelabelan sumber gen termasuklah daripada haiwan dan bahan yang boleh menyebabkan hipersensitiviti diwajibkan.

Kementerian ini juga sedang merangka beberapa garispanduan bagi memberi penjelasan lanjut kepada pihak industri bagi memudahkan mereka memahami dan mematuhi peraturan baru ini.

NO. AUM : ~~454~~ 447.

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH :

RUJUKAN : 3204

SOALAN:

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) sama ada Kerajaan dapat mempertimbangkan pemberian ganjaran kepada mereka/rakan cop untuk giat memantau dan mendapat maklumat-maklumat tentang lokasi-lokasi pendatang-pendatang haram di seluruh negara; dan
- (b) pemberian ganjaran bagi setiap pendatang haram yang dapat ditangkap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tanjong Manis yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan Seksyen 59C Akta Imigresen 1959/63 telah memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Imigresen untuk membayar imbuhan kepada mana-mana orang yang memberi perkhidmatan atau maklumat kepada Jabatan Imigresen Malaysia sehingga tertangkapnya dan didakwa orang yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini. Di masa lepas, pembayaran imbuhan ini diputuskan oleh Ketua Pengarah Imigresen secara *case by case basis*, dengan izin.

Salah satu inisiatif hasil dari Makmal Pengurusan Warga Asing yang telah berlangsung dari 23 Mac 2010 hingga 23 April 2010 ialah supaya satu bentuk imbuhan diberikan kepada pemberi maklumat yang membantu Jabatan Imigresen Malaysia melaksanakan tanggungjawabnya dalam menangani Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Memandangkan pelaksanaan inisiatif ini juga akan melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan, Jabatan Imigresen Malaysia pada masa ini sedang meneliti perkara ini termasuklah pewujudan mekanisma pemberian imbuhan yang seragam bagi memastikan urusan ini telus.

- (b) Memandangkan Jabatan Imigresen Malaysia belum mempunyai mekanisma pemberian imbuhan yang seragam, imbuhan yang

diberikan adalah berbeza dari satu kes ke kes yang lain (*case by case basis*, dengan izin). Dengan demikian, jumlah atau nilai imbuhan yang diberi bagi setiap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang dapat ditangkap tidak dapat dinyatakan secara terperinci.

No: 448

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI
ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada Kementerian akan tunda pembelian 3 buah kapal laut untuk Angkatan Tentera Malaysia memandangkan negara dalam keadaan defisit.

JAWAPAN:

Buat masa ini perolehan tiga buah kapal tersebut ditangguhkan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, perolehan tersebut tetap menjadi keutamaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sekiranya keadaan kewangan negara mengizinkan. Perolehan platform berkeupayaan *sea lift* ini akan mengadakan keupayaan untuk membawa sekurang-kurangnya satu *Batalion Mechanised ATM* dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak dan sebaliknya, satu keperluan yang digariskan di dalam Dasar Pertahanan Negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis]

SOALAN : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis]
minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) dari manakah pihak Kementerian mandapat maklumat berkenaan projek di bawah program National Key Result Areas (NKRA) bagi setiap kawasan Parlimen; dan
- (b) bagaimanakah pihak Kementerian memastikan bahawa maklumat-maklumat tersebut tepat dan adakah pegawai-pegawai yang diamanahkan untuk meneliti maklumat tersebut tahu dengan tepat setiap kawasan Parlimen.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

(a) Program Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Program* (GTP) dengan menggunakan kaedah makmal atau “*labs*” dan *Key Performance Indicators* (KPI) merupakan kaedah pengurusan prestasi yang baru dan berkesan untuk pembaharuan jentera kerajaan dan merealisasikan komitmen kerajaan supaya “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,” mengikut Gagasan 1Malaysia dan Model Baru Ekonomi (MBE) yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri. Tujuannya adalah untuk mencapai Wawasan Negara supaya Malaysia menjadi sebuah negara maju yang bersatupadu, aman dan berpendapatan tinggi. Enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Results Areas* (NKRA) telah dikenalpasti dan giat dilaksanakan sejak bulan Julai 2009 berdasarkan hasrat dan pandangan rakyat mengikut kajian dan maklumbalas.

Maklumat berkenaan projek-projek di bawah program National Key Result Areas (NKRA) bagi setiap kawasan Parlimen, ianya boleh diperolehi daripada enam (6) kementerian yang menjadi peneraju kepada enam (6) NKRA seperti berikut:

- 1) NKRA Mengurangkan Jenayah: Kementerian Dalam Negeri
- 2) NKRA Meningkatkan Pendidikan: Kementerian Pelajaran
- 3) NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
- 4) NKRA Pengangkutan Awam Bandar: Kementerian Pengangkutan
- 5) NKRA Menaik Taraf Kehidupan Isirumah Berpendapatan Rendah: Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat
- 6) NKRA Membanteras Rasuah: Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Setiap Kementerian tersebut bertanggungjawab untuk pengendalian dan pelaksanaan projek-projek yang telah dikenalpasti untuk menyelesaikan masalah-masalah rakyat di bawah bidang NKRA.

(b) Unit Pengurusan Pelaksanaan dan Prestasi (PEMANDU) merupakan unit yang bertanggungjawab membantu pihak Kementerian memantau dan memastikan bahawa maklumat-maklumat tersebut tepat. PEMANDU ditubuhkan khas untuk pengurusan Program Transformasi Kerajaan dan terdapat pasukan yang menumpu kepada setiap NKRA supaya kerja-kerja pemantauan dijalankan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif dilaksanakan tepat pada masanya dan mencapai prestasi yang tinggi.

SOALAN : 450

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

SOALAN :

YB DATO' HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan;

- a. Kenapa statistik/data untuk kawasan Parlimen Tanjong Manis menunjukkan hanya 11 dalam golongan miskin tegar, 36 miskin dan 64 mudah miskin kesemua berjumlah 111 sahaja;
- b. Memandangkan kebelakangan ini banyak laporan media berkenaan kedaifan penduduk Pulau Brui yang mempunyai 2,042 keluarga, bilakah Menteri sendiri akan turun padang untuk menentukan/memastikan statistik tersebut betul atau tidak.

JAWAPAN:

Berdasarkan statistik yang dijana melalui Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih) sehingga 18 Oktober 2010, data sebenar Ketua Isi Rumah (KIR) miskin dan miskin tegar yang direkodkan di Parlimen Tanjong Manis adalah seperti berikut:

STATUS	SUMBER		JUMLAH
	BANCI ISI RUMAH MISKIN 2008 DAN 2009	PENDAFTARAN TERBUKA 2010 (Sehingga 18 Oktober 2010)	
Miskin Tegar	116	12	128
Miskin	318	22	340
Mudah Miskin	183	59	242
JUMLAH	617	93	710*

*Data di atas akan berubah dari masa ke semasa kerana data mengenai kemiskinan adalah dinamik.

Terdapat 710 KIR di dalam Sistem eKasih yang terbahagi kepada status miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Jumlah ini diperolehi daripada Banci Isi Rumah Miskin 2008 dan 2009 yang bermula dari Disember 2007 sehingga Disember 2009. Pendaftaran Terbuka bermula daripada Januari 2010 dan ia terbuka kepada orang ramai melalui pendaftaran secara manual dan atas talian (*online*).

NO. SOALAN: 451

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

SOALAN :

TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci butiran atau data peruntukan pembangunan yang telah diperuntukkan untuk kawasan Parlimen Sibuti sejak dari tahun 2008 hingga 2009 yang telah siap serta perancangan pembangunan untuk Parlimen Sibuti bagi tahun 2010 yang telah diluluskan peruntukan bagi semua Kementerian.

JAWAPAN :

Berdasarkan rekod Sistem Pemantauan Projek II (SPP II), sebanyak RM 31.17 juta telah diperuntukkan kepada kawasan Parlimen Sibuti bagi tahun 2008 dan 2009 melibatkan sebanyak 21 projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 projek (80.9%) telah siap dilaksanakan. Senarai projek adalah seperti **Lampiran I**.

Manakala bagi tahun 2010, peruntukan sebanyak RM7.68 juta telah diluluskan termasuk bagi bayaran akhir bagi projek yang telah siap dilaksanakan pada tahun sebelumnya. Pada tahun ini, sebanyak 3 projek sedang dilaksanakan yang melibatkan projek di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pelajaran. Senarai projek adalah seperti **Lampiran II.**

Lampiran I

SENARAI PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN 2008 - 2009
PARLIMEN SIBUTI, SARAWAK

BIL	KEMENTERIAN	KOD PROJEK	NAMA PROJEK	STATUS PROJEK	SILING PROJEK	PERUNTUKAN 2008 - 2009
1	Kementerian Belia & Sukan	P45024000010163	GELANGGANG RAKYAT KBS - BEKENU	Dahulu Jadual	300,000.00	20,000.00
2	Kementerian Belia & Sukan	P45024000010164	GELANGGANG RAKYAT KBS - LAMBIR	Dahulu Jadual	300,000.00	20,000.00
3	Kementerian Pelajaran	P41037000130100	SK LAMBIR VILLAGE	Dahulu Jadual	4,744,740.00	1,992,771.00
4	Kementerian Pelajaran	P41037000130147	SK KELAPA SAWIT NO. 1	Dahulu Jadual	500,000.00	1,132,219.00
5	Kementerian Dalam Negeri	P62560000330000	RUMAH KAKITANGAN PENJARA MIRI	Siap	170,443.00	25,568.03
6	Kementerian Kesihatan	P42002010280040	KLINIK KESIHATAN (JENIS 5) SABAH/SARAWAK JAMBATAN SUAI, MIRI	Siap	5,000,000.00	2,927,773.75
7	Kementerian Pelajaran	P41013000320263	SJK TUKAU	Siap	50,000.00	13,700.00
8	Kementerian Pelajaran	P41001010130264	SK KPG. KUALA SIBUTI	Siap	120,000.00	105,000.00

9	Kementerian Pelajaran	P41037000130153	SK RANCANGAN SEPUPUK	Siap	1,727,231.35	1,105,205.00
10	Kementerian Pelajaran	P41037000130155	SK RUMAH UNDI	Siap	1,727,231.35	126,593.00
11	Kementerian Pelajaran	P41037000130159	SK RUMAH MENTALI	Siap	1,727,231.35	126,593.00
12	Kementerian Pelajaran	P41037000130167	SK BELIAU ISA	Siap	1,727,231.35	126,593.00
13	Kementerian Pelajaran	P41037000130172	SK SUNGAI TANGAP	Siap	1,727,231.35	1,126,593.00
14	Kementerian Pelajaran	P41037000130173	SK KAMPUNG TARIKAN	Siap	1,741,531.35	1,127,641.00
15	Kementerian Pelajaran	P41037000130175	SK SUNGAI SAEH	Siap	1,727,231.35	1,126,593.00
16	Kementerian Pelajaran	P41037000130176	SK KUALA SIBUTI	Siap	1,727,231.35	126,593.00
17	Kementerian Pelajaran	P41037000130177	SK KAMPUNG BUIAU	Siap	1,727,231.35	126,593.00
18	Kementerian Pelajaran	P41037000130523	SK ST PIUS LONG SAN	Siap	1,007,055.10	158,979.04
19	Kementerian Pelajaran	P41037000130524	SMK TEMENGGONG DATUK LAWAI JAU	Siap	1,389,434.16	179,287.34
20	Kementerian Pelajaran	P41037000130525	SMK TUTOH APOH	Siap	1,524,220.52	186,445.89
21	Kementerian Pelajaran	S41001021710000	SK KPG BAKAM	Siap	21,122,200.00	19,288,616.16
JUMLAH					51,787,474.93	31,169,357.21

SENARAI PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN 2010
PARLIMEN SIBUTI, SARAWAK

BIL	KEMENTERIAN	KOD PROJEK	NAMA PROJEK	STATUS PROJEK	SILING PROJEK	PERUNTUKAN 2009	CATATAN
1	Kementerian Kesehatan	P42002010280040	KLINIK KESIHATAN (JENIS 5) SABAH/SARAWAK JAMBATAN SUAI, MIRI	Siap	5,000,000.00	671,694.16	Bayaran akhir
2	Kementerian Pelajaran	P41037000130153	SK RANCANGAN SEPUPUK	Siap	1,727,231.35	449,081.00	Bayaran akhir
3	Kementerian Pelajaran	P41037000130155	SK RUMAH UNDI	Siap	1,727,231.35	449,081.00	Bayaran akhir
4	Kementerian Pelajaran	P41037000130159	SK RUMAH MENTALI	Siap	1,727,231.35	449,081.00	Bayaran akhir
5	Kementerian Pelajaran	P41037000130167	SK BELIAU ISA	Siap	1,727,231.35	449,081.00	Bayaran akhir
6	Kementerian Pelajaran	P41037000130172	SK SUNGAI TANGAP	Siap	1,727,231.35	449,081.00	Bayaran akhir
7	Kementerian Pelajaran	P41037000130173	SK KAMPUNG TARIKAN	Siap	1,741,531.35	452,799.00	Bayaran akhir
8	Kementerian Pelajaran	P41037000130175	SK SUNGAI SAEH	Siap	1,727,231.35	449,081.00	Bayaran akhir
9	Kementerian Pelajaran	P41037000130176	SK KUALA SIBUTI	Siap	1,727,231.35	449,081.00	Bayaran akhir

10	Kementerian Pelajaran	P41037000130177	SK KAMPUNG BULAU	Siap	1,727,231.35	449,081.00	Bayaran akhir
11	Kementerian Pelajaran	P41037000130523	SK ST PIUS LONG SAN	Siap	1,007,055.10	261,835.00	Bayaran akhir
12	Kementerian Pelajaran	P41037000130524	SMK TEMENGGONG DATUK LAWAI JAU	Siap	1,389,434.16	361,253.00	Bayaran akhir
13	Kementerian Pelajaran	P41037000130525	SMK TUTOH APOH	Siap	1,524,220.52	396,298.00	Bayaran akhir
14	Kementerian Pelajaran	S41001021710000	SK KPG BAKAM	Siap	21,122,200.00	413,316.58	Bayaran akhir
15	Kementerian Belia & Sukan	P45024000010163	GELANGGANG RAKYAT KBS - BEKENU	Dahulu Jadual	300,000.00	150,000.00	Projek 2010
16	Kementerian Belia & Sukan	P45024000010164	GELANGGANG RAKYAT KBS - LAMBIR	Dahulu Jadual	300,000.00	150,000.00	Projek 2010
17	Kementerian Pelajaran	P41037000130100	SK LAMBR VILLAGE	Dahulu Jadual	4,744,740.00	1,233,632.00	Projek 2010
JUMLAH					50,947,031.93	7,683,475.74	

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci butiran mengenai jumlah penerima biasiswa JPA, MARA dan PETRONAS yang berasal dari negeri Sarawak untuk tahun 2009 hingga 2010.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZMENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penerimaan biasiswa JPA, MARA dan PETRONAS yang berasal dari Sarawak untuk tahun 2009 hingga 2010 adalah seramai 3487 pelajar dengan perincian seperti berikut:

BIASISWA	JUMLAH PELAJAR 2009 HINGGA 2010
JPA	1280
MARA	1059
PETRONAS	1148
JUMLAH	3487

(Input dari KKLW dan EPU)

No : 453

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI
BIN BUJANG
(SIBUTI)**

TARIKH :

SOALAN : 453

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan adakah pihak Kementerian memperuntukan dana untuk pembangunan sistem saliran dan pembentungan untuk rumah-rumah panjang di Sarawak dan berapakah peruntukan yang telah disalurkan ke Parlimen Sibuti sejak tahun 2009 hingga 2010.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) memang ada menyediakan peruntukan untuk membangunkan sistem perparitan/saliran di bawah Projek Perparitan dan Pencegahan Banjir Berskala Kecil Luar Bandar dan sistem pembentungan/sanitasi di bawah peruntukan Projek Sanitasi Luar Bandar. Kedua-dua projek ini merupakan sub program di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS) dan telah diluluskan siling sebanyak RM62.5 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe9). Projek-projek dilaksanakan di semua jenis penempatan di kawasan luar bandar termasuk juga di rumah-rumah panjang di Sarawak.

Bagi Parlimen Sibuti, untuk tahun 2009 dan tahun 2010 Kementerian tidak ada menerima permohonan bagi kedua-dua projek tersebut.

CSY
NO. AUM : ~~461~~⁴⁶².

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH :

RUJUKAN : 3252

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh pihak Polis Malaysia kepada pesalah trafik di negara luar seperti Brunei, Singapura dan Thailand dari tahun 2008 hingga 2010. Nyatakan jumlah saman tersebut yang belum berbayar oleh pesalah trafik dari luar Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sibuti yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, warganegara Singapura mencatatkan jumlah saman tertinggi yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) kerana kesalahan-kesalahan lalu lintas yang dilakukan dari tahun 2008 sehingga September 2010 iaitu sebanyak **104,950** saman. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12,073 saman sudah dijelaskan, 49 saman diselesaikan di mahkamah manakala **92,828** saman lagi masih belum diselesaikan.

Selain itu, PDRM turut mengeluarkan sejumlah **19,355** saman kepada warganegara Brunei yang telah melakukan kesalahan trafik di negara ini dalam tempoh yang sama. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,193 saman sudah dijelaskan, 26 saman diselesaikan di mahkamah dan **14,136** saman lagi masih belum diselesaikan.

Bagi jumlah saman trafik yang dikeluarkan kepada pesalah-pesalah trafik dari negara Thailand dari tahun 2008 hingga September 2010 pula adalah sebanyak **6,114** saman. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,897 saman telah dijelaskan, 114 kes saman diselesaikan di mahkamah dan **2,103** saman lagi masih belum dijelaskan.

NO. SOALAN: 455

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
(SIBUTI)**

SOALAN :

TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI) Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan pihak Kerajaan gagal melaksanakan projek yang telah dirancang seperti pembinaan Balai Bomba dan Klinik di kawasan Niah di bawah Parlimen Sibuti sedangkan projek tersebut telah dijanjikan kepada masyarakat sana dalam RMK-9.

JAWAPAN :

Dalam merancang pelaksanaan sesuatu projek di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT), kelulusan projek adalah berdasarkan keperluan semasa perancangan yang dibuat oleh pihak Kementerian.

Bagi Projek Balai Bomba Niah, pembinaan projek tersebut tidak dapat diteruskan disebabkan oleh kekurangan peruntukan. Pembatalan projek ini dibuat selepas Kajian Separuh Penggal dilaksanakan.

Pembinaan Klinik Kesihatan Niah yang baru sememangnya telah dikenalpasti sebagai projek RMK-9 bagi menggantikan Klinik Kesihatan Niah yang sedia ada. Walau bagaimanapun, pembinaan Klinik Kesihatan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang memandangkan tapak yang dicadangkan bersebelahan dengan klinik sedia ada adalah sempit dan kurang dari 5 ekar. Oleh itu, ianya tidak cukup untuk menampung keperluan pembinaan sebuah Klinik Kesihatan seperti piawai yang ditetapkan. Keadaan tanah di tapak tersebut juga adalah tidak sesuai kerana terletak di kawasan lembah yang dikelilingi tanah tinggi di mana kerja-kerja penambakan tanah menelan kos yang tinggi.

NO. AUM : ~~463~~ 456

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]

TARIKH :

RUJUKAN : 3205

SOALAN:

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Projek Membina Bangunan Baru Balai Polis Daerah Pasir Mas di tapak baru Lubuk Jong akan dilaksanakan. Berapakah anggaran kos perbelanjaan dan bagaimanakah cara serta kaedah tawaran projek tersebut akan dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Mas di tapak baru Lubuk Jong akan dilaksanakan setelah tapak tersebut dipindahmilik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Ini kerana adalah menjadi dasar agensi pusat di mana pemilikan tanah merupakan salah satu pra syarat untuk kerajaan mempertimbangkan dan meluluskan sebarang permohonan projek pembangunan. Kementerian ini difahamkan Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Mas sedang menyediakan perakuan pindahmilik tanah Lubuk Jong untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Ahli Majlis Kerajaan Negeri.

Anggaran kos bagi pembinaan IPD Pasir Mas yang baru adalah sekitar RM70 juta. Projek ini akan dipohon dalam *Second Rolling Plan* RMK10 dan akan dilaksanakan secara tender terbuka untuk membolehkan lebih ramai kontraktor mengambil bahagian supaya kerajaan mendapat tawaran bidaan harga terbaik yang bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk mencapai *value for money* dan berdasarkan *outcome*.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUABELAS,
TAHUN 2010**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS)

TARIKH :

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan bilakah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Pasir Mas, Kelantan akan dilaksanakan memandangkan pengambilan tanah sudah selesai. Berapakah kos anggaran perbelanjaan dan bagaimanakah cara serta kaedah tawaran projek akan dibuat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Pasir Mas yang dicadangkan di dalam RMKe-9 telah dibatalkan pelaksanaannya. MARA telah mencadangkan pembinaan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) untuk menggantikan pembinaan MRSM di kawasan tersebut. Namun begitu, siling peruntukan bagi projek ini tidak diluluskan untuk dilaksanakan di dalam *First Rolling Plan* RMKe-10. Walau bagaimanapun, Kementerian akan berusaha untuk mendapatkan bajet bagi projek pembinaan KPTM dalam *Second Rolling Plan* pada tahun 2013.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]

SOALAN:

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah sehingga sekarang Projek Hab Halal yang telah disenaraikan di bawah Projek ECER masih belum dilaksanakan. Apakah ianya akan diteruskan dan apakah masalah yang dihadapi jika ada.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pasir Mas, pelaksanaan projek halal hab di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) iaitu Projek Taman Halal Hab Pasir Mas, Kelantan dan Projek Taman Halal Hab Gambang, Pahang sedang dalam peringkat awal pelaksanaan.

Kerja-kerja awal bagi kedua-dua projek ini adalah melibatkan kajian dan rekabentuk, kerja-kerja ukur tanah serta penyiasatan tapak.

Pembinaan fizikal bagi Taman Halal Pasir Mas dijadualkan bermula pada tahun 2011 dan dijangka siap pada tahun 2013.

Pembangunan taman halal akan terus dilaksanakan secara konsep pembangunan kluster bagi mewujudkan nilai rantaian ekonomi lebih tinggi. Konsep ini akan memberi pulangan ekonomi yang optima di samping meningkatkan pengeluaran makanan negara pada skala besar. Peluang pekerjaan juga bakal diwujudkan bagi meningkatkan pendapatan rakyat seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan di wilayah ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' IBRAHIM BIN ALI
SOALAN : NO. 459

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membangunkan Universiti Kelantan dengan cara menempatkan satu atau dua fakulti di setiap daerah seluruh Kelantan serta tidak menumpukan di satu tempat sahaja bagi tujuan membantu pembangunan di daerah-daerah secara seimbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) adalah dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan kerajaan, kepentingan bidang tujuan tertentu terhadap pembangunan sosio ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan di pasaran kerja.

Dengan menitikberatkan aspek-aspek tersebut, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ditubuhkan dan mula beroperasi secara rasmi pada 1 Julai 2007. UMK merupakan salah satu komponen dalam Rancangan Malaysia Ke-9 bagi menyokong pembangunan modal insan berkualiti dalam sektor

pendidikan tinggi negara. YAB Perdana Menteri Malaysia pada masa itu telah mengumumkan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti di Kelantan dalam pembentangan RMKe-9 pada 31 Mac 2006.

Pada masa ini, UMK mempunyai 3 kampus di Kelantan iaitu Kampus Taman Bendahara, Kampus Bachok dan Kampus Jeli di mana pembangunan sepenuhnya dijangka selesai pada 2011. Kementerian pada waktu ini tidak mempunyai perancangan untuk menubuhkan kampus atau fakulti di setiap daerah di Kelantan.

Selain UMK, terdapat juga kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Machang dan Kota Bharu. Kementerian berpandangan bahawa IPTA dan kampus-kampus cawangan yang sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan sumber tenaga mahir negara dan secara tidak langsung dapat membantu pembangunan negeri Kelantan.

SOALAN NO.: 460

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI
(PASIR MAS)**

SOALAN:

Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah Kerajaan sedar jalan-jalan raya di dalam kawasan bandar Pasir Mas perlu diperbesarkan kerana ianya begitu sempit, manakala peningkatan penggunaan dan pertambahan kenderaan begitu banyak menyebabkan kesesakan sepanjang hari walaupun bukan di musim perayaan serta membahayakan pengguna jalan raya tersebut.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar dan amat prihatin dengan masalah lalu lintas yang dialami di Bandar Pasir Mas akibat daripada peningkatan jumlah kenderaan. Bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian sedang melaksanakan projek Pasir Mas *Bypass Fasa 1* yang bermula dari Kampung Kubang Bongor ke Kampung Kubang Bemban dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan akan bersambung ke Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Projek ini melibatkan kerja-kerja pembinaan jalan *single carriageway* sepanjang 5.4 kilometer, membina jambatan dan membina persimpangan, bertujuan untuk mengurangkan bilangan trafik dari memasuki Bandar Pasir Mas.

Selain itu, pihak Kementerian akan mencadangkan projek Pasir Mas *Bypass Fasa 2* yang bermula dari Kampung Kubang Bemban ke Kampung Kubang Pak Amin dalam *Rolling Plan* Kedua, RMKe-10. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kelulusan oleh Agensi Pusat. Dengan siapnya kedua-dua fasa projek Pasir Mas *Bypass*, trafik terus tidak perlu memasuki bandar Pasir Mas dan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar Pasir Mas.

NO. AUM : ~~468~~ 461

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENNA]**

TARIKH :

RUJUKAN : 3206

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) jumlah pemilik kenderaan yang disenarai hitam oleh PDRM dalam kes kesalahan trafik (saman ekor); dan
- (b) jumlah kutipan kompaun "saman ekor" yang telah dikutip oleh PDRM sehingga 10 Ogos 2010 dan ke mana wang tersebut dibelanjakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a) sebanyak ~~11,015,225~~ pemilik kenderaan telah disenaraihitamkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dari tahun 2000 sehingga September 2010 dalam kes kesalahan trafik melalui Notis Saman POL 170A atau dikenali sebagai saman ekor.

Bagi menjawab soalan (b) pula, jumlah kutipan kompaun Notis Saman POL 170A dari tahun 2000 sehingga September 2010, adalah sebanyak RM1,412,212,314 (**RM 1.41 bilion**) dan hasil kutipan ini dimasukkan ke dalam akaun Kerajaan sebagai wang hasil.

NO. AUM : 462

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENNA]**

TARIKH :

RUJUKAN : 3207

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah saman trafik yang dikeluarkan ke atas warga asing serta berapakah jumlah kutipan kompaun yang berjaya dipungut oleh Polis dari warga asing tersebut.

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, dari tahun 2008 hingga bulan September 2010, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengeluarkan sejumlah **133,025** saman kepada warganegara asing yang telah melakukan kesalahan-kesalahan trafik di negara ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **21,740** saman telah diselesaikan dengan jumlah kutipan kompaun sebanyak RM2,680,360.00 (**RM2.7 juta**) berjaya dipungut.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah kuarters kerajaan untuk guru-guru seluruh Malaysia dan nyatakan berapakah jumlah kuarters yang tidak dihuni serta tempoh kekosongan dan kenapakah ia tidak dihuni.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan pembinaan rumah guru sebanyak 17,813 unit Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) meliputi 609 tapak di seluruh negara. Manakala dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) KPM membina 509 projek yang meliputi 6,015 unit di seluruh negara. Dari jumlah tersebut, kuarters yang telah siap dibina dan telah diserahkan kepada KPM dalam RMKe-9 iaitu sebanyak 795 unit. Pada dasarnya semuanya telah diisi. Bagi rumah guru yang dibina dalam RMKe- 8 iaitu sebanyak 17,453 unit, sejumlah 13,735 unit telah diisi. Ini bermakna terdapat kekosongan (tidak dihuni) sebanyak 3,718 unit.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan memperincikan jumlah perjawatan pegawai penerangan di Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan juga skop tugas mereka.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) telah diluluskan perjawatan secara kontrak sebanyak 1,056 jawatan. Daripada jumlah tersebut, seramai **923** jawatan adalah Pegawai Penerangan dengan pecahan seperti berikut:

Pengarah Negeri Gred 52/48/44/41	- 15 jawatan
Pegawai Penerangan (Parlimen) Gred 41	- 278 jawatan
Penolong Pegawai Penerangan Gred S27	- 20 jawatan
Pembantu Penerangan Gred S22	- 610 jawatan

Skop tugas Pegawai Penerangan adalah melaksanakan aktiviti memperjelaskan dasar-dasar kerajaan khususnya kepada masyarakat

SOALAN NO: 464

luar bandar. Pegawai yang dilantik ini juga berperanan menangkis sebarang bentuk penyelewengan yang cuba dibangkitkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dalam usaha memastikan kestabilan politik semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah perjawatan bagi Jabatan Peguam Negara dan bahagian hal ehwal undang-undang (BHEUU) serta agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dengan Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (BHEPMM) dan nyatakan skop bidang tugas setiap agensi tersebut.

[Pentadbiran Am input Jabatan Peguam Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia]

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah perjawatan bagi Jabatan Peguam Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim adalah seperti berikut:

JUMLAH PERJAWATAN MENGIKUT SKIM KUMPULAN PERKHIDMATAN TAHUN 2010

BIL.	JABATAN / AGENSI	KUMPULAN PERKHIDMATAN				JUMLAH
		PENGURUSAN TERTINGGI	PENGURU SAN & PROFESIO NAL	SOK I	SOK II	
1	Jabatan Peguam Negara	87	805	625	333	1850
2	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)	2	56	125	33	215
3	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	4	773	3566	4	4347
4	Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (BHEPMM)	1	18	28	2	49

Skop dan bidang tugas Jabatan-jabatan berkenaan adalah seperti berikut:

FUNGSI

Jabatan Peguam Negara	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (BHEPMM)
<p>1. Memberikan khidmat nasihat, termasuk memberi khidmat nasihat dalam bidang undang-undang antarabangsa dan syariah kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;</p> <p>2. Menjadi sumber rujukan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai apa-apa masalah perundangan yang timbul;</p> <p>3. Menggubal semua perundangan untuk Kerajaan Persekutuan;</p>	<p>1. Menyelaras penggubalan dasar dan undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU;</p> <p>2. Membuat penambahbaikan terhadap sistem pentadbiran keadilan Negara dengan merancang dan melaksanakan projek pembangunan fizikal dan IT mahkamah;</p> <p>3. Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk pendaftaran dan pemantauan perbadanan-</p>	<p>1. Menguatkuasa undang-undang dan ketenteraman di bawah mana-mana undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia;</p> <p>2. Melaksanakan tugas mencari dan menyelamat maritim di Zon Maritim Malaysia dan di lautan lepas;</p> <p>3. Mencegah dan menyekat pelakuan kesalahan di Zon Maritim Malaysia;</p>	<p>1. Berperanan menentukan dasar dan hala tuju Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM);</p> <p>2. Bertanggungjawab dalam urusan pembentukan dasar penguatkuasaan maritim negara, dasar pengambilan dan dasar perkhidmatan anggota APMM;</p> <p>3. Bertanggungjawab melaksanakan urusan perolehan dan pembangunan bagi APMM;</p>

Jabatan Peguam Negara	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)	Agenzi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (BHEPMM)
	perbadanan pemegang amanah;		
<p>4. Memberikan arahan pendakwaan bagi kes-kes jenayah;</p> <p>5. Mewakili Kerajaan di dalam semua kes-kes sivilnya;</p> <p>6. Menguruskan penyemakan dan pencetakan semula undang-undang dan membuat kajian pembaharuan undang-undang.</p>	<p>4. Urus setia Jemaah Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes keselamatan dan kes-kes rayuan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan;</p> <p>5. Pemantauan Mesyuarat Jemaah Pengampunan di setiap Negeri;</p> <p>6. Urus setia Pelantikan Anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) memantau laporan tahunan SUHAKAM dan menyelaras maklum balas</p> <p>7. Menyelia pentadbiran Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan</p>	<p>4. Memberikan bantuan dalam apa-apa perkara jenayah atas permintaan Negara asing sebagaimana diperuntukan di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 (Akta 621);</p> <p>5. Menjalankan pengawasan udara dan pantai;</p> <p>6. Menyediakan perkhidmatan pelantar dan sokongan kepada mana-mana agensi yang berkaitan</p> <p>7. Menubuhkan dan menguruskan institusi</p>	

Jabatan Peguam Negara	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (BHEPMM)
	Insolvensi Malaysia termasuk semua Cawangan di seluruh negara, dari segi pengurusan kewangan dan sumber manusia.	maritim bagi latihan pegawai Agensi	

**PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling]

SOALAN :

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah pasar-pasar tani yang masih beroperasi di seluruh Negara dan sejauh mana hasil-hasil pertanian keluaran petani-petani kecil kampung yang dipasarkan di pasar-pasar tani tersebut. Nyatakan pasar-pasar tani tersebut di setiap negara.

JAWAPAN : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Program Pasar Tani dibangunkan untuk mewujudkan usahawan-usahawan tani. Pasar Tani mula dibangunkan pada tahun 1985 bertujuan mewujudkan luang pasaran kepada pengeluar khususnya pengeluar-pengeluar kecil untuk memasarkan hasil keluaran mereka secara terus kepada pengguna. Pasar Tani juga menjadi 'Medan Pertemuan Pengeluar-Pengguna' dan berperanan sebagai saluran pemasaran hasil pertanian yang utama di negara ini terus kepada pengguna.

Sehingga 30 September 2010, sebanyak 414 Pasar Tani telah diwujudkan melibatkan 19,149 usahawan tani dengan nilai jualan RM383 juta.

Penglibatan petani-petani kecil kampung menerusi program Pasar Tani dapat dijelaskan seperti berikut:

- i. **Pengeluar/Petani terlibat secara langsung sebagai peserta Pasar Tani dan tidak langsung sebagai pembekal kepada peserta Pasar Tani**

Pengwujudan Pasar Tani telah membantu petani-petani kecil kampung memasarkan hasil-hasil pertanian keluaran mereka sama ada secara langsung melalui penyertaan sebagai peserta Pasar Tani dan tidak langsung sebagai pembekal hasil-hasil keluaran kepada peserta Pasar

Tani. Melalui Pasar Tani hasil-hasil pertanian tempatan dapat diedarkan dan dipasarkan secara menyeluruh di seluruh negara. Pasar Tani juga membantu mempercepatkan proses pembangunan sosio-ekonomi petani-petani luar bandar.

ii. Had Peratusan Produk Jualan di Pasar Tani

Pihak FAMA juga telah menetapkan bahawa sumber bekalan Pasar Tani adalah 70 peratus produk-produk tempatan dan 30 peratus produk-produk import iaitu bagi barang yang tidak dikeluarkan di Malaysia. Bagi sayuran berdaun, bekalan adalah 100 peratus keluaran tempatan. Produk tempatan ini meliputi hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani-petani kecil serta petani-petani dari program Ladang Kontrak yang dikhususkan kepada petani-petani kecil.

Pihak FAMA juga tidak membenarkan sama sekali penjualan daging lembu/kerbau beku import, hasilan laut dan ikan air tawar import di Pasar Tani. Hanya daging segar, hasilan laut dan ikan air tawar tempatan sahaja dibenarkan. Sumber bekalan diperolehi daripada penternak dan nelayan tempatan khususnya pengusaha kecil.

iii. Punca Pengeluaran Bekalan

Sebelum mewujudkan Pasar Tani di sesuatu kawasan, pihak FAMA juga akan membuat kajian bagi mengenalpasti punca-punca bekalan hasil pertanian daripada kumpulan pengeluar yang terdiri daripada petani, penternak dan nelayan di sekitar 50 kilometer persegi lokasi Pasar Tani.

Anggaran kuantiti hasil-hasil pertanian seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan, ikan dan hasil-hasil produk industri asas tani juga dikenalpasti bagi menjamin bekalan berterusan dan seterusnya petani/pengeluaran setempat mendapat faedah dengan wujudnya Pasar Tani di kawasan tersebut.

iv. Peningkatan Pendapatan Petani Kecil

Pasar Tani yang ditubuhkan terbukti sebagai satu institusi pemasaran yang berjaya meningkatkan taraf hidup peserta yang terdiri daripada petani kecil. Ada di kalangan peserta Pasar Tani yang dahulunya terdiri daripada golongan miskin, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan peserta E-Kasih telah berjaya keluar dari garis kemiskinan.

Hasil "Kajian Sosio Ekonomi Dalam Menambahkan Pendapatan Peserta" yang dilaksanakan oleh pihak FAMA pada tahun 2007 mendapati peserta yang berniaga 2-3 kali seminggu di Pasar Tani memperolehi purata pendapatan bersih RM1,758.00 sebulan.

Kajian juga membuktikan bahawa Pasar Tani mampu memberi impak yang amat positif terhadap peratus pertambahan pendapatan peserta termasuk daripada golongan petani kecil. Perniagaan di Pasar Tani secara nyata mampu menambahkan hasil pendapatan terutama kepada peserta yang menjual daging lembu dan ikan/hasil laut iaitu masing-masing sebanyak 73.7%.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB (BALING)

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib (Baling) minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai sikap dan komitmen Kerajaan terhadap hotel-hotel yang tidak mendapat pengiktirafan sijil halal oleh JAKIM dan agensi-agensi agama negeri-negeri, menyediakan juadah berbuka puasa dengan tawaran istimewa kepada umat Islam.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri , Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memandang serius terhadap penyalahgunaan logo dan

perbahasaan halal di hotel dan premis makanan. KPDNKK boleh mengambil tindakan di bawah peruntukan Perintah Perihal Dagangan Penggunaan Perbahasaan “Halal” 1975 terhadap mana-mana hotel atau premis makanan yang terbukti menyediakan makanan yang tidak halal kepada umat Islam termasuk tawaran istimewa Buffet Ramadhan. Dalam menghalang perkara ini terus berleluasa pada masa hadapan, Kerajaan akan melaksanakan cadangan pindaan serta peruntukan baru dalam Rang Undang-Undang Perihal Dagangan, 2010 yang akan menggantikan Akta Perihal Dagangan, 1972.

JAKIM bersama pihak KPDNKK juga sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasan secara berterusan kepada semua pemegang sijil halal di dalam tempoh sah sijil halal mereka. Pemeriksaan dan tindakan turut di ambil bagi setiap aduan yang diterima daripada orang awam bagi memastikan bahawa setiap pemegang sijil halal sentiasa mematuhi piawaian halal yang telah ditetapkan. Pemantauan dan penguatkuasaan secara berterusan ini juga dilaksanakan bagi mengelakkan mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab daripada menyalahguna dan mengambil kesempatan daripada penggunaan logo halal Malaysia untuk mengaut keuntungan dengan menipu pengguna.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, permohonan sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah bersifat sukarela dan tidak menjadi suatu kewajipan untuk memohon bagi mendapatkan sijil pengesahan halal. Walaubagaimanapun pihak JAKIM telah mempergiatkan usaha dan kempen untuk memberi kesedaran tentang kepentingan makanan halal bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan

masyarakat mengenai status halal sesuatu produk. Antara usaha yang dilakukan adalah seperti menganjurkan Kempen Satu Malaysia Satu Halal, Forum Perdana dan cadangan pindaan serta peruntukan baru dalam Rang Undang-Undang Perihal Dagangan, 2010 yang akan menggantikan Akta Perihal Dagangan, 1972.

Dalam hal ini, JAKIM menggalakkan program-program kerajaan hanya dilaksanakan di hotel-hotel yang mendapat pengiktirafan sijil halal JAKIM atau JAIN sahaja sebagai lambang komitmen kerajaan dalam menangani isu halal ini. Orang Islam juga disarankan peka terhadap hotel dan premis makanan yang dikunjungi supaya tidak tertipu dengan logo halal swasta dan penyalahgunaan perbahasaan halal oleh pengusaha hotel. Senarai hotel dan premis makanan yang mendapat sijil halal JAKIM boleh didapati dengan melayari portal halal JAKIM di www.halal.gov.my

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN
MD TAIB

TARIKH :

SOALAN : 468

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah langkah dan usaha Kerajaan sejauh ini untuk membangunkan kampung-kampung tradisional serta menaik taraf infrastruktur kampung tersebut di daerah Baling sejak tahun 2006-2009. Nyatakan jenis-jenis pembangunan dan senaraikan kampung-kampung yang telah mendapatkan faedah-faedah tersebut.

Jawapan :

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sebagai Kementerian yang meneraju program-program pembangunan luar bandar telah berjaya melaksanakan pelbagai program bagi memajukan masyarakat luar bandar.

Sepanjang tempoh RMKe-9, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai bentuk pembangunan meliputi;

- (i) Pembangunan Modal Insan seperti pendidikan dan latihan kemahiran.
- (ii) Pembangunan Keusahawanan seperti pembinaan infrasruktur dan premis perniagaan.
- (iii) Pembangunan tanah dan wilayah serta penyediaan liputan prasarana asas luar bandar dan utiliti seperti jalan luar bandar dan bekalan air.

(iv) Program peningkatan pendapatan dan pembangunan ekonomi bagi memacu ekonomi masyarakat luar bandar. Di daerah Baling khususnya, pelbagai program/ projek berkenaan telah dilaksanakan oleh KKLW dan melalui agensi KKLW seperti JHEOA, MARA dan KEDA.

Berikut adalah senarai kampung di Daerah Baling iaitu 10 buah Desa KEDA, 110 buah kampung tradisional dan 4 buah taman perumahan/pekan kecil yang telah mendapatkan manfaat seperti berikut:

**SENARAI TERPERINCI KAMPUNG DI DAERAH
BALING YANG MENDAPAT FAEDAH DARI
PROGRAM RMKE-9 KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH DI BAWAH
BAHAGIAN INFRASTRUKTUR (BI), MARA, JHEOA
DAN KEDA**

BIL.	BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI	NAMA PROGRAM/ PROJEK	SENARAI NAMA KAMPUNG
1	JHEOA	Projek tanaman getah	Lubuk Legong, Baling (Dilaksana oleh RISDA)
2	MARA	MRSM Baling	Lot 9892, Kg. Serai, Jalan Baling/ Kupang Mukim Pulai, Baling
		GIATMARA Baling	Jalan Charok Nau, Baling
		Pembelian Rumah Kedai Kupang	Lot 32,33,34,35 & 36, Rumah Kedai Kota Baling Jaya, Baling
3	BI (JALB)	Membina Jalan Ulu Legong/ Weng Dalam/ Tanjung Pari	Kg. Lalang, Kawasan Tanjung Pari dan Kawasan Weng Dalam.
		Naik taraf Jalan KM 18, Jalan Baling/ Weng Ke Jalan Legong/ Tanjung Pari, Siong	Kg. Surau
		Membina Jalan Kg. Lubok Batu/ Kg. Tebing Tinggi, Kupang	Kg. Charok Gorok, Kg. Asam Jawa, Kg. Charok Kelian, Kg. Tebing Tinggi, Kg. Lubok Batu dan Kg. Sirako.
		Naik taraf Jalan Pertanian Kg. Carok, Sik, Mukim Pulai	Kg. Charok Kelian, Kg. Charok Kelian Hulu dan Kg. Asam Jawa
		Naik taraf Jalan Baru dari Kg. Tas/ Kg. Padang,	Kg. Tas dan Kg. Padang

BIL.	BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI	NAMA PROGRAM/ PROJEK	SENARAI NAMA KAMPUNG
		Kupang	
		Naik taraf Jalan Kuala Menora/ Kg. Guar Chempedak/ Kg. Padang Kiri, Teloi Kanan	Kg. Pak Kuning, Kg. Kuala Menora dan Kg. Padang Kiri
		Membina dan menyiapkan Jalan Baru dari Simpang Merbau Pulas ke Kuala Bakong, Bakai	Kg. Kuala Bakong
		Membina dan menyiapkan Jalan Kg. Batas, Jenalik ke Kg. Guar Arang, Kubang Pasu	Kg. Batas dan Kg. Guar Arang
		Jalan Ulu Legong/ Weng Dalam/ Tanjung Pari (NKRA)	Kg. Ulu Legong
		Naik taraf jalan dari Kuala Menora - Kg. Guar Chempedak - Kg. Padang Kiri, Teloi Kanan (NKRA)	Kg. Guar Chempedak dan Kg. Padang Kiri
4	BI (BALB)	Pemasangan Paip Baru Saiz : 180mm. Dia - 1500M panjang Kg. Setul Tembak 'B'	Kg. Setul Tembak 'B'
		Sistem air telaga pam di Kg. Teluk Petata (Mukim Kupang)	Kg. Teluk Petata

BIL.	BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI	NAMA PROGRAM/ PROJEK	SENARAI NAMA KAMPUNG
		BALB Kg. Batu 8, (Mukim Siong)	Kg. Batu 8
		BALB Kg. Sungai Tawar (Mukim Tawar)	Kg. Sungai Tawar
		BALB Kg. Padang Pulai	Kg. Padang Pulai
		BALB Kg. Tembak B	Kg. Tembak B
		BALB Kg. Pantai Chichak	Kg. Pantai Chichak
		BALB Kg. Becah Sawa, Jalan Kubur	Kg. Becah Sawa, Jalan Kubur
		BALB Kg. Caruk Bemban Dalam	Kg. Caruk Bemban Dalam
		BALB Kg. Caruk Besar	Kg. Caruk Besar
		BALB Kg. Padang Besar	Kg. Padang Besar
		BALB Kg. Kuala Kuli	Kg. Kuala Kuli
		BALB Kg. Lesong	Kg. Lesong
		BALB Kg. Seberang Ketil	Kg. Seberang Ketil
		BALB Kg. Tembak A	Kg. Tembak A
		BALB Kg. Belida (Kawasan Sebelah Kiri Sahaja)	Kg. Belida (Kawasan Sebelah Kiri Sahaja)
5	KEDA	Pemulihan Sawah Terbiar - Kawasan Terpencil	Kg Iboi, Kg Landak, Kg Parit Panjang, Kg Sadek, Kg Banggol Enggok, Kg Bukit Legong dan Kg Bukit Tinggi

BIL.	BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI	NAMA PROGRAM/ PROJEK	SENARAI NAMA KAMPUNG
		Projek Peningkatan Petani Kedah	Kg Charok Kapas, Kg Sadek, Kg Rambong, Kg Ulu Bakai, Kg Kemangi, Kg Banggol Petai, Kg Batu 8, Kg Bandar, Kg Padang Lengkuas, Kg Sri Pulai, Kg Kejai, Kg Bendang Pecah, Kg Charok Kangar, Kg Charok Kemian, Kg Ekor Padang, Kg Kuala Nau, Kg Tanjung Merbau, Kg Batu 60 (Jln Weng), Kg Banggol Wan Mat (A), Kg Padang Che Mas, Kg Paya Besar, Kg Bukit Hijau, Kg Charok Bunting, Kg Simpang 4 Rancangan, Kg Charok Sikin, Kg Banggol Lahar, Kg Sg Tembak Parit Panjang, Kg Bakar Bata (Bongor), Kg Bawah Gunung, Kg Jerai, Kg Telok Teduri, Desa KEDA Ulu Bakai, Kg Banggol Cicar, Kg Lubok Batu, Kg Tok Salam, Kg Charok Kelubi, Kg. Gua Reban dan Kg. Lubuk Kabu.
		Projek Tanaman Sawit	Kg. Rambong dan Kg. Charuk Kelubi
		Infrastruktur Pertanian	Kg. Charuk Kelubi, Kg. Telok Teduri, Kg. Charuk Bunting, Batu 8, Tg.Pari, Kg. Keledang, Kg. Telok Perah, Kg. Iboi dan Kg. Ulu Bakai
		Projek Ekonomi	Kg. Sadek, Kg. Iboi, Kg. Selarong, Kg. Bendang Becah, Kg. Kemangi, Kg. Banggol Petai, Kg. Ulu Legong, Desa KEDA Ulu Legong, Desa KEDA Ulu Bakai dan Desa KEDA Sadek

BIL.	BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI	NAMA PROGRAM/ PROJEK	SENARAI NAMA KAMPUNG
		Bantuan Permulaan Perniagaan Kecil	Kg.Teluk Teduri
		Pembangunan Wanita	Kg. Teloj Timur, Kg.Tiak, Kg. Siput, Kg. Landak dan Pekan Parit Panjang
		Projek-projek Ekonomi	Desa KEDA Ulu Legong, Desa KEDA Bandar, Desa KEDA Banggol Petai, Desa KEDA Batu 8, Kg Bkt.Iboi, Kg Banggol Wan Mat, Kg Rambong, Desa KEDA Teluk Teduri, Tmn Sri Baling, Desa KEDA Keledang, Kg Ceruk Putih, Desa KEDA Kemangi,Desa KEDA Ulu Bakai, Kg Siput, Desa KEDA Sadek, Kg Machang Bubuk, Kg Bkt Rawa, Kg Landak Belukar Palas, Kg Banggol Rumia, Kg Sadek, Kg Teluk Teduri, Kg Ulu Bakai, Kg Bkt Tawar, Kg Mak Lah, Kg Bkt Terabak, Kg Bkt Tinggi, Kg Lalang, Kg Bechah Sawa, Kg Bendang Padang, Kg Masjid Tiak, Kg Bt.8, Kg Kuala Menora, Kg Tg Luas, Kg Gua Reban, Kg Charuk Kemian, Kg Sri Ketenga, Kuala Pegang, Batu 42,Kg Bkt Hijau, Batu 48 Bongor, Kg Ulu Pulai, Kg.Masjid, Kg Pdg Pulai, Kg Tnjg Pari, Tmn Desa Mawar, Kg Cerok Selang, Kg. Telok Pendiat
		Latihan Projek-Projek Ekonomi dan Kemahiran	Desa KEDA dan Kampung-Kampung luar dalam daerah baling

BIL.	BAHAGIAN/ JABATAN/ AGENSI	NAMA PROGRAM/ PROJEK	SENARAI NAMA KAMPUNG
		Projek Mobilisasi dan Perkhidmatan Sosial	Desa KEDA Batu 8, Desa KEDA Ulu Legong, Desa KEDA Bandar, Desa KEDA Banggol Petai, Desa KEDA Teluk Teduri, Desa KEDA Sadek, Desa KEDA Kemangi, Desa KEDA Ulu Bakai, Desa KEDA Keledang
		Pembangunan Keluarga dan Kanak-kanak	Desa KEDA Batu 8, Desa KEDA Ulu Legong, Desa KEDA Bandar, Desa KEDA Banggol Petai, Desa KEDA Teluk Teduri, Desa KEDA Sadek, Desa KEDA Kemangi, Desa KEDA Ulu Bakai, Desa KEDA Keledang
		Pembangunan Pelajar dan Remaja	Desa KEDA Batu 8, Desa KEDA Ulu Legong, Desa KEDA Bandar, Desa KEDA Banggol Petai, Desa KEDA Teluk Teduri, Desa KEDA Sadek, Desa KEDA Kemangi, Desa KEDA Ulu Bakai, Desa KEDA Keledang
		Projek Pembangunan Institusi	Desa KEDA Batu 8, Desa KEDA Ulu Legong, Desa KEDA Bandar, Desa KEDA Banggol Petai, Desa KEDA Teluk Teduri, Desa KEDA Sadek, Desa KEDA Kemangi, Desa KEDA Ulu Bakai, Desa KEDA Keledang

SOALAN NO. (469)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
(BALING)**

SOALAN :-

Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB (BALING) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan Kerajaan bercadang untuk mengenakan peraturan supaya *cyber cafe* di seluruh Negara tidak beroperasi pada hari Jumaat atau sekurang-kurangnya pada waktu Jumaat agar tidak melekakan pengguna-pengguna Muslim daripada menunaikan solat Jumaat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian ini tidak menetapkan sebarang dasar ataupun peraturan agar *cyber cafe* tidak beroperasi pada hari Jumaat kerana had masa operasi bagi setiap perniagaan ditetapkan oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berdasarkan Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian masing-masing.

Namun sebagai panduan untuk semua PBT, Kementerian ini telah menyediakan “*Garis Panduan Pengawalan Perniagaan Pusat Siber dan Cyber Cafe*” pada tahun 2003 sebagai dokumen asas kepada semua PBT untuk membendung aktiviti kurang sihat di premis perniagaan pusat siber dan *cyber cafe*. Garis panduan tersebut merangkumi kawalan ke atas:

- (i) aktiviti yang dibenarkan;
- (ii) masa operasi;

- (iii) had umur pengunjung;
- (iv) lokasi perniagaan yang dibenarkan;
- (v) larangan penjualan minuman keras dan rokok;
- (vi) penyediaan butiran pelanggan; dan
- (vii) aspek kebersihan premis.

Melalui garis panduan dan undang-undang sedia ada ini, Kementerian percaya bahawa usaha untuk menangani masalah penyalahgunaan pusat siber dan *cyber cafe* dapat dilaksanakan dengan berkesan sekiranya PBT mengambil tindakan penguatkuasaan yang efisien dan efektif.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Disember 2010

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2010**

No : 470

**INPUT PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN BUKAN LISAN
Daripada : Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling]
Tarikh Menjawab : 11 Oktober 2010 (Isnin)
Soalan : [No. 477]

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi menyatakan langkah-langkah tindakan yang akan diambil terhadap pembeli-pembeli getah berlesen di kampung-kampung yang didapati harga-harga yang tidak selaras di antara satu sama lain yang boleh menyebabkan pekebun-pekebun kecil teraniaya.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Harga getah yang tidak selaras di antara pekebun kecil adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti kualiti getah yang dihasilkan, kandungan getah kering dalam getah mentah yang dijual dan jarak atau lokasi kebun.

Sebagai usaha Kerajaan untuk memastikan pekebun kecil menerima harga yang berpatutan, LGM sentiasa menjalankan langkah-langkah berikut:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2010**

- i. mewajibkan pembeli getah berlesen untuk memamerkan harga getah yang ditawarkan kepada pekebun kecil pada setiap aktiviti pembelian yang dijalankan;
- ii. menjalankan bengkel dan seminar kepada pembeli-pembeli getah berlesen yang bertujuan meningkatkan kesedaran kepada pelesen untuk menawarkan harga yang adil, munasabah dan berpatutan mengikut harga pasaran yang dikeluarkan oleh LGM;
- iii. menjalankan pemeriksaan berkala terhadap Buku Akaun "Getah di Beli dan di Jual" yang dimiliki oleh setiap pelesen. Pemerikasaan dijalankan di premis-premis penguatkuasa LGM di seluruh Malaysia; dan
- iv. melengkapkan premis-premis jual-beli getah dengan mesin *Rapid Dry Rubber Content* yang mampu menentukan secara cepat dan tepat akan kandungan getah kering yang terkandung dalam getah mentah yang dijual oleh pekebun kecil.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA

SOALAN : NO. 471

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan golongan mahasiswa turut diberikan hak untuk berpolitik seperti mana hak yang diberikan kepada guru bergred 41.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak bercadang untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) bagi membenarkan pelajar menjadi ahli mana-mana parti politik. AUKU baru sahaja dipinda dan berkuatkuasa sejak 1 Februari 2009 telah mengambil pendekatan positif (*positive approach*) dengan membenarkan para mahasiswa melibatkan diri di dalam mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar secara sihat.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]**

SOALAN :

TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Sivil/Syarak yang telah memainkan peranan besar membuat undang-undang dan peraturan mengenai Islam. Apakah keistimewaan atau imbuhan yang diberikan kepada ahli jawatankuasa teknikal ini dan adakah cadangan jawatankuasa ini dibuat secara sepenuh masa.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-32 pada 12 Februari 1988, Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Mengkaji Undang-Undang Syarak dan Sivil di peringkat Persekutuan di Negara ini. Bagi menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan, dalam mesyuarat pertama Jawatankuasa itu, suatu Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil telah ditubuhkan oleh Jawatankuasa itu khusus untuk membantu Kerajaan menggubal model undang-undang Islam bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman di seluruh Negara. Selain itu, ia juga membantu memperkemas dan memantapkan pentadbiran undang-undang Islam sedia ada.

Pada masa ini, Kerajaan hanya memberikan imbuhan kepada anggota Jawatankuasa yang berkhidmat di sektor swasta sahaja. Tindakan ini adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2009. Menurut Pekeliling Perbendaharaan itu, bayaran elaun dan kemudahan boleh diberikan kepada mana-mana anggota sektor swasta yang menghadiri mesyuarat jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan berdasarkan sesuatu Akta/keputusan Jemaah Menteri/keputusan Menteri atau jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh jawatankuasa berkenaan. Elaun dan kemudahan tersebut meliputi

Elaun Menghadiri Mesyuarat, kos makan minum dan penginapan, elauan tuntutan perjalanan serta kemudahan tambang tiket penerbangan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil 3 Tahun 2009 tersebut.

Bagi anggota perkhidmatan awam dan Negeri yang menganggotai Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil seperti Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pegawai undang-undang, tiada apa-apa imbuhan diberikan kepada mereka. Perkhidmatan yang diberikan oleh mereka selama ini adalah secara sukarela. Sungguhpun begitu, Kerajaan tetap menanggung kos penginapan dan makan minum bagi semua anggota Jawatankuasa yang menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil tersebut .

Dalam hal ini, usaha sedang dibuat oleh Kerajaan untuk menaik taraf status Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil. Ini bagi memastikan setiap cadangan pindaan dan penyeragaman undang-undang yang dicadangkan oleh Jawatankuasa itu akan dihormati dan supaya usaha-usaha pembangunan dan penyeragaman undang-undang Islam dapat diteruskan dengan berkesan di Negara ini. Selain itu, Kerajaan juga sedang mempertimbangkan untuk memberikan ganjaran emolumen yang sewajarnya kepada anggota Jawatankuasa tersebut, setimpal dengan peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh anggota Jawatankuasa itu .

NO. SOALAN: 479

Mengenai cadangan supaya Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil itu dibuat secara sepenuh masa, perkara ini sedang diperhalusi oleh Kerajaan dan banyak faktor yang perlu diberi pertimbangan oleh Kerajaan. Pada masa ini, kebanyakan anggota yang menganggotai Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil itu adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan sektor Kerajaan secara sepenuh masa.

No. 473

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **Y.B TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA**
 [BACHOK]
NO. SOALAN : **480**

TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan mekanisme pemantauan yang telah dilakukan selepas kerajaan menaikkan harga barang keperluan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Beberapa tindakan telah dan sedang dilaksanakan bagi memastikan barang keperluan asas tidak dinaikkan sesuka hati oleh para peniaga, antaranya:

- i. mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan ke atas harga barang di seluruh negara termasuk premis-premis menjual makanan sedia masak bagi menentukan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga berikut dengan kenaikan harga barang-barang keperluan asas;
- ii. pemantauan secara berterusan oleh Bahagian Penguatkuasa, KPDNKK ke atas 573 barang dan 60 perkhidmatan melalui 81

- pusat pungutan di seluruh negara. Pemantauan setiap minggu dibuat di pasar awam, kedai runcit, pasar raya dan *hypermarket* bagi mengesan pergerakan harga dan mengambil tindakan menstabilkan harga;
- iii. Menetapkan harga runcit ke atas beberapa barang kawalan secara pentadbiran melalui persetujuan di antara pihak industri dan KPDKKK. Sebarang perubahan harga barang ini perlu mendapat kebenaran daripada KPDKKK;
 - iv. Menetapkan harga barang secara undang-undang di peringkat borong dan runcit di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Pada masa sekarang gula pasir putih bertapis halus dan kasar serta topeng muka (pembedahan/perubatan) diwartakan sebagai barang harga terkawal dan harga maksimum ditetapkan;
 - v. Melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) pada musim-musim perayaan utama iaitu Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai;
 - vi. Mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan runcit di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993 bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga sebelum membeli barang berkenaan; dan
 - vii. Mengadakan program kesedaran pengguna dan peniaga bagi meningkatkan kesedaran terhadap hak serta peranan masing-masing di dalam menangani isu kenaikan harga barang.

Kerajaan mengawal harga sebilangan barang sahaja secara undang-undang di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Permintaan dan penawaran ke atas barang masih merupakan unsur utama dalam penentuan harga

sesuatu barang di pasaran di samping faktor kos yang mempengaruhi termasuklah kenaikan harga bahan-bahan input.

NO. AUM : ~~481~~ 474

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA

TARIKH :

RUJUKAN : 3208

SOALAN :

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa (Bachok) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan tahap keselamatan depoh tahanan imigresen.

JAWAPAN :

Tuan yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, Kementerian telah mengambil langkah-langkah *corrective* dan *preventive* (dengan izin) untuk meningkatkan tahap keselamatan depot tahanan. Antara langkah-langkah *preventive* ialah menubuhkan Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Pengurusan Depot di peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh KSU dan ahli-ahlinya terdiri dari TKSU-TKSU, PDRM, Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen, JPAM dan Rela.

Kementerian juga telah membentuk mekanisma baru secara bersepadu dalam menguruskan depot-depot iaitu aspek keselamatan dan kawalan dengan mendapat kepakaran dari Jabatan Penjara, kawalan keselamatan luaran menggunakan khidmat pegawai dan anggota Rela, dokumentasi dan rekod oleh Jabatan Imigresen, pasukan polis sebagai *liaison officer* (dengan izin) yang akan memberikan bantuan sekiranya berlaku rusuhan dan kecemasan sementara Jabatan Pertahanan Awam Malaysia akan menyediakan khidmat rawatan perubatan awal sekiranya diperlukan. Selain dari itu Kementerian juga telah menubuhkan secara pentadbiran Jabatan Pengurusan Depot.

Sementara langkah-langkah *preventive* pula adalah menumpukan kepada membaikpulih bangunan-bangunan lama dan pemasangan pagar yang mempunyai ciri-ciri kawalan yang berkesan, memantapkan *Standard Operating Procedure* dan juga meningkatkan tahap profesionalisma pegawai dalam menjalankan tugas mereka.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
[BACHOK]**

SOALAN:

TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pandangan Kerajaan mengenai hal ehwal jenayah Syariah, sama ada ia terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan atau bidang kuasa negeri. Bagaimanakah kedudukan enakmen jenayah syariah negeri-negeri yang telah digubal sebelum merdeka lagi. Bilakah Akta Bidang Kuasa Jenayah (mahkamah syariah) 1984 hendak dipinda bagi memberi hukuman yang lebih kepada pesalah syariah.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Fasal (2) Perkara 74 dibaca bersama Butiran 1 bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa untuk membuat undang-undang mengenai hal ehwal jenayah Syariah terletak pada Badan Perundangan Negeri. Bidang kuasa membuat undang-undang mengenai hal ehwal jenayah syariah bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya pula terletak pada Parlimen Malaysia berdasarkan Fasal (1) Perkara 74 yang dibaca bersama Butiran 1 bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan serta Butiran 4(k) dan 6(e) bagi Senarai Persekutuan dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu, mengikut Fasal (1) Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan, kuasa eksekutif Negeri meliputi hal ehwal jenayah syariah bagi Negeri-Negeri yang berkenaan manakala kuasa eksekutif Persekutuan pula merangkumi hal ehwal jenayah syariah bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Selain itu, seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] turut memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar kes berkaitan dengan jenayah syariah seperti yang berikut:

“Mahkamah Syariah yang ditubuhkan dengan sempurnanya di bawah mana-mana undang-undang dalam sesuatu Negeri dan diberi bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganuti agama Islam dan berkenaan dengan mana-mana perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai II bagi Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah dengan ini diberi bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam oleh orang-orang yang menganuti agama tersebut yang boleh ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis:”.

Oleh yang demikian, hal ehwal jenayah syariah terletak di bawah bidang kuasa Negeri kecuali mengenai hal ehwal jenayah syariah bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan.

Berhubung dengan undang-undang jenayah syariah Negeri yang digubal sebelum merdeka, pemakaian undang-undang jenayah syariah itu adalah tertakluk kepada apa-apa pindaan atau penggubalan undang-undang baru yang berkaitan dengan undang-undang jenayah syariah. Dalam hal ini, apabila sesuatu Negeri menggubal Akta atau Enakmen kesalahan jenayah syariah yang baru, segala peruntukan berkaitan dengan kesalahan jenayah syariah yang digubal sebelum itu adalah terbatal dan tidak lagi mempunyai kuat kuasa undang-undang.

Sekian, terima kasih.

NO: 476

SJ.B/(TULIS)/(3)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 11.10.2010 – 15.12.2010

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penangguhan projek pembangunan Tapak Ekspo Seberang Jaya, Pulau Pinang yang sepatutnya dilaksanakan di bawah RMK-9. Apakah yang telah berlaku dengan peruntukan RM9 juta dan kontraktor bagi projek berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Senarai projek pembangunan yang diluluskan di Pulau Pinang di bawah RMK-9 adalah seperti berikut:

Bil	Nama Projek	Siling Peruntukan (RM)	Jumlah telah dikeluarkan (RMK-9)
i)	Projek Indoor Archade & Seafood Centre di Batu	6 juta	1,560,671.00

Bil	Nama Projek	Siling Peruntukan (RM)	Jumlah telah dikeluarkan (RMK-9)
	Kawan (dalam bentuk pinjaman)		
ii)	Projek Pembangunan Kedai Desa Batu Kawan (dalam bentuk geran)	1.23 juta	1,229,964.00
Jumlah		RM 7.23 juta	RM2,790,635.00

2. Berdasarkan kepada kekangan kewangan, Kerajaan mengambil tindakan menangguhkan beberapa projek pembangunan termasuk projek pembangunan Tapak Ekspo Seberang Jaya, Pulau Pinang dan pelaksanaan projek adalah bergantung pada keutamaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah peranan dan insentif Kerajaan untuk mengiktiraf graduan UEC dalam negara. Berapakah jumlah tenaga mahir berkelulusan UEC yang telah berhijrah ke luar negara mengikut kepakaran.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) masih tidak mengiktiraf sijil Gabungan Sekolah Cina (UEC) kerana persijilan peperiksaan sekolah tersebut bukan dikendalikan oleh KPM, dan kurikulum pendidikan yang dijalankan di sekolah tersebut tidak menggunakan Kurikulum Kebangsaan. Sijil UEC dikeluarkan oleh Sekolah-sekolah Persendirian Cina (di bawah kategori institusi pendidikan swasta). Sekolah-sekolah ini menggunakan bahasa mandarin sebagai bahasa pengantar utama dan menggunakan kurikulum yang disediakan sendiri yang tidak selari dengan kurikulum kebangsaan seperti yang terdapat di dalam Akta Pendidikan 1996.

Walau bagaimanapun, berdasarkan ucapan penggulungan pembentangan RMKe-10 oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Jun 2010 telah menyatakan bahawa bagi memenuhi keperluan guru Bahasa Mandarin di Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan, lulusan UEC yang telah memiliki Sijil SPM sebelumnya akan diberi pertimbangan untuk mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru bagi program Bahasa Cina.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
KAWASAN : BAGAN
NO. SOALAN : 485

Y.B. Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah jangka masa pendek dan panjang yang akan diambil oleh MITI untuk memperbaiki kedudukan Malaysia yang jatuh dari tangga 24 hingga 26 ekoran laporan Global Competitiveness Report 2010 baru-baru ini.

JAWAPAN

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bersama agensi-agensi di bawahnya akan memantau dan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi prestasi daya saing negara. Antara langkah-langkah yang diambil di peringkat kementerian dan agensi-agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

a) Jangka Masa Pendek

- Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) sebagai rakan institusi kepada *World Economic Forum* (WEF) akan meneruskan usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai insiatif-insiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan yang bersangkutan dengan isu-isu daya saing kepada sektor awam dan swasta di Malaysia melalui seminar, persidangan, penerbitan serta kenyataan media.
- Bekerjasama rapat dengan agensi-agensi yang membekalkan data kepada organisasi-organisasi antarabangsa bagi memastikan supaya data yang dibekalkan adalah konsisten dengan piawaian antarabangsa.
- Meningkatkan lagi penglibatan dengan agensi-agensi penarafan antarabangsa bagi membincangkan mengenai metodologi yang digunakan agar ia dapat mencerminkan kedudukan Malaysia yang sebenar.

- Kerajaan juga mengambil langkah-langkah segera dalam mempertingkatkan perlaksanaan program transformasi supaya hasilnya dapat dirasai dalam jangka masa terdekat.

b) Jangka Masa Panjang

- Kerajaan juga memberi fokus kepada sektor utama melalui Aktiviti Utama Ekonomi Nasional (NKEA) iaitu bidang di mana ekonomi negara mempunyai potensi untuk terus maju ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Di samping itu, usaha-usaha turut dilaksanakan untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing dan tempatan untuk terus melabur di Malaysia termasuk di Koridor Wilayah melalui misi perdagangan dan pelaburan, misi projek spesifik dan seminar pelaburan tempatan. Kerajaan akan mengambil pendekatan berfokus ataupun *targeted approach* dengan sasaran untuk menarik syarikat-syarikat terkemuka khususnya dalam sektor berteknologi tinggi untuk melabur di Malaysia.

- Pihak kerajaan memberi penekanan dalam memperkuuhkan pembangunan enterpis kecil dan sederhana (EKS) sebagai sumber pertumbuhan ekonomi terutamanya yang mempunyai potensi inovasi yang tinggi. Selain itu, Kumpulan Fokus (*focus group*) telah diwujudkan untuk mengkaji bidang-bidang seperti menguatkuasakan kontrak, perdagangan rentas sempadan, pendaftaran harta tanah dan penutupan perniagaan. Hasilnya, banyak kejayaan telah dicapai di dalam aspek untuk mempermudahkan lagi prosedur, masa dan kos berkaitan urusan-urusan tersebut.
- Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan, memperkenalkan sasaran prestasi, mengurangkan karenah birokrasi (*red tape*) dalam membuat keputusan serta meningkatkan ketelusan dan tadbir urus yang tinggi. Pada masa yang sama pihak swasta juga berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara.
- Kerajaan memberikan penekanan dan tumpuan ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi menarik lebih ramai pelabur asing dan tempatan

memulakan atau menambah operasinya dan seterusnya memperkasakan daya saing ekonomi negara. Selaras dengan itu, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang dianggotai oleh sektor awam dan swasta sepanjang dua tahun penubuhannya telah mempergiatkan usaha mengenalpasti bidang-bidang dan inisiatif-inisiatif penambahbaikan ke arah meningkatkan kecekapan perniagaan.

- Pihak kerajaan juga akan terus membantu menyediakan persekitaran perniagaan yang *pro-business*, mempermudahkan peraturan dan perundangan perniagaan, mengkaji dan menawarkan insentif-insentif perniagaan yang menarik dalam usaha untuk mempertingkatkan pelaburan asing dan tempatan di Malaysia.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS (2010)**

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **Y.B. Tuan Lim Guan Eng**
 [Bagan]
TARIKH : **-**
SOALAN : **479**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah perbelanjaan geran penyelidikan dari tahun 1990 hingga Jun 2010 berbanding dengan GDP. Apakah kebaikan kepada pembangunan sains negara dan kos yang telah dibelanjakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil daripada Kajian Penyelidikan dan Pembangunan Kebangsaan yang dijalankan setiap dua tahun oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), adalah didapati bahawa jumlah perbelanjaan R&D (GERD) per keluaran dalam negeri kasar (GDP) bagi tahun 1992 hingga 2008 adalah seperti berikut 1992 (0.36%), 1994 (0.31%), 1996 (0.22%), 1998 (0.39%), 2000 (0.5%), 2002 (0.69%), 2004 (0.63%), 2006 (0.63%) dan 2008 (0.24%).

Usaha Kerajaan bagi memperkasa bidang R&D negara melalui peruntukan dana dan insentif kepada penyelidik telah menampakkan hasil yang memberangsangkan terhadap pembangunan sains, teknologi dan inovasi (STI) negara.

Sebagai contoh bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-9, MOSTI telah memperuntukkan dana sebanyak RM 2.934 bilion bagi membiayai 4,518 projek R&D. Sehingga 15 September 2010, sebanyak 2,346 (51.9%) berjaya disiapkan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 264 projek (11.3% daripada projek siap) berjaya dikomersialkan dengan hasil jualan sebanyak RM 3.10 bilion. Projek-projek R&D RMKe-9 MOSTI juga berjaya menghasilkan sejumlah 1,211 harta intelek merangkumi paten (546), hak cipta (416), cap dagangan (222) dan reka bentuk industri (27). Aktiviti R&D yang dilaksanakan turut mengeluarkan 9,421 modal insan (Diploma – 489, Ijazah Sarjana Muda (BSc) – 4,684, Sarjana (MSc)– 2,916, Ijazah Falsafah (PhD)– 1,300, Ijazah Lanjutan (PostDoc)– 32) dan menyediakan sebanyak 10,453 peluang pekerjaan kepada personel R&D.

Selain itu, aktiviti R&D yang aktif di Malaysia juga telah menyumbang ke arah peningkatan terbitan saintifik dalam bidang STI negara. Kajian Bibliometrik 2008 MOSTI menunjukkan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, sebanyak 8,851 hasil terbitan telah dihasilkan oleh saintis Malaysia yang lebih tinggi berbanding 5,859 terbitan pada RMKe-8 dan 3,995 bagi sepanjang tempoh RMKe-7.

Usaha Kerajaan dalam meningkatkan minat dan kesedaran masyarakat awam terhadap bidang STI juga menampakkan hasil di mana semakin ramai berpandangan bahawa bidang STI membawa kesan positif terhadap kehidupan harian. Kajian Kesedaran Awam 2008 menunjukkan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap STI iaitu dari 45.3 % pada tahun 1998 kepada 62.0% (2002) dan seterusnya 73.8% (2008). Peningkatan ini menunjukkan pelaburan Kerajaan terhadap bidang R&D memberikan kesan dan impak yang amat positif bukan sahaja kepada komuniti STI, tetapi juga masyarakat awam di Malaysia secara amnya.

SOALAN NO.: 480

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]

SOALAN :

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menaik taraf kawasan perindustrian Bayan Lepas di dalam tempoh 1995-2010 dan untuk 2010-2015. Berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan berbanding kawasan-kawasan perindustrian lain di Malaysia.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf jalan di dalam kawasan perindustrian di seluruh Malaysia seperti di Bayan Lepas, Seberang Perai dan Pasir Gudang terletak di bawah bidang kuasa *Malaysian Industrial Development Authority* (MIDA), iaitu agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya terlibat dan bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan di jalan-jalan utama ke kawasan perindustrian, termasuk di Bayan Lepas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 3 jalan industri yang menghubungkan Bayan Lepas dengan kawasan-kawasan di sekitarnya, iaitu seperti berikut:

1. FT3113 : Jalan Pesisiran Pantai (Lebuhraya Bayan Lepas) sepanjang 10.2 kilometer;
2. FT3114 : Jalan Kampung Jawa sepanjang 1.58 kilometer; dan
3. FT3115 : Jalan Mayang Pasir sepanjang 2.2 kilometer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan sebanyak RM3.02 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin dan penyenggaraan berkala di ketiga-tiga jalan industri tersebut.

Manakala dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kementerian Kerja Raya mencadangkan peruntukan sebanyak RM5.68 juta bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf jalan industri di Bayan Lepas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebagai perbandingan peruntukan yang dibelanjakan di kawasan perindustrian lain, sebagai contohnya di Kawasan Perindustrian Glenmarie, Selangor, Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan sebanyak RM0.73 juta dalam tempoh RMKe-9 bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin dan penyenggaraan berkala di jalan industri (FT3213) sepanjang 5.6 kilometer di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]

SOALAN : Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan PEMANDU yang mengendalikan agenda NKRA dan NKEA berbanding dengan agensi-agensi pelaksanaan di bawah naungan kementerian-kementerian. Bagaimanakah pertindihan dalam pelaksanaan di antara kedua-dua institusi ini boleh diatasi di dalam RMKe-10.

JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Tujuan utama dan objektif PEMANDU adalah untuk meninjau dan memantau implementasi, bantu mempercepatkan penyelarasan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), menyediakan kemudahan dan juga sokongan bagi pelaksanaan semua Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRAs) dan Bidang Keberhasilan Utama Menteri (MKRAs) dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEAs) oleh Menteri dan Kementerian yang berkenaan, membantu mencari jalan penyelesaian yang cepat terhadap sebarang masalah yang dihadapi oleh program-program transformasi tersebut. Kaedah pengurusan prestasi yang digunakan untuk mencapai hasil-hasil tersebut ialah makmal-makmal di mana pesertanya terdiri daripada sektor awam, swasta dan NGO.

Sementara tanggungjawab penyampaian menyeluruh untuk keberhasilan NKRA, MKRA dan NKEA bergantung kepada Menteri-menteri Peneraju (*Lead Ministers*) yang berkaitan, PEMANDU menjadi pemangkin perubahan yang berani dalam penyampaian sektor awam, menyokong kementerian dalam proses perancangan penyampaian dan menyediakan pandangan yang bebas berkaitan dengan prestasi dan kemajuan kepada Perdana Menteri dan para menteri. Untuk

membolehkan PEMANDU menjalankan tugasnya dengan lebih efektif, sumber manusianya menggabungkan kebolehan yang terbaik dari sektor swasta dan juga perkhidmatan awam.

Tugas-tugas PEMANDU tidak bertindih dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) atau Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang mempunyai fokus mereka yang tersendiri. Peranan utama MAMPU ialah sebagai agensi pusat bagi pemodenan pentadbiran dan transformasi sistem penyampaian Perkhidmatan Awam, khasnya melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

PEMUDAH adalah sebuah jentera kerjasama antara sektor awam dan swasta yang mempunyai peranan utama untuk meningkatkan daya saing Malaysia melalui mengkaji semula status dan mencadangkan penambahbaikan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam dari segi proses, prosedur, undang-undang dan sumber manusia; mempelajari amalan-amalan terbaik dari sektor swasta untuk digunakan oleh sektor awam; memantau pelaksanaan polisi, strategi dan prosedur ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam; dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap isu-isu berkaitan sistem penyampaian

Walau bagaimanapun, sememangnya dalam proses pelaksanaan, adalah perlu sentiasa diusahakan kerjasama dan penyelarasannya di antara agensi-agensi kerajaan supaya mencapai keputusan yang dapat dirasai oleh rakyat, selaras dengan konsep Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 11.10.2010 - 15.12.2010

Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kos konsultansi yang dibayar oleh Khazanah Nasional Berhad untuk semua projek sejak tahun 2003 memberikan butiran dengan nama firma perunding terhadap projek, jumlah dan tarikh.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 2003, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) telah menggunakan khidmat pelbagai perunding luar bagi tujuan runding cara berkaitan pelaburan seperti nasihat perundangan, khidmat juru audit dan perunding kewangan serta runding cara am seperti penambahbaikan sistem operasi dan teknologi maklumat. Bagaimanapun, butiran terperinci mengenai nama-nama firma perunding dan juga jumlah yang dibayar ini tidak dapat dinyatakan kerana ia tertakluk kepada, antara lainnya pertimbangan komersial

dan kerahsiaan (*confidentiality*) yang lazimnya dimeterai antara dua pihak.

2. Bagi runding cara am, peningkatan sistem perakaunan dan proses membentuk sebahagian besar daripada kos penggunaan perunding. Bagi tujuan pelaburan, jumlah perbelanjaan bagi perunding mewakili kira-kira 0.7% jumlah nilai transaksi pelaburan dan penjualan yang dilaksanakan oleh Khazanah di antara tahun 2003 sehingga tahun 2009. Ini adalah jauh lebih rendah daripada kadar pasaran iaitu antara 1% dan 1.5% yang lazimnya dikenakan oleh perunding luar.
3. Penggunaan khidmat runding cara pelaburan adalah penting bagi membantu Khazanah membuat keputusan pelaburan yang tepat. Adalah menjadi amalan terbaik (*best practice*) bagi melaksanakan penilaian berhemah (*due diligence*) daripada segi kewangan dan perundangan sebelum sebarang pelaburan atau pembelian dilaksanakan oleh Khazanah. Adalah amat tidak bertanggungjawab sekiranya sebarang pelaburan atau pembelian dilaksana tanpa penilaian berhemah yang sewajarnya.
4. Perunding yang telah dilantik oleh Khazanah pula terdiri daripada pihak tempatan dan juga asing, yang dipilih berdasarkan kepakaran dan mutu perkhidmatan masing-masing. Khazanah juga mempunyai sistem yang mantap bagi menilai prestasi para perunding serta memberikan maklum balas.
5. Kajian mengenai sektor-sektor ekonomi adalah merupakan bahagian utama dalam mandat pelaburan Khazanah dan

sebahagian besar daripada cadangan penyusunan semula industri perlu melalui kajian yang sewajarnya dan menyeluruh, yang memerlukan penggunaan perunding luar, sebelum Khazanah boleh membuat sebarang cadangan kepada pihak berkuasa dan Kerajaan.

6. Peranan yang dimainkan oleh Khazanah sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG) juga memerlukan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan menanggung kos-kos berkaitan, termasuk penggunaan para perunding luar dalam menyediakan sistem dan panduan amalan terbaik bagi meningkatkan prestasi GLC. Sumbangan para perunding ini telah menjadi antara salah satu input untuk membolehkan GLC-GLC di bawah Program Transformasi GLC meningkatkan prestasi masing-masing. Hasilnya, kumpulan 20 GLC tersenarai terbesar di bawah program tersebut (G-20) telah menunjukkan prestasi memberangsangkan dengan mencatat peningkatan keuntungan bersih agregat sebanyak RM19.3 bilion pada tahun 2007, berbanding RM9.6 bilion yang dicatat ketika Program Transformasi GLC dilancarkan tiga tahun sebelumnya pada tahun 2004.

7. Bagi Khazanah, sumbangan penambahbaikan proses dan penilaian pelaburan yang matang telah menyaksikan nilai bersih diselaraskan (*Net Worth Adjusted*) portfolio Khazanah meningkat daripada RM33.3 bilion pada Mei 2004 kepada kira-kira RM53.8 bilion pada Disember 2009. Prestasi perluburan terkini menunjukkan Khazanah berjaya mencatatkan pertumbuhan nilai

bersih pada kadar kira-kira 13% setahun dalam tempoh enam tahun yang lepas.

SOALAN NO: 483

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN WEE CHOO KEONG
[WANGSA MAJU]
RUJUKAN : 21 [PR-1233-T40571]
SOALAN :

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah penaiktarafan Jalan Genting Klang akan selesai mengikut jadual pada tarikh 18 November 2010 sebagaimana ditentukan dalam kontrak. Jika tidak, apa tindakan yang akan diambil oleh DBKL atau Kerajaan terhadap kontraktor yang lewat melunaskan sebagaimana dalam kontrak.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, kerja-kerja pelebaran sebahagian Jalan Genting Kelang sepanjang 3.2 km dari persimpangannya dengan Jalan Ayer Panas hingga ke persimpangannya di Jalan 1/27A (Wangsa Maju) yang bermula pada 18 Disember 2007 sedang giat dijalankan di tapak.

Sebahagian daripada projek ini, iaitu dari Jalan Usahawan ke Jalan 1/27A (Wangsa Maju), sepanjang 1.7 km telah siap dilebarkan dan dibuka untuk kegunaan orang ramai. Manakala, baki pembinaan sepanjang 1.5 km dari Jalan Ayer Panas hingga ke persimpangannya dengan Jalan Usahawan sedang giat dilaksanakan oleh kontraktor Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Pelebaran Jalan Genting Kelang di bahagian ini melibatkan pengambilan balik tanah dan prosesnya hanya selesai pada bulan Februari 2010. Susulan itu, tapak telah diserahkan kepada kontraktor yang dilantik.

Projek ini telah cuba untuk disiapkan mengikut tarikh jangka siapnya iaitu pada 18 November 2010. Bagaimanapun, pihak kontraktor yang dilantik tidak dapat memenuhi tarikh jangka siap tersebut kerana masalah pengalihan prasarana utiliti oleh

pihak Telekom dan TNB. Sehubungan itu, projek ini dijangka dapat disiapkan pada hujung Disember 2010.

Berdasarkan peruntukan dalam Syarat-syarat Am Kontrak di bawah Fasal 43, kontraktor yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan boleh memohon lanjutan tempoh kontrak. Pertimbangan akan diberikan oleh pihak DBKL sekiranya alasan-alasan yang diberikan munasabah dan boleh diterima. Sekiranya lanjutan tempoh kontraktor tidak layak diberikan, maka Ganti Rugi Tertentu (Liquidated Ascertained Damages) akan dikenakan terhadap kontraktor dengan kadar RM5,500.00 sehari sehingga projek disiapkan (di bawah Fasal 40).

SOALAN NO: 484

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN :

BUKAN LISAN

DARIPADA :

**YB TUAN WEE CHOO KEONG
[WANGSA MAJU]**

RUJUKAN :

22 [PR-1233-T40575]

SOALAN :

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi kesesakan lalu lintas yang tidak henti-henti dan kekurangan ketara ruangan parkir di Kuala Lumpur agar bandaraya menjadi cekap dan bertaraf kelas dunia.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, banyak usaha dan langkah telah diambil oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas dan kekurangan tempat letak kereta di Kuala Lumpur.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah :

- (i) mengadakan sesi retreat bagi membincangkan idea-idea untuk memperkasakan Sistem Pengangkutan Awam dan Sistem Lalu lintas di *Kuala Lumpur Hot Spots*;
- (ii) membina persimpangan-persimpangan bertingkat dan jejambat;
- (iii) menaiktaraf jalan;
- (iv) membina jalan-jalan sambungan;
- (v) melarang kenderaan berat daripada memasuki pusat bandar ketika waktu puncak;
- (vi) mengadakan kerjasama dengan Polis;
- (vii) menggunakan ICT dalam pengurusan trafik; dan
- (viii) mewujudkan Pusat Pengurusan Lalu lintas.

Berhubung dengan ruangan parkir pula, DBKL sentiasa mengkaji keperluan pembinaan tempat letak kereta (TLK) dari semasa ke semasa. Penyediaan TLK adalah berdasarkan kepada perancangan dan pembangunan sesuatu kawasan. Sekiranya terdapat tanah lapang atau ruang yang sesuai dan keperluan yang mendesak, maka DBKL sentiasa bersedia untuk memberi pertimbangan sewajarnya terhadap pembinaan TLK. Namun demikian, warga kota disarankan untuk memperkasakan penggunaan pengangkutan awam bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya dan kekurangan tempat letak kereta di Kuala Lumpur. Dengan menggunakan pengangkutan awam, kesesakan lalu lintas dapat dikurangkan atau diatasi dengan penggunaan kenderaan-kenderaan yang lebih lancar dan pengendali-pengendali pengangkutan awam akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih sempurna dan 'reliable'.

No: 485

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WEE CHOO KEONG
(WANGSA MAJU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan punca kematian pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) semenjak bulan Disember 2003 dan apa tindakan yang diambil untuk mencapai kemalangan sifar bagi peserta dan apakah bagi tujuan untuk menggalakkan persahabatan dan kesefahaman antara pelbagai bangsa berjaya yang dicapai.

JAWAPAN:

Antara punca kematian pelatih-pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) adalah disebabkan jangkitan kuman, leukemia, sawan dan sakit jantung, di mana pelatih-pelatih serta ahli keluarga kadang-kadang tidak menyedari masalah kesihatan yang dialami pelatih sebelum memasuki PLKN.

Bagi memastikan pencapaian kemalangan sifar, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) telah melaksanakan beberapa tindakan susulan. Diantaranya, semua pelatih dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan dan mengistiharkan tahap kesihatan mereka masing-masing. Pelatih yang mempunyai masalah kesihatan yang disahkan oleh doktor akan diberi pengecualian dan penangguhan dari menghadiri PLKN.

Jurulatih yang menguruskan latihan fizikal seperti latihan air dipilih dari kalangan yang mempunyai kepakaran dan memiliki sijil dalam bidang penyelamat di air. Di samping itu, kolam latihan air sentiasa diperiksa bagi memastikan tahap keselamatan dan kebersihan dari bakteria serta perkara-perkara lain terjamin. Kolam tempat latihan air akan ditutup serta merta jika kebersihan airnya tidak mencapai tahap yang ditetapkan.

Disamping itu, kemudahan prasarana di semua kem PLKN sentiasa diperiksa bagi menentukan tahap keselamatan dan kemudahan prasarana adalah selamat untuk diduduki dan digunakan. Pengusaha kem akan diarahkan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan dengan segera terhadap bangunan yang rosak atau menambah baik kemudahan yang didapati kurang memuaskan. Selain itu, JLKN telah mewujudkan Jadual Pematuhan pada tahun 2004 dan Garis Panduan Minimum pada tahun 2007 untuk dipatuhi oleh semua kem-kem PLKN di seluruh Malaysia.

Bagi meningkatkan tahap keselamatan pelatih, JLKN dengan kerjasama NIOSH telah menganjurkan pemeriksaan berkala di semua kem-kem PLKN agar tahap keselamatan sentiasa dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa. Pelaksanaan Pemeriksaan Kendiri oleh Kementerian Kesihatan terhadap kemudahan-kemudahan persekitaran dan sajian makanan juga membantu bagi pencapaian kemalangan sifar.

Pengukuran keberkesanan PLKN turut merangkumi aspek perpaduan dan integrasi di antara pelatih. Sehingga kini, Kajian Persepsi yang melibatkan pengukuran sebelum dan selepas latihan PLKN mencatatkan peningkatan sehingga 85% berdasarkan data yang

diperoleh bagi setiap tahun. Tahun 2009 mencatatkan pencapaian 86.73% manakala tahun 2010 mencatatkan pencapaian 90% bagi peningkatan semangat setiakawan dan integrasi kaum. Hasil pemerhatian dan kajian bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga mendapati PLKN telah berupaya mengukuhkan elemen positif di dalam diri pelatih bagi maksud semangat perpaduan, setiakawan, patriotisme dan jati diri.

No. Soalan: 486

PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK CHUA SOON BUI

[TAWAU]

SOALAN [486] : Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan

(a) apakah penjelasan daripada Pihak Berkuasa Penjara Singapura mengapa beliau (Ahli Parlimen Tawau) dan dua orang emak saudara kepada Yong Vui Kong, seorang banduan hukuman mati yang dijadualkan digantung pada 26 Ogos 2010, telah dinafikan akses melawat Yong pada 23 Ogos 2010 walaupun ada permohonan terlebih awal; dan

(b) sama ada peguam-peguam dan sahabat-sahabat dari Malaysia pernah ditolak atau dilengahkan untuk melawat banduan-banduan Malaysia di penjara Singapura. Apakah tindakan yang diambil Kementerian untuk menyelesaikan masalah tersebut.

JAWAPAN:

1. Pada 23 Ogos 2010, Y.B. Tawau telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan akses bagi melawat En. Yong Vui Kong bersama-sama dengan satu rombongan dari Sabah. Ahli-ahli rombongan ini mengaku mempunyai 'talian persaudaraan' dengan En. Yong Vui Kong. "Talian persaudaraan" yang dimaksudkan di sini adalah sebagai ayah angkat atau ibu angkat (*dengan izin, godfather/godmother*) kepada En. Yong Vui Kong.
2. Mengikut peraturan Penjara Singapura, akses untuk melawat banduan yang telah dijatuhkan hukuman mati hanya diberikan kepada ahli keluarga yang terdekat seperti ibu, bapa, isteri dan anak serta peguam yang mewakili banduan tersebut sahaja.
3. Y.B. Tawau dan dua orang yang mengakui diri mereka sebagai "emak saudara" kepada En. Yong Vui Kong, serta sekumpulan besar yang terdiri daripada individu-individu yang tidak jelas hubungan mereka dengan En. Yong Vui Kong telah dinafikan akses pada hari tersebut untuk berjumpa dengan En. Yong Vui Kong.
4. Namun begitu, kebenaran untuk melawat banduan yang dijatuhkan hukuman mati boleh dipohon oleh waris yang lain. Walau bagaimanapun, kebenaran akses melawat masih tertakluk kepada budi bicara Pihak Berkuasa Penjara Singapura.
5. Untuk makluman, akses pernah diberikan kepada seorang ibu saudara dan bapa saudara En. Yong Vui Kong untuk melawat beliau setelah rombongan yang diketuai oleh Y.B. Tawau dinafikan akses melawat En. Yong Vui Kong.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dibawah peruntukan Konvensyen Vienna bagi Hubungan Konsular 1963, pegawai-pegawai Konsular dari Kedutaan Besar ataupun Suruhanjaya Tinggi Malaysia mempunyai hak dan akses kepada tahanan-tahanan rakyat Malaysia di luar Negara tertakluk kepada persetujuan negara tuan rumah terutamanya hak lawatan konsular. Walau bagaimana pun, pihak NGO, ahli keluarga, dan pihak yang berkepentingan lain tidak diberikan hak tersebut.
7. Kelazimannya, amalan permohonan untuk membuat lawatan konsular terhadap banduan Malaysia dikemukakan oleh Kedutaan Besar / Suruhanjaya Tinggi Malaysia melalui saluran diplomatik kepada Kementerian Luar Negeri, Negara tuan rumah untuk pertimbangan dan kelulusan.
8. Ingin ditekankan sekali lagi, negara tuan rumah mempunyai hak prerogatif untuk memberikan akses kepada ahli keluarga terdekat banduan berkenaan atas dasar kemanusiaan tertakluk kepada jenis kesalahan tahanan rakyat Malaysia tersebut.

NO. AUM : ~~494~~ 487

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH :

RUJUKAN : 3209

SOALAN:

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) senarai nama, jantina serta negara asal banduan-banduan yang dihukum mati akibat bersabit kesalahan mengedar dadah setiap tahun sejak tahun 1990. Dalam tempoh yang sama, berapa orang warganegara Malaysia disabitkan kesalahan yang sama di seberang laut; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula hukuman mati mandatori yang berkenaan memandangkan semakin ramai belia dan wanita yang diperalatkan untuk mengedor dadah sedangkan usahawan-usahawan adalah sentiasa bebas dari tindakan perundangan.

Jawapan:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tawau yang mengemukakan pertanyaan.

- (a) Dimaklumkan statistik Jabatan Penjara Malaysia sejak tahun 1990 sehingga 28 September 2010 menunjukkan seramai 26 banduan warga asing telah menjalani hukuman gantung sampai mati kerana melakukan kesalahan mengedar dadah. Mereka terdiri daripada warga Filipina seramai 8 orang, Hong Kong 8 orang, Nigeria 3 orang, Thai 2 orang, Pakistan 2 orang, Singapura, Indonesia dan Australia masing-masing seorang. Daripada jumlah tersebut hanya seorang banduanita warga asing yang terlibat iaitu warga Filipina. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia pula, daripada tahun 2007 hingga 2010, bilangan warga Malaysia yang ditangkap di luar negara atas kesalahan dadah adalah seramai 509 orang.
- (b) Seterusnya dimaklumkan juga sehingga kini kerajaan belum bercadang untuk membuat pindaan terhadap Seksyen 39 B Akta Dadah Berbahaya yang membawa kepada hukuman mati mandatori jika disabitkan kesalahan di bawah akta tersebut.

NW-488

SJ.B/ (TULIS)(40)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 11.10.2010 – 15.12.2010

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] meminta MENTERI KEWANGAN menyatakan : -

- (a) jumlah cukai yang dibayar secara berlebihan oleh individu dan syarikat setiap tahun sejak tahun 2000 hingga sekarang; dan
- (b) kenapa keadaan yang ternyata dalam (a) boleh berlaku setiap tahun. Bagaimanakah Kementerian dapat mengurangkan bebanan sedemikian yang dipikul oleh individu dan syarikat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah cukai yang dibayar secara berlebihan oleh syarikat dan selain syarikat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi tahun 2000 hingga 17 Oktober 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Syarikat (RM juta)	Selain Syarikat (RM juta)	Jumlah (RM juta)
2000	1,314	719	2,033
2001	1,031	526	1,557
2002	1,035	618	1,654
2003	2,013	533	2,545
2004	3,140	1,710	4,850
2005	2,396	880	3,276
2006	2,313	2,029	4,342
2007	3,897	1,498	5,394
2008	6,596	1,964	8,560
2009	7,995	2,034	10,029
2010*	2,645	1,075	3,720
Jumlah	34,374	13,585	47,960

* Sehingga 17 Oktober 2010

2. Untuk makluman Yang Berhormat, keadaan-keadaan yang menyebabkan cukai terlebih bayar setiap tahun adalah seperti berikut:

- i. Bagi individu yang mempunyai pendapatan penggajian, cukai terlebih bayar berlaku apabila individu tersebut menuntut pelepasan cukai yang tidak diambil kira dalam menentukan potongan cukai oleh majikan di bawah Potongan Cukai Berjadual (PCB). Antara contoh pelepasan cukai yang tidak diambilkira di bawah PCB adalah pembelian buku dan komputer, insurans dan perubatan ibu bapa yang diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967;
- ii. Jumlah cukai yang telah dibayar ke atas pendapatan perniagaan berdasarkan anggaran yang dibuat pada awal tahun adalah lebih tinggi dan syarikat tidak

membuat semakan untuk mengurangkan anggaran cukai untuk diselaraskan dengan jumlah sebenar cukai yang perlu dibayar;

- iii. Pelaksanaan sistem percukaian imputasi sehingga tahun taksiran 2007 dan penyediaan layanan transisional di bawah sistem tersebut sehingga 31 Disember 2013 membolehkan pemegang saham membuat tuntutan pulang balik ke atas cukai pendapatan yang telah dibayar oleh syarikat. Ini kerana cukai pendapatan yang dibayar oleh pemegang saham tersebut adalah lebih rendah daripada kadar cukai pendapatan syarikat.

3. Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan beban pembayar cukai yang terlebih bayar cukai adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan program kalkulator Potongan Cukai Berjadual (PCB) mulai tahun 2009 bagi pembayar cukai individu yang mempunyai pendapatan penggajian untuk membolehkan majikan membuat potongan cukai pendapatan yang lebih tepat;
- ii. Membenarkan pembayar cukai individu yang mempunyai punca pendapatan pernigaan untuk mengemukakan permohonan bagi mengurangkan jumlah anggaran cukai tahun taksiran semasa dengan mengemukakan justifikasi yang kukuh kepada LHDN;

- iii. Mbenarkan syarikat membuat anggaran cukai tahun semasa tidak kurang 85% daripada anggaran cukai tahun sebelumnya. Di samping itu, syarikat juga dibenarkan membuat pindaan anggaran cukai sebanyak dua kali iaitu pada bulan ke-6 dan bulan ke-9 tahun taksiran semasa bagi menyelaraskan dengan jumlah cukai sebenar; dan
- iv. Menggantikan sistem percukaian imputasi kepada sistem percukaian *single tier* mulai tahun 2008. Di bawah sistem percukaian *single tier*, cukai pendapatan syarikat adalah muktamad (*final tax*) dan dividen yang diagihkan kepada pemegang saham adalah dikecualikan daripada cukai. Oleh itu, pulang balik cukai pendapatan tidak berbangkit.

NO. AUM : 489

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH : -

RUJUKAN : 3258

SOALAN:

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) apakah tahap pencapaian KPI di Kementerian-Kementerian khasnya yang berkaitan dengan tugasan mengeluarkan kerakyatan kepada pemohon-pemohon kaum Cina yang sama ada dilahirkan atau berhijrah ke Malaysia sebelum negara merdeka. Apakah pula tempoh bertindak bagi pasukan polis, bomba dan khidmat hospital di Sabah; dan

(b) sama ada pencapaian KPI telah membantu memantapkan lagi tahap keyakinan pasaran (*market confidence*).

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tawau yang mengemukakan pertanyaan.

KPI Kementerian tahun 2010 adalah untuk mencapai 98.5% kadar keputusan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia yang diterima pada tahun 2007 dan 2008.

Status semasa iaitu sehingga 6 Oktober 2010, KDN telah berjaya mencapai 100% KPI di mana kesemua permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi tahun 2007 dan 2008 sebanyak 14,447 berjaya diselesaikan. Usaha ini juga masih diteruskan untuk memproses permohonan yang diterima pada tahun 2009.

MJ-490

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI

SOALAN : NO. 490

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah universiti-universiti Malaysia tidak terangkum di antara 100 universiti terulung di Asia Tenggara, sedangkan Thailand (dengan 41 universiti), Myammar, Indonesia, Filipina dan Singapura boleh mencapainya. Apakah perancangan yang digariskan oleh Kementerian untuk memperbaiki kedudukan universiti kita dalam penandatarafan kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan penarafan Times Higher Education World University Rankings (THE WUR) 2010, tiada universiti daripada Thailand, Burma (Myanmar), Indonesia, Filipina dan Malaysia yang disenaraikan dalam kedudukan 100 universiti terbaik dunia. Hanya sebuah universiti daripada negara di Asia Tenggara yang tersenarai iaitu National University of Singapore di Singapura yang tersenarai dikedudukan ke 34.

Dalam tempoh 2004 hingga 2009, sebanyak lima (5) buah IPT tempatan tersenarai dalam THE-QS WUR, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti

Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Fenomena turun naik kedudukan dalam THE-QS WUR sebenarnya telah menjadi lumrah dan turut dihadapi oleh semua universiti. Sebagai contoh Universiti Yale, USA yang telah turun daripada kedudukan ke-3 pada tahun 2009 kepada kedudukan ke-10 pada tahun 2010. Situasi yang sama juga dihadapi oleh universiti di Asia, sebagai contoh Universiti Chulalongkorn, Thailand yang telah jatuh kepada kedudukan ke-341 pada tahun 2010 berbanding kedudukan ke-138 pada tahun 2009.

Setelah berpisah dengan syarikat Quacquarelli Symonds (QS), penarafan yang dijalankan oleh THE WUR 2010 menghendaki universiti yang terlibat dalam kajian melakukan verifikasi data institusi (*institutional data sign-off*). Ini merupakan satu pendekatan baru yang diambil oleh THE berbanding sebelum ini di mana QS selaku pembekal data THE melakukan pemeriksaan dan verifikasi data secara rawak ke atas institusi yang terlibat dalam penarafan.

Kelima-lima IPTA bertaraf Universiti Penyelidikan (RU), iaitu UM, USM, UKM, UPM dan UTM tidak melakukan verifikasi ke atas data institusi yang diberikan disebabkan oleh kekeliruan ke atas aspek pemverifikasian data. Oleh yang demikian, kelima-lima IPTA berkenaan tidak terlibat dalam kajian awal oleh THE dan ini menyebabkan institusi-institusi terbabit secara automatik tidak dinilai dan disenaraikan dalam penarafan THE tahun ini. IPTS juga tidak memohon untuk menyertai THE WUR untuk dinilai. Walau bagaimanapun IPTA dan IPTS tempatan telah dinilai berdasarkan SETARA yang dijalankan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Kementerian sentiasa menggiatkan usaha dari semasa ke semasa untuk membantu IPTA meningkatkan kedudukan di dalam senarai sistem penarafan antarabangsa. Antara langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan kedudukan ialah:

- i. memastikan lebih ramai pakar yang berkelayakan tinggi serta mempunyai reputasi antarabangsa untuk berkhidmat di IPTA;
- ii. memastikan pihak IPTA mengamalkan pemberat yang lebih tinggi terhadap penerbitan oleh pensyarah dalam jurnal berimpak tinggi (*high impact journals*) bagi tujuan kenaikan pangkat;
- iii. meningkatkan jaringan dan penerbitan bersama dengan individu yang mempunyai pengiktirafan antarabangsa;
- iv. meningkatkan strategi pemasaran melalui peningkatan “*branding*” dan “*word-of-mouth*”. Konsep pemasaran melalui *pavillion* dan expo-expo pendidikan tinggi diperluaskan kepada negara-negara berpotensi tinggi;
- v. kualiti penerbitan jurnal oleh IPT tempatan dipertingkatkan supaya memperolehi pengiktirafan antarabangsa. Sebagai contoh, sebuah jurnal terbitan USM iaitu *Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society* telah berjaya diindekskan dan diabstrakkan ke dalam pangkalan data *Thomson ISI Web of Science*; dan
- vi. menubuhkan Pusat Sitis Negara dalam RMK-10 yang bertujuan untuk menjadi pusat pengumpulan dan pangkalan data bagi penerbitan jurnal dalam negara.

Dalam meningkatkan kualiti pengajaran & pembelajaran, beberapa usaha telah dan sedang dilakukan, antaranya:

- i. meningkatkan nisbah pelajar:pensyarah di IPTA; dan
- ii. melaksanakan semakan kurikulum secara menyeluruh untuk semua program pengajian di IPTA.

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : SOALAN BERTULIS
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASSIM
[KUALA KEDAH]

SOALAN :

TUAN HAJI AHMAD BIN KASSIM [KUALA KEDAH] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan maklumat status usaha menubuhkan empat Kampus Wilayah, pelaksanaan modul tambahan nilai dan nilai tambah, pemfokusan terhadap industri asas tani, peningkatan aktiviti kawal selia keberkesanan latihan serta usaha memudahkan penempatan pekerjaan bagi memperbanyak MoA dan MoU dengan industri.

JAWAPAN : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Kolej Pertanian Malaysia belum bercadang untuk mewujudkan empat Kampus Wilayah seperti yang dinyatakan. Walaù bagaimanapun, selain daripada Kampus Induk di Bukit Tangga, Kedah, terdapat tujuh (7) Pusat Latihan Pertanian Bertauliah yang turut melaksanakan Program Persijilan Kemahiran Malaysia dalam pelbagai bidang pertanian di dalam wilayah yang telah dinyatakan tersebut iaitu :

Bil.	Pusat Latihan	Wilayah	Bidang Latihan
1.	Pusat Pengeluaran dan Penyelidikan Benih Udang Kebangsaan, Pulau Sayak, Kedah.	Utara	Akuakultur Marin
2.	Institut Pengurusan Peladang Sungai Petani, Kedah.	Utara	Pemasaran Pertanian
3.	Kampus Cawangan Kolej Pertanian Malaysia, Jalan Langgar, Alor Setar, Kedah.	Utara	Pemprosesan Makanan
4.	Pusat Perkhidmatan Teknikal, MARDI, Serdang, Selangor.	Tengah	Pemprosesan Makanan

5.	Institut Veterinar Malaysia, Kluang, Johor.	Selatan	Ternakan
6.	Institut Pertanian Kuala Lipis, Pahang.	Timur	Tanaman
7.	Institut Perikanan Malaysia, Cendering, Terengganu.	Timur	Teknologi Perikanan Tangkapan

Selain daripada pusat latihan di atas, terdapat juga 33 pusat latihan dan penyelidikan di bawah Jabatan/Agensi di seluruh Malaysia untuk melaksanakan aktiviti latihan dan pengembangan kepada kumpulan sasaran.

Bagi tujuan penyediaan dan pelaksanaan modul tambahan nilai dan nilai tambah, pihak Kementerian sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Pembangunan Kemahiran serta pihak industri untuk membangun dan mengemaskini 85 modul latihan sedia ada sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 tahun. Ini bagi memastikan modul berkenaan sentiasa relevan dengan permintaan dan keperluan industri. Proses pengemaskinian ini turut menitikberatkan elemen nilai tambahan dan tambah nilai dalam setiap program/bidang latihan yang dijalankan, serta merangkumi semua aktiviti di sepanjang rantaian nilai pengeluaran pertanian yakni daripada pra-pengeluaran (*pre-production*) sehingga aktiviti hiliran (industri asas tani). Sehubungan itu, pembangunan modul baru akan dibuat sekiranya ada keperluan daripada pihak industri. Bagi tahun 2010 dan 2011, sejumlah 10 modul latihan baru akan dibangunkan dan memfokuskan kepada industri bernilai tinggi iaitu Ikan Hiasan, Rumpai Laut, Poltri (Burung Walit), Fertigasi, Hatcheri Ikan, Cendawan, Ekuin (Kuda), Hidroponik, Pengeluaran dan Pengilangan Padi serta Rumah Sembelih.

Pelaksanaan program latihan yang berkesan adalah disokong dengan sistem latihan yang mantap, tenaga pengajar yang terlatih dan kurikulum latihan yang teratur. Justeru, bagi memastikan latihan sentiasa dijalankan dalam suasana yang cekap dan berkesan, Program Naziran Latihan telah diwujudkan oleh Kementerian untuk memantau dan menilai keberkesanannya latihan yang dijalankan oleh Pusat Bertauliah

berkenaan. Sistem sedia ada telah mensyaratkan setiap pusat tersebut dinilai sekurang-kurangnya 2 kali setahun untuk ditambahbaik dan dinaiktaraf jika ada keperluan. Selain itu, Jabatan Pembangunan Kemahiran turut memantau pelaksanaan sistem latihan kemahiran bagi memastikan semua kemudahan dan kurikulum latihan di pusat berkenaan sentiasa mematuhi syarat pentaulihan persijilan yang ditetapkan. Manakala dari segi pengurusan dan prosedur kewangan pusat latihan, Bahagian Pemantauan dan Penilaian serta Audit Dalam Kementerian turut sentiasa memantau pembangunan fizikal dan pelaksanaan prosedur berkaitan agar proses pembangunan fizikal adalah mengikut jadual dan mematuhi semua arahan yang telah ditetapkan.

Kementerian juga menjalinkan kerjasama yang erat dengan pihak industri/swasta dalam menempatkan pelatih di dalam pasaran pekerjaan. Pada kebiasaanya, pihak majikan telah mengambil maklum bilangan pelatih yang akan tamat latihan dan terus diambil bekerja sebaik sahaja tamat latihan. Selain itu, sesetengah pusat latihan turut malaksanakan aktiviti mepertemukan pelatih dengan majikan berpotensi untuk ditemuramah dan dinilai walaupun para pelatih belum lagi menamatkan latihan masing-masing. Buat masa ini, belum lagi ada sebarang bentuk perjanjian diadakan dengan pihak industri dari segi penempatan pekerjaan. Namun cadangan tersebut akan dibincang dan diperhalusi. Pelaksanaan MoA atau MoU adalah lebih menjuruskan kepada kerjasama latihan dan menambah nilai program latihan sedia ada seperti memorandum yang telah termeterai antara Kementerian dengan UPM, Kolej Skill Tech Melaka dan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional dengan pihak swasta.

No: 492

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
(KUALA KEDAH)**

SOALAN : NO. 492

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk membekalkan air bersih kepada seluruh rakyat di negara ini. Serta nyatakan jumlah keseluruhan loji air yang terdapat di Malaysia dan apakah teknologi yang digunakan dalam proses perawatan air ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan air terawat dapat dibekalkan kepada seluruh rakyat di negara ini, Kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan pengurusan perkhidmatan bekalan air secara terancang. Perancangan dan langkah yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk melestarikan bekalan air bersih kepada seluruh rakyat adalah melalui pendekatan seperti berikut:

- (a) membangunkan prasarana bekalan air secara berperingkat mengikut keutamaan dan juga keupayaan kewangan Kerajaan;

- (b) menstrukturkan semula industri perkhidmatan air negara supaya operator-operator air berdaya saing dan mapan dari segi operasi dan kedudukan kewangannya;

- (c) meminta agensi-agensi berkaitan mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang bagi membendung kegiatan-kegiatan yang mencemar kawasan tadahan dan punca air terutamanya sungai;
- (d) meningkat dan mempermodenkan perkhidmatan serta pengurusan bekalan air dengan melaksanakan program-program *Geographic Information System* (GIS), *Surveillance Control and Data Acquisition* (SCADA) dan sistem telemetri;
- (e) melaksanakan program pengurangan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW) secara holistik; dan
- (f) memupuk pengguna menggunakan air secara berhemat di samping memelihara dan melindungi kawasan tadahan dan punca air daripada tercemar.

Secara keseluruhannya, kapasiti bekalan air di seluruh negara adalah mencukupi dan berupaya memenuhi permintaan domestik dan industri. Setakat hari ini, jumlah keseluruhan loji air yang beroperasi adalah sebanyak 454 buah dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 13,495 Juta Liter Hari (JLH).

Bagi proses rawatan air pula, semua negeri menggunakan kaedah pemendapan, penapisan dan pengklorinan untuk menghasilkan air yang menepati standard air minum kebangsaan oleh Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, kaedah rawatan air bergantung kepada kualiti air mentah yang diperolehi di kawasan tersebut. Terdapat juga beberapa buah loji rawatan air yang menggunakan sistem *Dissolved Air Floatation* (DAF), teknologi *Tube Settler* dan *Actiflo* dan kaedah ozon bagi menghasilkan sumber air minum yang berkualiti baik.

NO SOALAN : 493

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN HAJI AHMAD BIN KASSIM
(KUALA KEDAH)**

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad bin Kassim (Kuala Kedah) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Kaukus Parlimen mengenai Isu Palestin. Jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

JAWAPAN :

Untuk makluman Y.B,

Kerajaan tidak mencampuri sebarang urusan penubuhan Kaukus Parlimen Malaysia dengan institusi Parlimen dari Negara-negara luar Negara.

Kaukus merupakan satu kumpulan di kalangan Ahli Parlimen untuk meneruskan minat atau pengkhususan mereka dalam sesuatu isu yang dianggap penting.

Oleh yang demikian, Kaukus adalah ditubuhkan atas inisiatif ahli-ahli parlimen sendiri sekiranya mereka merasakan ia perlu serta boleh membawa manfaat yang baik kepada institusi Parlimen Negara.

NO: 494

SJ.B/(41)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
(KUALA KEDAH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 11.10.2010 - 15.12.2010

Tuan Haji Ahmad bin Kasim (Kuala Kedah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memikirkan kaedah lain untuk membantu mengurangkan beban para pencarum memandangkan terlalu banyak jenis pengeluaran melalui Akaun 2 KWSP.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar caruman iaitu sebanyak 70% daripada caruman ahli setiap bulan dimasukkan ke dalam Akaun 1 manakala 30% lagi ke dalam Akaun 2. Simpanan dari Akaun 1 tidak boleh dilikeluarkan sebelum ahli telah mencapai umur 55 tahun atau bersara. Ini kerana simpanan ini adalah untuk membiayai persaraan ahli. Manakala Simpanan Akaun 2 pula adalah untuk

pengeluaran pra persaraan bagi membeli rumah, membayai pendidikan dan perubatan bagi penyakit kritikal serta pengeluaran setelah ahli mencapai umur 50 tahun.

Walaupun terdapat pelbagai jenis pengeluaran yang dibenarkan di bawah Akaun 2, tetapi pengeluaran tersebut masih menepati objektif caruman iaitu simpanan KWSP yang bertujuan untuk membayai keperluan persaraan pekerja apabila mereka bersara. Pengeluaran simpanan daripada Akaun 2 sebelum bersara sebenarnya menjurus kepada persaraan ahli juga seperti pengeluaran perumahan bagi membolehkan ahli memiliki rumah sebagai tempat berlindung di hari tua, pengeluaran pendidikan ahli dan anak ahli bagi meningkatkan pendapatan dan menambah simpanan persaraan mereka, pengeluaran kesihatan bagi membolehkan ahli sentiasa sihat untuk terus bekerja dan pengeluaran umur 50 tahun sebagai persediaan mereka untuk bersara.

Memandangkan Akaun 2 hanya merupakan sebahagian kecil daripada simpanan ahli dan pengeluaran yang dibenarkan adalah untuk tujuan berkaitan dengan persaraan ahli, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula pengeluaran sedia ada di bawah Akaun 2.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM
[KUALA KEDAH]

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kos untuk melaksanakan banci negara 2010 yang lalu dan bilakah maklumat lengkap dapat dimaklumkan kepada umum.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia kali yang kelima yang bermula pada 6 Julai 2010 telah selesai dijalankan. Banci ini meliputi semua penduduk (warga dan bukan warga) yang tinggal di Malaysia bagi tempoh enam bulan atau lebih dalam tahun 2010. Proses bancian telah selesai pada 22 Ogos 2010. Namun, bagi memastikan data banci yang dikutip adalah berkualiti, Jabatan Perangkaan sedang melaksanakan semakan kualiti terhadap data yang dikutip semasa banci. Proses semakan kualiti dilaksanakan di seluruh negara sehingga akhir Oktober. Laporan awalan Banci Penduduk dan Perumahan 2010 akan disiarkan pada

Disember 2010 manakala laporan terperinci banci mengikut topik-topik akan dikeluarkan secara berperingkat mulai April 2011.

Peruntukan melaksanakan banci bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM200.2 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH MOHD YUSOF
[RANTAU PANJANG]
SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah penggunaan kondom di Malaysia purata setiap tahun serta jangkitan penyakit AIDS sejak tahun 2005 hingga 2010 dan mangsa yang meninggal akibatnya.

Tuan Yang di Pertua,

Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan Majlis AIDS Malaysia di kalangan *most-at-risk-populations to be infected with HIV/AIDS* (MARPS) pada tahun 2009 di Lembah Klang mendapati penggunaan kondom di kalangan penagih dadah secara suntikan (*injecting drug users - IDU*) adalah sebanyak 28%, pekerja seks wanita (*female sex workers*) 61%, kumpulan mak nyah (*transgender persons*) 95% dan *men-who-have-sex-with-men* (MSM) sebanyak 55-72%.

Dari tahun 2006 sehingga tahun 2010, KKM dengan kerjasama Majlis AIDS Malaysia telah mengagihkan kondom bertujuan untuk mengelakkan jangkitan melalui hubungan seks di kalangan kumpulan amat berisiko (*most at risk populations* – MARPS), supaya transmisi jangkitan HIV/AIDS dapat dikurangkan. Pada tahun 2005 sebanyak 10,000 kondom telah diagihkan, diikuti dengan 50,000 pada tahun 2006, 130,960 pada tahun 2007, 386,844 pada tahun 2008, 593,432 pada tahun 2009 dan 618,380 pada tahun 2010.

Pada tahun 2005, 1,221 kes AIDS telah dilaporkan ke KKM, diikuti dengan 1,842 pada tahun 2006, 1,130 pada tahun 2007, 941 pada tahun 2008 dan 741 pada tahun 2009. Seterusnya sehingga bulan September 2010, sebanyak 744 kes AIDS telah dilaporkan ke KKM.

Pada tahun 2005, 1,231 pesakit telah meninggal dunia akibat HIV/AIDS, 1,321 pada tahun 2006, 1,374 pada tahun 2007, 1,050 pada tahun 2008, dan 805 pada tahun 2009. Sehingga bulan September 2010, 700 telah meninggal dunia akibat HIV/AIDS.

No: 497

SJ.B/(TULIS)/(42)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 11.10.2010 – 15.12.2010

Puan Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pendapatan negara sejak tahun 2000 hingga tahun 2010 dari sumber pendapatan hasil dari lesen judi yang dikeluarkan dan jumlah perbelanjaan terperinci yang telah digunakan dari hasil pendapatan lesen judi tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hasil yang disumbangkan oleh sektor perjudian kepada negara dari tahun 2000 hingga 30 September 2010 adalah seperti berikut :

Tahun	Jumlah (RM)
2000	1,958,380,415.89
2001	1,972,252,986.48
2002	1,922,115,807.36
2003	1,797,401,240.15
2004	1,849,176,119.10

Tahun	Jumlah (RM)
2005	1,984,615,754.74
2006	2,266,814,152.52
2007	2,416,963,021.54
2008	2,561,892,892.66
2009	2,606,378,658.57
Sehingga 30 September 2010	1,952,406,090.08

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, kesemua hasil perjudian tersebut dimasukkan sebagai hasil ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Hasil dalam Kumpulan Wang Disatukan ini digunakan sebagai sumber perbelanjaan mengurus dan membangun negara tanpa disasarkan kepada sesetengah golongan sahaja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG]

SOALAN :

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kerugian sebenar wang negara akibat dari rasuah dan ketirisan di Malaysia sejak tahun 1990 hingga tahun 2010.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah sukar untuk Kerajaan menilai secara tepat jumlah kerugian sebenar wang negara dan ketirisan yang berlaku akibat daripada rasuah. Ini kerana penyiasatan sesuatu kes itu menjurus kepada *ingredient* (dengan izin) kesalahan yang berdasarkan keterangan saksi dan dokumen. Yang penting di sini ialah kerugian akibat rasuah bukan dalam bentuk kewangan semata-mata tetapi merangkumi kerosakan dalam kehidupan kita semua. Walaubagaimanapun, Kerajaan sentiasa serius menangani isu ini dan mengambil langkah-langkah pencegahan khususnya dari segi memperketatkan sistem dan prosedur bagi mengelakkan perkara ini berlaku.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF

[RANTAU PANJANG]

SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah perbelanjaan wang Kerajaan terhadap pembaikan kediaman rasmi Seri Perdana dan Seri Satria serta jenis penambahbaikan yang telah dilaksanakan sehingga sekarang.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Perbelanjaan terhadap pembaikan dan penambahbaikan kediaman rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Sri Perdana dan kediaman rasmi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Sri Satria semenjak tahun 2003 sehingga sekarang melibatkan perbelanjaan berjumlah

RM1,365,509.25. Jenis-jenis pembaikan dan penambahbaikan yang dijalankan merangkumi kerja penyengaraan dan baik pulih bangunan, sistem keselamatan, elektrikal & mekanikal dan lanskap. Semua kerja-kerja ini perlu dilakukan bagi memastikan rumah rasmi Kerajaan bagi YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri sentiasa dipelihara dan dipastikan dalam keadaan sempurna.

NO. SOALAN: 500

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

SOALAN :

Y.B. Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pendapatan PETRONAS hasil dari cari gali minyak di sepanjang perairan sempadan Kelantan sehingga sekarang dan berapa jumlah yang telah dibayar kepada Kerajaan Persekutuan setakat ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, semua medan petroleum di perairan Semenanjung Malaysia mengeluarkan hasil petroleum di luar kawasan perairan wilayah negeri iaitu melebihi 3 batu nautika. Dari segi perundangan (seperti Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) No. 7. 1969 (serta pindaan No. 11, 1969) dan Akta Kemajuan Petroleum 1974 (AKTA 144) dan perjanjian-perjanjian yang ditandatangani oleh PETRONAS dengan Kerajaan Negeri, PETRONAS tidak dikehendaki membuat bayaran di bawah Seksyen 4 Akta 144 memandangkan tiada hasil petroleum diperolehi dalam kawasan wilayah negeri di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, memandang terdapat sebuah medan petroleum yang mengeluarkan hasil gas terletak

di luar kawasan perairan Negeri Kelantan iaitu medan Bumi Selatan, Blok PM301, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan (melalui pengumuman YAB Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 4 November 2009) untuk membayar ‘wang ehsan’ kepada Negeri Kelantan daripada hasil petroleum medan tersebut.

Setakat pembayaran terakhir hasil petroleum yang dibuat oleh PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan pada 30 Ogos 2010, jumlah hasil petroleum dari medan Bumi Selatan yang diperolehi PETRONAS adalah sebanyak RM703 juta. Dari jumlah ini, pembayaran wang ehsan kepada Negeri Kelantan adalah berjumlah RM35 juta.

SOALAN NO.501

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN:

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar Kerajaan berhubung hak mengundi warganegara yang bekerja dan belajar di luar negara. Apakah Kerajaan bersedia menyediakan kemudahan mengundi di kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara untuk melaksanakan hak mengundi mereka yang terjamin menurut Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Kerajaan yang sedia ada berhubung dengan hak mengundi warganegara Malaysia yang bekerja dan belajar di luar negara dijelaskan di dalam Perkara 119 (1) (a) dan (b) Perlembagaan Persekutuan, Peraturan 2 (c), (d) dan (e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, dan Peraturan 3 (1) (a) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang menetapkan hanya warganegara Malaysia yang menjadi anggota Perkhidmatan Awam Malaysia yang sedang berkhidmat di luar Negara serta pasangan mereka dan para pelajar yang menuntut sepenuh masa di luar Negara serta pasangan mereka sahaja, jika telah mendaftar sebagai pemilih, berhak mengundi, mengikut kaedah pengundian pos. Oleh yang demikian, tidak timbul soal menyediakan kemudahan mengundi di kedutaan-kedutaan Malaysia untuk melaksanakan proses pilihan raya di luar negara kerana kaedah yang sedia ada dibuat mengikut Undang-undang yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 502

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pembangunan koridor-koridor yang dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri. Nyatakan pembangunan-pembangunan yang telah dilaksanakan di koridor-koridor tersebut dan jumlah pelaburan yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang-di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh, status pembangunan koridor Iskandar Malaysia (IM), Wilayah Koridor Ekonomi Utara (NCER), Wilayah Koridor Pantai Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharu (SCORE) adalah sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan mengikut pelan induk pembangunan masing-masing.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), pelaburan Kerajaan adalah melalui bajet pembangunan terkini bagi lima koridor adalah sejumlah RM7 bilion untuk melaksanakan sebanyak 178 program

dan projek. Di antara keutamaan projek dan program adalah penyediaan infrastruktur asas dan boleh upaya pada fasa awal pembangunan koridor. Ini adalah kerana kemudahan infrastruktur dan boleh upaya adalah sebahagian dari ekosistem bagi memudah cara dan memangkin pelaburan swasta.

Di Iskandar Malaysia, pelaksanaan projek terutamanya infrastruktur adalah sebagai pengupaya kepada keperluan utama untuk meningkatkan perhubungan di antara *Flagship A* – Pusat Bandar Johor Bahru dengan *Flagship B* – Nusajaya dengan pembinaan Lebuhraya Pesisir Pantai. Di antara projek yang disiapkan di Nusajaya adalah Pusat Pentadbiran Kerajaan di Kota Iskandar, pusat rekreasi Puteri Harbour dan pembangunan komersil, pendidikan, kesihatan dan perumahan di Medini.

Sejajar dengan Pelan Induk menjadikan NCER sebagai pusat logistik di wilayah utara, pelbagai infrastruktur telah dilaksanakan melalui inisiatif koridor dan Kementerian/Agensi berkaitan termasuk kerja-kerja naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Jambatan Pulau Pinang. Kemudahan infrastruktur ini dapat membantu memangkin dan mengupaya sektor elektronik dan elektrik, pertanian, pembuatan, pelancongan dan perkhidmatan. Pelaksanaan Penang Sentral di Butterworth juga kelak bakal mengintegrasikan pegangkutan bersepadu awam dengan adanya Landasan Keretapi Berkembar Ipoh - Butterworth – Padang Besar dan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS).

Bagi ECER, pelaksanaan program dan projek mengambil pendekatan pembangunan berkelompok secara bersepadu di mana penumpuan kepada aktiviti dengan berkongsi infrastruktur. Untuk tujuan ini, sejumlah enam nod fokus telah dikenal pasti berdasarkan kluster iaitu Zon Ekonomi Khas (SEZ), Pembangunan Merentas Sempadan Tumpat-Kota Bharu - Bachok –Tok Bali - Besut, Segitiga Pusat Bandaraya Kuala Terengganu (KTCC) – Kenyir - Dungun, Kawasan Pembanguna Utama Mersing –Rompin serta Gua Musang - Kuala Lipis dan Bentong - Raub. Di antara projek utama yang dilaksanakan adalah Taman Polimer Kertih (KPP), Agropolitan Kelantan Selatan dan Pekan, Taman Industri Berat Kemaman, Taman Industri Maritim Minyak & Gas Tanjung Agas dan Taman Industri Halal Hab Pasir Mas dan Gambang.

Untuk SDC, projek dan program utama termasuk Kluster Industri Kelapa Sawit (POIC) Lahad Datu, Hab Pendidikan Sandakan (SEH), Kompleks Ko-Nelayan Kuala Penyu, Presint Industri Agro Sabah (SAIP). Projek utama di kawasan luar bandar adalah Agropolitan Pitas, Agropolitan Kota Belud, Pusat Penternakan Bersepadu Keningau (KILC) dan pembinaan 21 jalan pertanian daerah dan 6 jalan masuk projek Mini Estet Sejahtera (MESEJ) dan pembinaan Jalan Tongod - Pinangah.

Wilayah SCORE bakal menjadi pemangkin dan pengupaya kepada pembangunan dengan pewujudan tiga nod utama tumpuan pertumbuhan di kawasan tengah Sarawak iaitu Hab Halal Tanjung Manis, Bandar Pintar Mukah, Taman Industri Berat Samalaju. Pembangunan Empangan Hidro Baleh, Murum dan Limbang berupaya membekalkan keperluan tenaga kepada sektor pembuatan, pertanian dan industri-industri lain yang

berkaitan. Pembinaan infrastruktur jalan raya akan memudahkan penghantaran hasil pertanian dan industri ke kawasan tumpuan. Di samping itu, penyediaan infrastrukur asas luar bandar seperti elektrik, air dan komunikasi dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Hasil pelaksanaan program dan projek tersebut, pembangunan koridor telah berjaya membawa masuk pelaburan komited asing (FDI) dan domestik (DI) berjumlah RM255.23 bilion. Di antara sektor pelaburan tumpuan adalah dalam bidang harta tanah, tenaga, pembuatan, pendidikan, perkhidmatan dan pertanian. Senarai negara pelabur utama adalah Amerika Syarikat, China, Jepun, Jerman, Singapura, Taiwan, Timur Tengah (Kuwait, Lebanon, dan UAE).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN LISAN

DARIPADA

DATO' SERI ANUAR BIN IBRAHIM

SOALAN

Minta Perdana Menteri menyatakan kenapa FELDA tidak mengembalikan wang caruman dana tanam semula kepada mereka yang menanam sendiri dan terus menghendaki mereka menyumbang RM100 sebulan kepada dana ini.

JAWAPAN

DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peneroka mencarum melalui potongan bulanan sebanyak RM 4.00 seekar sebulan untuk tempoh 20 tahun ke Tabung Tanam Semula. Tabung ini akan digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja tanam semula apabila tempoh tanam semula tiba. Pembayaran tanam semula akan dikembalikan kepada peneroka yang menanam semula sendiri mengikut prosedur dan peraturan yang

ditetapkan. Semua bayaran daripada tabung tanam semula sendiri akan dibayar kepada peneroka sebanyak RM 1,700.00 seekar dalam bentuk tunai mengikut syarat-syarat berikut:

Tahap pertama ialah kerja-kerja menebang atau meracun pokok tua sehingga repun ke pangkal selesai dan bayaran maksimum seekar ialah RM360. Tahap kedua, siap membaris supaya memperoleh 55 pokok tapak tanaman seekar akan dibayar RM240 seekar (maksimum), tahap ketiga, siap kerja menanam dan menyulam akan dibayar RM300 seekar (minimum), tahap keempat kebun bersih, pokok subur dan membuat kawalan perosak dan penyakit akan dibayar RM300 seekar (minimum) dan tahap terakhir ialah kebun berjaya diurus, pokok mengeluarkan hasil, paysheet peneroka diwujudkan dan menghantar hasil kepada FELDA akan dibayar RM500 seekar (minimum).

Setiap permohonan bayaran wang tanam semula sendiri perlu diperiksa oleh Pengurus dan disahkan oleh Pegawai Pertanian Wilayah serta disokong oleh Pengurus Besar Wilayah menggunakan borang BTS 11(c).

Bagi melaksanakan penanaman semula kali pertama kawasan sawit, FELDA telah menggunakan kewangan dari Tabung Tanam Semula yang diwujudkan akaunnya oleh FELDA. Peneroka telah mencarum secara bulanan dengan potongan dibuat dari paysheet peneroka sebanyak RM4.00 seekar sebulan selama 20 tahun. Namun begitu dengan jumlah terkumpul sebanyak RM 960.00 seekar atau RM 9,600.00 bagi kawasan 10 ekar bagi tempoh 20 tahun, jumlah caruman ini didapati tidak mencukupi untuk menampung kos kerja tanam semula yang sentiasa meningkat setiap

tahun. Pada masa ini kos tanam semula ditetapkan RM6,500 sehektar atau RM26,000 bagi setiap 10 ekar. Ini bermakna FELDA menanggung kos tanam semula berjumlah RM16,400.

Bagi menampung persediaan kos penanaman semula kali kedua, maka adalah wajar kutipan caruman tanam semula kali ke-2 dibuat dengan kadar RM10 seekar sebulan untuk meringankan bebanan peneroka yang akan menanggung kos perbelanjaan tanam semula yang dijangka meningkat pada masa akan datang.

∞ ∞ ∞ ∞ ∞ ∞ ∞ ∞

NO. SOALAN : 505

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)

SOALAN :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status sebenar Model Baru Ekonomi yang diwarkan Kerajaan. Apakah ia sudah dilancar dan sedang dilaksanakan atau masih dalam peringkat kajian.

JAWAPAN:

Laporan Model Baru Ekonomi, Bahagian Akhir telah dilancarkan pada 3 Disember 2010 oleh YAB Perdana Menteri. Selepas Laporan Bahagian Pertama diterbitkan pada 30 Mac 2010, langkah pertama yang dilaksanakan adalah melakukan analisis dan penilaian ke atas ekonomi Malaysia dalam mengenalpasti apa yang kurang dan apa yang menghalang pertumbuhan. Langkah seterusnya adalah untuk menyenaraikan perkara-perkara yang perlu diperbaiki. Dalam hal itu, Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) telah mengadakan rundingan dengan semua stakeholder dari pelbagai peringkat masyarakat, ahli politik, kerajaan (termasuk Persekutuan dan Negeri), sektor swasta, NGOs, Dewan Perniagan, pihak-pihak luar negeri sehingga ke peringkat orang awam. Bagi MPEN merentasi pelbagai kepentingan

yang berbeza, keperluan dan nilai serta memenuhi kehendak setiap stakeholder, bukan satu misi yang mudah.

Prinsip yang menjadi pedoman tidak boleh bersandarkan kepada 'kepentingan ramai diutamakan atas kepentingan individu' tetapi perlu disandarkan kepada 'kepentingan awam yang berasaskan kesaksamaan dan adil'. Adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa semua Strategic Reform Initiatives (SRI) bersifat berjalin. Tindakan ke atas setiap satu SRI membawa impak ke atas yang lain. Dengan kata lain, seandainya langkah-langkah dasar tidak dinyatakan dalam salah satu SRI mungkin ianya diketengahkan dalam SRI yang lain. Bagi setiap isu, terdapat banyaknya pilihan penyelesaian, namun pilihan tepat perlu dibuat. Beban yang dipikul oleh Majlis bagi setiap keputusan akan memberi impak kepada perbelanjaan negara serta mata pencarian individu. Oleh itu, amatlah jelas bahawa proses menggubal langkah-langkah dasar bagi melaksanakan SRI yang dicadangkan oleh MPEN memerlukan pengkajian dan penelitian yang rapi dan mendalam sebelum ia dimuktamadkan sebagai satu cadangan kepada Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN KAMALANATHAN A/L
PANCHANATHAN**

SOALAN : NO. 506

**Tuan Kamalanathan A/L Panchanathan [Hulu Selangor] minta
MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-**

- (a) mengapakah IPTA di negara ini hanya berjaya mengeluarkan seramai 2.79% dan 2.81% pada tahun 2008 dan 2009 masing-masingnya para graduan Kaum India seperti statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian walaupun masyarakat India merupakan 8% dari penduduk Malaysia; dan
- (b) langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan jurang graduan masyarakat India berbanding populasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai Sesi Akademik 2002/2003, dasar pemilihan kemasukan ke IPTA dibuat berdasarkan prinsip meritokrasi. Manakala mulai Sesi Akademik 2006/2007 pula, pemilihan kemasukan adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan

mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Faktor kejayaan seseorang itu terpilih ke program pengajian yang dipohon bergantung pada susunan merit, pemilihan program pengajian, pilihan IPTA dan bilangan tempat yang disediakan bagi program pengajian berkaitan.

Prinsip meritokrasi adalah lebih dinamik dan lebih terbuka penawarannya kerana ia tidak terikat kepada bilangan pelajar yang akan diambil berasaskan kuota kaum bagi sesuatu program pengajian seperti amalan pengambilan melalui sistem kuota yang terdahulu.

Bagi sesi akademik 2010/2011, jumlah pelajar Lepasan STPM/Setaraf yang memohon ke IPTA adalah seramai 61,228 orang. Daripada jumlah tersebut hanya seramai 49,234 calon yang mencapai kelayakan minimum iaitu nilai PNGK 2.00 ke atas dan memenuhi Syarat Am permohonan kemasukan ke IPTA. Manakala, daripada jumlah calon yang layak, seramai 40,506 orang telah ditawarkan ke IPTA. Peratusan calon Bumiputera yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah 78.8% iaitu seramai 28,633 telah ditawarkan berbanding 36,341 calon yang layak. Bagi kaum Cina pula sebanyak 92.1% atau seramai 9,569 telah ditawarkan berbanding dengan 10,394 calon yang layak. Manakala bagi kaum India dan lain-lain sebanyak 92.2% atau 2,304 telah ditawarkan berbanding dengan 2,499 calon yang layak.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bercadang melantik seorang pakar nutrisi makanan di setiap daerah di negara ini bagi memantau kualiti makanan di kantin sekolah supaya makanan yang dimakan oleh pelajar-pelajar akan menyihatkan badan dan mencergaskan minda; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian jika makanan yang dijual di kantin-kantin sekolah tidak berkualiti dan tidak seimbang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi mewujudkan jawatan pegawai kesihatan pelajaran di peringkat daerah ini bagi memantau dan meningkatkan kualiti makanan di kantin sekolah. Bidang tugas dan kepakaran dalam bidang ini adalah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- b) Pihak pengusaha kantin akan diberi amaran dan nasihat untuk mengubah menu sekiranya didapati tidak sesuai untuk murid-murid sekolah. Sekiranya wujud keracunan makanan maka perkara ini akan dilaporkan kepada pihak berkuasa iaitu Kementerian Kesihatan supaya kantin disita.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN KAMALANATHAN A/L
PANCHANATHAN**

SOALAN : NO. 508

**Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta
MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-**

- (a) apakah Kementerian akan mengambil tindakan tegas terhadap IPTS yang telah memperdayakan para pelajar bahawa kursus pengajian diploma serta sijil yang ditawarkan mereka adalah diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan
- (b) adakah Kementerian akan memantau IPTS-IPTS yang mengiklankan program pengajian diploma serta sijil yang palsu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa memantau iklan-iklan yang dikeluarkan oleh IPTS untuk memastikan agar ia selaras dengan peruntukan Akta IPTS 1996 (Akta 555) dan kod etika pengiklanan IPTS semasa mengeluarkan iklan.

Sekiranya iklan-iklan tersebut tidak mematuhi akta dan kod etika yang ditetapkan, surat notis arahan pengiklanan (NAP) akan dikeluarkan kepada IPTS berkaitan. Sehingga 30 Jun 2010, sebanyak 75 NAP telah dihantar kepada 44 IPTS yang kebanyakannya disebabkan tidak menyatakan nombor perakuan pendaftaran institusi di dalam iklan IPTS tersebut. Sekiranya IPTS tidak mengikut arahan NAP, IPTS boleh ambil tindakan di bawah seksyen 73 (4) Akta 555 atau seksyen 75 akta yang sama.

Menurut rekod Kementerian, tiada kes yang dilaporkan secara rasmi berhubung pemalsuan sijil. Seksyen 52, Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (Akta 555) memperuntukkan bagi pertuduhan yang dibuktikan terhadap kesalahan pemalsuan sijil-sijil kelayakan akademik pengajian tinggi dan sekiranya disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

Kementerian Pengajian Tinggi melalui Sektor Pengurusan IPTS ada menyediakan khidmat bantuan pelanggan kepada pelajar dan ibu bapa untuk mendapatkan maklumat yang sahih berhubung sesuatu kursus pengajian di mana-mana IPT. Semakan senarai kursus yang telah diakredit MQA juga boleh dibuat dengan melayari <http://www.mqa.gov.my>.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah peruntukan dari Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) yang disalurkan kepada pelajar-pelajar sekolah Tamil dan bilangan pelajar Tamil yang menerima bantuan tersebut; dan
- (b) berapakah pelajar daripada sekolah-sekolah Tamil yang menerima Skim bantuan tuisyen.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

- (a) dan (b)

Bagi tahun 2010, seramai 26,323 orang pelajar Tamil telah diberikan bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) yang melibatkan peruntukan berjumlah RM5,362,900. Pengagihan bantuan ini melibatkan 523 buah sekolah Tamil seluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN KAMALANATHAN A/L

PANCHANATHAN (BN) (HULU SELANGOR)

TARIKH : 11 OKTOBER 2010 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan (BN) (Hulu Selangor) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mencapai matlamat sistem pencapaianya supaya tempoh menunggu bagi bantuan kebajikan akan dipercepatkan dari 8 minggu kepada 1 minggu menjelang tahun 2012 seperti yang diumumkan oleh Kementerian pada 8 Julai 2010 contohnya pemohon bantuan kebajikan Hulu Selangor masih belum diluluskan permohonannya sejak April 2010.

JAWAPAN :

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menguruskan perkhidmatan bantuan kebajikan

kepada pelbagai kumpulan sasar termasuk kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya dan keluarga miskin. Kementerian komited untuk memastikan perkhidmatan bantuan diberikan kepada kumpulan sasar dengan cepat dan berkesan. Dari aspek pengurusan bantuan, Kementerian menetapkan permohonan bantuan dipercepatkan dari 8 minggu pada masa ini kepada satu minggu menjelang tahun 2012.

Sebagai langkah proaktif Kementerian telah melaksanakan Inisiatif perekayasaan proses kerja (*business process reengineering*) dengan menjadikan enam daerah sebagai perintis iaitu Daerah Melaka Tengah, Daerah Seremban, Daerah Port Dickson, Daerah Kuala Terengganu, Daerah Hilir Perak dan Daerah Kinta untuk mempercepatkan proses permohonan bantuan dari 8 minggu ke 1 minggu.

Adalah diharapkan usaha ini dapat mempercepatkan urusan penyampaian bantuan. Bagi kes permohonan bantuan di Hulu Selangor yang tertunggak bermula April 2010 adalah disebabkan peningkatan permohonan secara drastik. Peningkatan ini berlaku kerana pemimpin tempatan yang prihatin dengan masyarakat sekeliling di samping kesedaran di kalangan masyarakat sendiri untuk membuat permohonan bantuan kebijakan daripada JKM. Selain itu, Kementerian juga turut menghebahkan kepada masyarakat yang layak supaya tampil memohon bantuan bagi memastikan tiada kumpulan sasar yang tercicir. Kementerian telah mengambil tindakan bagi mengatasi kes tertunggak tersebut melalui penubuhan pasukan petugas khas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HO LENG (SIBU)

SOALAN:

Tuan Wong Ho Leng (Sibu) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai semua projek untuk Sibu di bawah RMKe-10 dan jumlah wang yang terlibat serta tahap pelaksanaannya. Adakah projek-projek tersebut akan dilaksanakan melalui tender terbuka. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan bagi Parlimen Sibu untuk tempoh dua tahun pertama RMKe-10 adalah sebanyak RM232.3 juta. Jumlah ini meliputi 14 projek iaitu sebanyak RM215.83 juta untuk projek sambung dan bakinya untuk projek baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek-projek di bawah RMKe-10 akan dilaksanakan melalui tender terbuka.

SOALAN NO.: 512

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HO LENG [SIBU]

SOALAN :

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk setiap fasa projek mitigasi banjir di Sibu. Mengapakah fasa 2 projek tersebut ditangguhkan. Apakah langkah-langkah atau tindakan yang terlibat dalam setiap peringkat projek tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM 216 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) untuk melaksanakan beberapa projek rancangan tebatan banjir (RTB) di Sibu seperti yang berikut:

- i. Projek RTB Sibu Fasa 1 melibatkan peruntukan sebanyak RM 138 juta; dan
- ii. Projek Menaiktaraf Sistem Perparitan Dalaman di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE-2) melibatkan peruntukan sebanyak RM 78 juta.

Komponen-komponen kerja untuk Fasa 1 adalah seperti berikut:

- i. Menaiktaraf jalan sediada iaitu Upper Lanang Road serta meninggikan jalan tersebut untuk bertindak sebagai ban sepanjang 2.4km dan Alan Road sepanjang 0.4km;
- ii. Sepanjang 1.15km daripada 2.4km Upper Lanang Road akan menggunakan piled RC Slab;

- iii. Menaiktaraf parit di sisir kanan jalan sepanjang 2.0km;
- iv. Menaiktaraf parit di sisir kiri jalan sepanjang 2.36km;
- v. Membina 3 buah pintu air pasang surut; dan
- vi. Membina 2 buah stesen pam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah RMKe-10, peruntukan sebanyak RM70 juta telah diluluskan bagi tempoh dua (2) tahun (2011-2012) untuk pelaksanaan Fasa 2. Kerja-kerja yang terlibat dalam Fasa 2 ini ialah:

- i. Meneruskan projek menaiktaraf jalan sediada iaitu, *Upper Lanang Road* serta meninggikan jalan tersebut untuk bertindak sebagai ban dan *Alan Road*;
- ii. Menaiktaraf parit; dan
- iii. Membina sebuah stesen pam.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HO LENG
[SIBU]

SOALAN :

TUAN WONG HO LENG [SIBU] Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk Sibu bagi tahun 1996 hingga 2000. Adakah Kerajaan Persekutuan membenarkan peruntukan tersebut disalurkan ke kawasan lain bagi tahun-tahun yang dinyatakan. Mengapa.

JAWAPAN :

Peruntukan pembangunan RMKe-7 untuk kawasan Parlimen Sibu dari tahun 1996 hingga 2000 adalah sebanyak RM31.918 juta. Peruntukan tersebut diberi kepada kementerian-kementerian untuk melaksanakan sebanyak 30 projek. Walau bagaimanapun, kementerian-kementerian boleh memindahkan peruntukan tersebut ke kawasan lain berdasarkan keperluan dan keutamaan yang dikenalpasti oleh kementerian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HO LENG

SOALAN : NO.514

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah Universiti Malaya (UM) sekali lagi tercicir dari senarai 200 universiti terbaik di dunia, tindakan yang akan diambil untuk mempertingkatkan kedudukan dan standard UM, serta rancangan masa depan Kerajaan untuk pendidikan tinggi di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak UM telah mengambil inisiatif menjalankan kajian bagi mengenalpasti punca-punca penurunan kedudukan dalam ranking Asian University Rankings 2010. Antara kelemahan UM yang dikenalpasti adalah dalam aspek penerbitan, kajian dirujuk (*citations*) dan bilangan penerbitan jurnal-jurnal utama yang diindeks dalam database *Thomson ISI (Institute of Scientific Information)-Web of Science (Essential Science Indicators)*.

Sehubungan itu, usaha-usaha telah diambil bagi memastikan UM mencapai kedudukan dalam 100 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2015. Antaranya ialah:-

- i. mengukuhkan asas-asas yang ada bagi membolehkan UM bersaing dengan universiti ternama dunia melalui pengiktirafan sebagai sebuah Universiti Penyelidikan yang memfokus kepada penyelidikan berimpak tinggi;
- ii. mempertingkatkan dan mengukuhkan mutu penyelidikan dan penerbitan;
- iii. memberi tumpuan bagi penerbitan dalam jurnal-jurnal yang dikategorikan sebagai jurnal Tier 1. Fakulti-fakulti yang difokuskan adalah Fakulti Sains, Perubatan, Pergigian, Kejuruteraan dan Sains Komputer;
- iv. mewujudkan unit di bawah Bahagian Akademik dan Bahagian Sumber Manusia bagi mengenal pasti calon-calon yang cemerlang (CGPA >3.7) yang mempunyai keupayaan untuk menjalankan penyelidikan yang berkualiti dan menghasilkan penerbitan yang berimpak tinggi bagi melanjutkan pengajian ke peringkat PhD; dan
- v. membawa masuk tokoh akademik di kalangan tokoh ternama dunia bagi mengetuai penyelidikan berkualiti tinggi dan bekerjasama dengan staf UM sedia ada dalam melaksanakan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HO LENG [SIBU]

SOALAN:

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:

- a) cara bagaimana Kerajaan akan meningkatkan perkhidmatan TM Streamyx di seluruh Sarawak; dan
- b) sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan pemberian pampasan kepada pelanggan yang mengalami gangguan perkhidmatan dan perkhidmatan buruk.

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

- (a) Kerajaan dengan kerjasama pihak Telekom Malaysia Berhad (TM) sedang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan di seluruh Sarawak. Di antaranya ialah projek pengalihan kabel Transborneo Sarawak ke dalam tanah bagi mengurangkan gangguan insiden yang mengganggu perkhidmatan seperti kecurian kabel dan dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2011. Selain itu, TM juga

melaksanakan penambahan kapasiti laluan internet di Sarawak dan dijangka siap pada penghujung bulan Oktober 2010. TM sentiasa mengkaji dan memantau penambahan kapasiti internet berdasarkan keperluan dan permintaan semasa.

- (b) Pihak SKMM telah memperkenalkan “6 Amalan Baik Pengguna” di mana salah satu dari amalan yang ditekankan adalah pemberi perkhidmatan disarankan agar memberikan rebat kepada pengguna sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak mencapai kualiti perkhidmatan yang dijanjikan.

Berdasarkan kepada Kod Amalan Am Pengguna untuk Industri Komunikasi dan Multimedia Malaysia pula, ada dinyatakan prinsip-prinsip pampasan di mana penyedia perkhidmatan mesti menawarkan pampasan kepada pelanggan dalam kes-kes pelanggaran kod ini. Berdasarkan perkara ini, sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak mematuhi kod, pengguna boleh mendapatkan pulangan wang semula. Pematuhan kepada kod ini adalah mandatori, yang merupakan sebagai salah satu daripada syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh SKMM.

Pengguna-pengguna yang mengalami gangguan perkhidmatan adalah disarankan untuk membuat laporan kepada penyedia perkhidmatan terbabit atau secara terus kepada SKMM melalui alamat e-mel aduan@skmm.gov.my atau talian hotline 1 800 888 030.

No - 516

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHNAN A/L
NAGAPAN (PADANG SERAI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 11.10.2010-15.12.2010

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan (Padang Serai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan, Syarikat Milik Kerajaan, Syarikat Kerajaan (GLC), kerajaan negeri dan juga agensi-agensi negeri masing-masing dari tahun 2005 hingga 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan, Syarikat Milik Kerajaan, Syarikat Kerajaan (GLC), kerajaan negeri dan juga agensi-agensi negeri masing-masing dari tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut.

Kedudukan hutang bagi setiap kategori :-

**JUMLAH HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN MENGIKUT
KATEGORI DARI TAHUN 2005 HINGGA 2009**

(RM 'juta)

PEMINJAM	2005	2006	2007	2008	2009
HUTANG AWAM	228,670.25	242,225.09	266,722.34	306,437.41	362,386.17
SYARIKAT MILIK KERAJAAN (MKD)	14,688.33	15,819.10	15,381.73	15,810.20	17,340.29
SYARIKAT KERAJAAN (GLC)	185,350.20	269,076.94	253,177.13	250,151.06	256,809.97
KERAJAAN NEGERI	13,175.79	14,202.29	15,643.21	18,273.60	17,476.43
AGENSI NEGERI	95.33	146.74	147.66	148.29	328.61

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah pelajar yang tercicir dalam sistem persekolahan negara mengikut kaum dan negeri dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memantau masalah keciciran dalam kalangan murid-murid di seluruh negara. Secara purata, analisis keciciran murid peringkat sekolah rendah yang keluar dari sistem persekolahan di bawah KPM dalam tempoh 2006 hingga 1 Januari 2010 ialah dalam sekitar 0.5 peratus. Manakala keciciran diperingkat sekolah menengah pula, sekitar 7.4 peratus.

Walau bagaimanapun, tidak semua murid tercicir daripada mengikuti persekolahan kerana sebahagian besar murid ini sebenarnya meneruskan pelajaran di sekolah-sekolah bukan di bawah kelolaan KPM seperti sekolah swasta, sekolah agama rakyat, Sekolah Menengah Persendirian Cina, sekolah antarabangsa dan belajar di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar seperti madrasah dan sebagainya. Sebilangan kecil pula mengikuti home schooling atau mengikuti keluarga berhijrah ke luar negara. Namun demikian, terdapat juga murid-murid yang terus meninggalkan dunia pendidikan kerana

tidak berminat terhadap pelajaran, masalah kesihatan dan juga memasuki alam pekerjaan.

Sehubungan itu, KPM telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkankadar keciciran. Antara Langkah-langkah tersebut ialah;

- a) Jawatankuasa Penyiasatan Murid Cicir (JPMC) hendaklah ditubuhkan di peringkat sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran untuk membuat siasatan ke atas murid cicir di tempat masing-masing dan menyediakan laporan.
- b) Mengadakan mesyuarat JPMC untuk menerima, membincang dan membuat keputusan ke atas laporan siasatan.
- c) Mengambil tindakan segera bagi kes-kes yang memerlukan bantuan kewangan yang berada dalam kawalan sekolah/ PPD/ JPN yang meliputi;
 - i) Bantuan KWAMP
 - ii) Yuran Sekolah
 - iii) Buku Teks
 - iv) Rancangan Makanan Tambahan
 - v) Asrama
 - vi) Khidmat Kaunseling kepada murid dan ibu bapa
 - vii) Khidmat Guru Pemulihan
 - viii) Bantuan dan sokongan lain yang boleh didapti oleh JPMC daripada agensi atau badan lain seperti PIBG, JHEOA, Jabatn Kebajikan Masyarakat, Jawatankuasa Kampung, Yayasan Negeri dan sebagainya.

SOALAN 518

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN

A/L NAGAPAN [PADANG SERAI]

SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

Berapakah jumlah perbelanjaan delegasi Kementerian untuk mempromosi pelancongan di luar negara sepanjang tahun 2009 dan 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah perbelanjaan misi galakkan pelancongan ke luar negara yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dan diketuai oleh YB Menteri Pelancongan adalah sebanyak RM1.59 juta bagi tahun 2009 dan RM1.28 juta bagi tahun 2010 (Januari hingga Oktober).

No: 519

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHAN A/L
NAGAPAN [PADANG SERAI]**

SOALAN : 519

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah projek pembangunan di atas tanah Perbadanan Aset Keretapi (PAK) selama ini dilakukan melalui tender terbuka atau pun secara rundingan terus.

Kenapakah kadar dan nilai ke atas sewaan tanah-tanah PAK adalah ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan bukannya melalui tender terbuka.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa kini, sebarang cadangan projek pembangunan di atas tanah Perbadanan Aset Keretapi (PAK) dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat atau pemaju yang menyatakan minat bagi membangunkan tanah-tanah keretapi. PAK akan membuat penilaian secara terperinci cadangan dari syarikat atau pemaju melalui mekanisme penilaian teknikal dan penilaian kewangan. Dalam penilaian teknikal, aspek-aspek yang dinilai ialah profil syarikat, rekabentuk, kaedah pelaksanaan dan ulasan dari agensi Kerajaan yang berkaitan (Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat/Jabatan Keretapi/Pihak Berkuasa Tempatan/Keretapi

Tanah Melayu Berhad). Manakala penilaian kewangan mengambil kira aspek kekuahan kewangan syarikat dan bentuk pulangan kepada PAK.

Satu jawatankuasa penilaian di peringkat PAK akan menilai cadangan berkenaan dengan mengambil kira ulasan dari agensi yang berkaitan dan seterusnya akan dibentangkan di peringkat Lembaga Pengarah PAK. Jika dipersetujui akan dipanjangkan kepada Kementerian Pengangkutan bagi menyediakan Kertas Jemaah Menteri untuk dibentang dalam mesyuarat Jemaah Menteri.

Tuan Yang Di Pertua,

Kadar dan nilai ke atas sewaan tanah-tanah PAK adalah ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah (JPPH) adalah disebabkan JPPH adalah agensi profesional kerajaan yang menyediakan khidmat bagi penilaian harta tanah. Lembaga Pengarah PAK telah meluluskan sebarang penilaian tanah bagi tujuan penyewaan, pajakan atau pembangunan perlulah dibuat oleh JPPH di mana nilai tersebut adalah sebagai ‘benchmark’ atau nilai rezab/minimum.

PEMBERITAHU PERTANYAANDEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
KAWASAN : PADANG SERAI
TARIKH :
NO. SOALAN : 527

TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejauh manakah pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana telah memanfaatkan sepenuhnya bantuan-bantuan kewangan dan insentif-insentif berkaitan yang telah diberikan untuk menggalakkan lagi perkembangan industri PKS.

Jawapan

Tuan Yang Dipertua,

Dari tahun 2007 sehingga 2009, bilangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mendapat manfaat daripada pelbagai program pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah menunjukkan peningkatan yang

memberangsangkan. Pada tahun 2007, kira-kira 287,000 PKS telah mendapat manfaat tersebut dan jumlah tersebut meningkat kepada lebih kurang 603,000 PKS pada tahun 2009.

Peningkatan ini menunjukkan bahawa lebih banyak PKS termasuk mikroenterpris telah mendapat akses kepada program pembangunan yang disediakan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua,

Berkaitan dengan bantuan kewangan yang disediakan oleh MITI melalui SME Corp. dari 2006 sehingga 31 Ogos 2010, pinjaman mudah sebanyak RM641.45 juta telah diluluskan kepada 912 PKS melalui Skim Pinjaman Mudah bagi PKS. Jumlah keseluruhan dana yang diperuntukkan bagi tempoh RMKe-9 bagi Skim Pinjaman Mudah tersebut adalah RM526.28 juta.

Bagi tahun 2010, sebanyak 267 program pembangunan PKS telah dirancang dan sedang dilaksanakan oleh lebih 15 Kementerian dan lebih 60 agensi dengan komitmen kewangan berjumlah RM6.2 bilion. Hampir 564,000 PKS dijangka akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan program tersebut.

Program pembangunan PKS tersebut menyokong tiga teras strategik untuk mentransformasikan PKS agar lebih berdaya

i) Mengukuhkan infrastruktur
Teras ini melibatkan pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur fizikal dan pengurusan maklumat serta pewujudan peraturan dan keperluan operasi yang kondusif bagi PKS.

Bagi teras strategik pertama ini, sebanyak 28 program sedang dilaksanakan melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM193 juta atau 2.8% dan dijangka memberi faedah kepada lebih daripada 8,000 PKS.

ii) Membangunkan kapasiti dan keupayaan PKS
Teras ini merangkumi pembangunan usahawan, pembangunan modal insan, khidmat nasihat, kesedaran dan capaian, penambahbaikan teknologi dan pembangunan produk.

Pada tahun 2010, Kerajaan memperuntukkan RM786 juta untuk 200 program penambahbaikan pengetahuan, kemahiran dan kemampuan PKS serta pekerja PKS bagi mempertingkatkan prestasi, pertumbuhan dan persaingan. Program ini dijangka akan memanfaatkan kira-kira 270,000 PKS.

iii) Meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS

Teras ini melibatkan pembangunan dan pengukuhan rangka institusi untuk menyokong keperluan pembiayaan PKS.

Bagi meningkatkan akses kepada pembiayaan kewangan bagi PKS, Kerajaan sedang melaksanakan 39 program dengan peruntukan sebanyak RM5.9 bilion atau 86 peratus daripada komitmen kewangan berjumlah RM6.2 bilion. Program ini dijangka akan memberi manfaat kepada sebanyak lebih daripada 283,000 PKS.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan data oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pertumbuhan nilai ditambah sektor PKS sepanjang tahun 2004 - 2008 adalah lebih pesat melepas pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) keseluruhannya, di mana pertumbuhan nilai ditambah PKS meningkat pada kadar tahunan purata sebanyak 7.8% berbanding dengan 5.5% bagi pertumbuhan KDNK keseluruhan. Sumbangan PKS kepada KDNK negara juga turut meningkat dari 29% pada tahun 2005 kepada 31% pada tahun 2008.

Perkembangan ini adalah antara lainnya berikutan penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) sejak 2004 yang menjadikan pembangunan PKS sebagai salah satu agenda pembangunan utama Kerajaan. Inisiatif

oleh MPPK telah menyumbang kepada peningkatan dalam penyelarasan program PKS diantara Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Disamping itu, dasar Kerajaan lain turut menyokong pembangunan PKS antaranya seperti mengurangkan kos operasi perniagaan melalui PEMUDAH dan pelaksanaan program RMKe-9 yang banyak memanfaatkan PKS termasuk mikroenterpris.

NO. SOALAN:521

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM]

SOALAN :

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk meningkatkan umur persaraan kakitangan Kerajaan dari 58 kepada 60 tahun.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kali terakhir umur persaraan wajib dinaikkan ialah pada 1 Julai 2008, iaitu daripada 56 tahun kepada 58 tahun. Persaraan wajib diperingkat umur 58 tahun telah hanya bermula pada 1 Julai 2010. Adalah wajar Kerajaan mengambil masa, untuk melihat dan mengkaji kesan peningkatan umur persaraan wajib yang lalu itu, sebelum membuat apa-apa keputusan melanjutkannya melampaui 58 tahun.

Antara pertimbangan penting yang perlu diambil kira ialah:

Pertamanya, kesan pelanjutan umur persaraan ke atas pasaran buruh negara, termasuk peluang kerja generasi lepasan sekolah, kolej dan universiti ketika ini.

Keduanya, keperluan sumber manusia sektor-sektor tertentu di dalam perkhidmatan awam, yang semestinya berbeza antara jenis-jenis perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Ketiganya, kesan pelanjutan umur persaraan wajib ke atas usaha Kerajaan ke arah "*rightsizing*", kalau pun tidak mengecilkan perkhidmatan awam demi mengurangkan kos operasi Kerajaan tanpa menjaskan perkhidmatan untuk rakyat.

Keempatnya, tahap kesihatan anggota perkhidmatan awam, terutamanya menjelang umur persaraan 58 tahun, khususnya sama ada mereka mampu untuk terus bekerja atau tidak.

Tuan Yang Di Pertua

Sekiranya dipersetujui, cadangan melanjutkan umur persaraan wajib wajar dilaksanakan bersekali dengan terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang baru bagi mendukung usaha untuk mentransformasi sektor awam ke tahap yang lebih cemerlang. Semua ini memerlukan pertimbangan yang terperinci.

Sekian. Terima kasih.

